


Jilid IV  
Bil. 21



Hari Selasa  
8hb April, 1986

M A L A Y S I A

## PENYATA RASMI PARLIMEN PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT  
*HOUSE OF REPRESENTATIVES*

PARLIMEN KEENAM  
*Sixth Parliament*

PENGGAL KEEMPAT  
*Fourth Session*

### KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN  
[Ruangan 3125]

#### RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Rahsia Rasmi (Pindaan)—Menangguhkan Bacaan Kali Yang Kedua [Ruangan 3165]

Rang Undang-undang Percetakan Teks Al-Quran [Ruangan 3166]

Rang Undang-undang Institut Teknologi MARA (Pindaan) [Ruangan 3181]

Rang Undang-undang Pencen (Pindaan) [Ruangan 3192]

Rang Undang-undang Pencen Pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan (Pindaan) [Ruangan 3214]

Rang Undang-undang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Pindaan) [Ruangan 3223]

Rang Undang-undang Cukai Pendapatan (Pindaan) [Ruangan 3246]

Rang Undang-undang Penggalakkan Pelaburan [Ruangan 3249]

Rang Undang-undang Paten (Pindaan) [Ruangan 3268]

## **KANDUNGANNYA—(samb.)**

Rang Undang-undang Lembaga Padi dan Beras Negara (Pindaan)  
[Ruangan 3286]

Rang Undang-undang Tabung Angkatan Tentera (Pindaan) [Ruangan 3305]

USLIL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat  
dan Penangguhan Mesyuarat [Ruangan 3237]

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pemhaman dan Kerajaan Tempatan, DATO S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- ” Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO DR TAN TIONG HONG, D.S.A.P. (Raub).
- ” Timbalan Menteri Pengangkutan, PUAN HAJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- ” Timbalan Menteri Kewangan, DATO SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- ” Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- ” Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, A.M.K. (Kulim-Bandar Baru).
- ” Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- ” Timbalan Menteri Kewangan, DATO' OO GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- ” Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN AHMAD SHAH BIN DATUK HUSSEIN TAMBAKAU, B.S.K. (Keningau).
- ” Timbalan Menteri Kerjaraya, DATO ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- ” Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, A.M.P., A.M.K. (Hilir Perak).
- ” Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, S.M.P., A.M.N. (Kuantan).
- ” Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- ” Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- ” Timbalan Menteri Penerangan, TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- ” Timbalan Yang di-Pertua, Dr Abdul Hamid bin Pawanteh (Arau).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikie).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- >, Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN AU HOW CHEONG, K.M.N., A.M.P. (Telok Anson).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- ,, Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN AWANG BIN JABAR, A.M.N., PJ.K. (Dungun).
- ,, Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- ,, Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- ,, Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).
- ,, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- ,, TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K., A.S.D.K. (Kinabatangan).
- ,, DATO ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- ,, TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- ,, DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- ,, DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- ,, TUAN HAJI AFFANDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Marudu).
- ,, TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS, P.P.T. (Parit).
- ,, TAN SRI DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, P.M.N., D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- ,, DATUK ALPRED JABU ANAK NUMPANG, P.N.B.S., K.M.N. (Betong).
- ,, TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Terengganu).
- ,, TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- ,, TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- ,, TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).
- ,, TUAN BAHAROM BIN HAJI BARAR (Padang Terap).
- ,, DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).
- ,, TUAN CHAN KOK Krr (Sungai Besi).
- ,, DR CHEN MAN HIN (Seremban).

Yang Berhormat DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beruas).

- " DATO CHIN HON NGIAN, D.S.I.J., S.M.J. (Renggam).
- " TUAN PETER CHIN GAN OON, P.M.P. (Ipoh).
- " TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., D.G.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- " DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- " DATUK EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.N.B.S., P.B.S. (Saratok).
- " DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- " TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- " TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- " TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- " TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- " DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.MJ. (UIu Padas).
- " TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED, K.M.N., A.M.N. (Rantau Panjang).
- " TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- " DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam),
- " TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- " TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- " TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- " DATO JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- " TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (UIu Rajang).
- " TUAN KADOH BIN AGUNDONG (Ulu Padas).
- " DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- " TUAN KAN YAU FA, A.S.D.K. (Tawau).
- " TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- " TUAN KHADRI BIN SASRAN (Tenggaroh).
- " TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- " DR KOH Tsu KOON (TanjongJ.
- " DATO LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).

Yang Berhormat TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).

- „ TUAN LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., P.B.S. (Kapit).
- „ DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM LIANG SENG, P.P.T. (Kinta).
- „ TUAN LING SIE MING (Sibu).
- „ TUAN MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN, S.M.T., P.J.K. (Ulu Nerus).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI AL[, DJ.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Pekan).
- „ DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ TUAN MOHAMED RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID, P.P.N., P.P.T. (Matang).
- „ DATO HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- „ DATO HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah),
- „ TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASRI (Setapak).
- „ DATO MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG, A.S.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMMED YUSOFF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN, A.M.N., P.P.N., P.I.S. (Pontian).
- „ TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- „ DATO MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Panti).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ DATO DR NEO YEE PAN, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).
- „ DATO' HAJI NGAH BIN HAJI ABDUL RAHMAN, S.P.M.J., S.S.I.J., P.I.S., B.S.I., A.M.N., J.P. (Ledang),
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).

Yang Berhormat TUAN OMAR BIN ABDULLAH (Tampin).

- „ TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Ulu Muda).  
„ DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K.,  
A.D.K. (Kimanis).  
„ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).  
„ TUAN QUAH WEE LIAM, P.I.S., B.S.I. (Kluang).  
„ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).  
„ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N.,  
P.J.K. (Padang Rengas).  
„ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).  
„ TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON, A.M.N., P.P.N., B.K.M.  
(Baling).  
„ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik  
Pulau).  
„ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).  
„ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Damansara).  
„ TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).  
„ DR TAN SENG GIAW (Kepong).  
„ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).  
„ TUAN TING LING KIEW (BINTULU).  
„ WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut),  
„ WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).  
„ TUAN HAJI WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir  
Puteh).  
„ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).  
„ TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA, P.P.T. (Bagan Datok).  
„ TUAN YEOH POH SAN (Petaling).  
„ TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).  
„ DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S.,  
K.M.N. (Tanjong Karang).

## **DEWAN RAKYAT**

### **PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

### **BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN**

Ketua Penyunting: Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

*Pemberita-pemberita;*

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Saraah.

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mobd. Yusof.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan,

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

### **BENTARA MESYUARAT**

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT

---

Selasa, 8hb April, 1986

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukut 2.30 petang*

## DOA

(Tuan Yang Dipertua memperngerusikan Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-  
PERTANYAANMUAR RIYER BASIN  
STUDY—KAJIAN

**1. Tuan Omar bin Abdullah minta** Menteri Kerjaya menyatakan bilakah Jabatan Bekalan Air bercadang melaksanakan kajian "Muar River Basin Study" untuk mengatasi bekalan air yang cukup bagi seluruh Negeri Sembilan.

**Menteri Kerjaya (Dato' S. Samy Vellu):** Tuan Yang di-Pertua, suacita saya memaklumkan bahawa kajian "Muar River Basin Study", dengan izin, telah dimulakan pada tahun 1982 dan laporan mengenainya telah disiapkan pada tahun 1984. Kajian itu bertujuan untuk mengatasi permintaan bekalan air di kawasan Jempol, Kuala Pilah, Tampin dan Gemas, dan bukannya bermaksud meliputi seluruh Negeri Sembilan. Kajian itu mencadangkan dua projek bekalan air utama dilaksanakan di dalam Rancangan Malaysia Kelima, seperti berikut:

- (i) Projek Bekalan Air Gemas dengan anggaran kos \$34.7 juta yang mendapat bekal air sebanyak 36 juta liter sehari bagi kawasan Gemas.

- (ii) Projek Bekalan Air Negeri Sembilan Timur, dengan anggaran kos \$96.5 juta yang dapat membekal air sebanyak 22.5 juta liter sehari bagi kawasan Jempol, Kuala Pilah dan Tampin.

Tiga lagi projek bekalan air di Negeri Sembilan yang akan dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Kelima, iaitu:

- (i) Bekalan air Sungai Terip peringkat II dengan anggaran kos \$45 juta dan dapat mengeluarkan air sebanyak 42 juta liter sehari.
- (ii) Bekalan air Rembau dengan kos dianggarkan \$7.1 juta dan akan membekalkan air sebanyak 9 juta liter sehari.
- (iii) Bekalan air Port Dickson dianggarkan memakan belanjanya \$4.8 juta.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, di samping projek-projek yang tersebut di atas, satu perjanjian kontrak turnkey, Projek Bekalan Air Luar Bandar telah ditandatangani oleh saya, bagi pihak Kerajaan Malaysia dengan Syarikat Antah Biwater Sdn Bhd, pada 24hb Mac, 1986 baru-baru ini. Perjanjian tersebut akan membina skim-skim bekalan air di luar bandar di seluruh negara dan anggaran kos untuk membina skim-skim Itu adalah tidak melebihi \$1,400 juta. Di dalam perjanjian kontrak ini, 25 skim bekalan air, yang mana kosnya

dianggarkan sebanyak \$90.5 juta akan dibina di seluruh kawasan luar bandar di Negeri Sembilan.

Dengan terlaksananya semua projek-projek yang dirancang seperti yang tersebut di atas, dan di samping Rancangan Bekalan Air yang sedia ada, saya yakin masalah bagi mengadakan bekalan air yang cukup di seluruh Negeri Sembilan akan dapat diatasi.

**Tuan Omar bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri, cuma saya ingin bertanya, mengikut Muar River Basin Study, dengan izin, apakah masalah yang sebenarnya tentang bekalan air ini. Adakah masalah punca air kerana tidak ada catchment area ataupun masalah teknikal yang lain seperti distribution?

**Dato' S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, seperti apa saya terangkan tadi, kita tidak mempunyai apa-apa masalah kecuali masalah peruntukan sabaja. Jadi asas projek itu telah siap, tetapi kita tidak boleh melaksanakan projek itu dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat, sebab-sebabnya kekurangan peruntukan untuk menjalankan projek-projek itu.

Baru-baru ini kita telah meminta daripada Kementerian Kewangan untuk mendapatkan peruntukan dalam Rancangan Malaysia Kelima dan mereka telah meluluskan permintaan daripada Kementerian Kerjaraya. Saya harap kita akan menjalankan satu projek datam satu tempoh masa tidak berapa lama lagi.

**Tuan Lim Kit Siang:** Bolehkah Yang Berhormat Menteri nyatakan, sama ada semua projek-projek yang disebutkan tadi akan dijalankan oleh Antah Biwater, di mana Yang Berhormat Menteri pun ada sebut satu kontrak yang ditandatangani bernilai berjumlah \$1.4 million.

Kedua, bolehkah kontrak itu yang diberi tanpa tender diubahsuai supaya kepentingan jurutera-jurutera tempatan diutamakan, supaya semua kerja-kerja dijalankan oleh jurutera-jurutera tempatan dan bukan oleh jurutera-jurutera luar negeri, di mana kalau tidak silap saya ada peruntukan di kontrak 50 orang sehingga 100 orang jurutera-jurutera luar negeri, supaya jurutera-jurutera tempatan diberi 100% kerja dalam skim itu.

**Dato' S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, seperti apa yang saya jawab tadi, rancangan-rancangan bekalan air di kawasan Negeri Sembilan ialah melalui Rancangan Antah Biwater berharga lebih daripada \$90.5 juta sahaja. Untuk menjawab kepada Ahli Yang Berhormat berkenaan dengan kontrak yang ditandatangani oleh saya tanpa apa-apa tawaran iaitu satu projek khas yang saya telah berijawap kepada Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka dalam jawapan dari Kementerian saya.

Watau bagaimanapun, untuk memberi lebih faedah kepada Ahli Yang Berhormat, saya harap kita akan menggunakan perkhidmatan Jurutera-jurutera di dalam tanahair kita iaitu lebih daripada 82% Jurutera-jurutera akan digunakan dalam projek bekalan air ini. 18% ialah Jurutera-jurutera yang berasal daripada negeri Britain. Sebab-sebabnya ialah mereka telah memperkenalkan rancangan yang pertama ini dan selain daripada 18% itu 82% ialah Jurutera-jurutera dari tanahair kita dan di rancangan yang dihantarkan oleh Syarikat Antah Biwater ini kepada Kementerian saya lebih kurang 3 tahun yang lalu kajian-kajian itu telah dijalankan oleh Jurutera-jurutera, firma-firma perunding di dalam tanahair kita juga, bukan daripada luar negeri.

Saya berjanji kepada Ahli Yang Berhormat, saya telah menetapkan Jurutera-jurutera dalam tanahair kita mesti mengambil bahagian dalam

rekabentuk dan juga mengawasi projek-projek dan kontrak-kontrak dalam tempoh 4 tahun 9 bulan ini semua kerja-kerja akan dijalankan oleh semua kontraktor-kontraktor daripada tanahair kita. Tetapi apa yang kita tetapkan iaitu 20% sahaja dahpada negeri Britain. 20% itu pun bukanlah pekerja-pekerja tetapi jika ada juga bahagian-bahagian khas yang mana kita tidak boleh mendapat tenaga mahir daripada tanahair kita, mereka mesti memohon kepada Menteri Kerjaraya untuk mendapat kebenaran sebelum mereka mengadakan sesiapa dari iuar negeri.

Saya berjanji kepada Yang Berhormat semua kandungan-kandungan kontrak itu saya sendiri pun tahu apa ada di dalam kandungan. Sebelum kita menandatangani kontrak itu, dalam kandungan kontrak kita telah memberitahu kepada Antah Biwater dan juga Biwater International Bhd, mereka mesti mengikut syarat-syarat yang dikenakan oleh Kerajaan Persekutuan Malaysia dan tidak mengikut syarat-syarat yang dicadangkan oleh Kerajaan Britain pada masa dahulu.

#### **KHUTBAH JUMAAT DI MASJID-MASJID**

**2. Tuan Yahya bin Haji Zakaria** minta Perdana Menteri menerangkan sama ada khutbah Jumaat di masjid-masjid dalam negara ini diawasi oleh Jabatan Agama Negeri-negeri. Jika ada, adakah Perdana Menteri sedar bahawa khutbah di Masjid Rusila Terengganu yang disampaikan oleh Haji Hadi Awang ini menghasut rakyat khasnya orang-orang Islam menentang Kerajaan. Apakah langkah-langkah yang sudah diambil dan akan diambil untuk membanteras perkara ini.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Noor):** Tuan

Yang di-Pertua, Pihak Berkuasa Agama Islam Negeri sememangnya mengawasi kegiatan tiap-tiap masjid di negeri yang berkenaan dan ini termasuklah khutbah Jumaat.

Mengenai khutbah Jumaat di Masjid Rusia Terengganu itu adalah termasuk di bawah bidang kuasa Pihak Berkuasa Agama Islam Kerajaan Negeri Terengganu.

**Tuan Yahya bin Haji Zakaria:** Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri sebentar tadi mengatakan bahawa sememangnya kuasa-kuasa untuk mengawal khutbah Jumaat di Masjid Rusila itu ada pada Jabatan Agama Negeri Terengganu. Apakah langkah-langkah Kementerian dapat membantu Jabatan Agama Negeri Terengganu sekiranya mereka yang memberi ucapan khutbah itu telah pun diberi amaran dan sebagainya tetapi tidak mematuhi undang-undang?

**Dato Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Noor:** Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah yang dibuat oleh Bahagian Hal Ehwal Islam di Jabatan Perdana Menteri ialah dengan mengadakan perbincangan dengan semua Ketua-ketua Jabatan Agama dan juga Pengarah Jabatan Agama di seluruh negara bukan sahaja Negeri Terengganu dengan tujuan untuk mengatasi masalah atau kemungkinan timbulnya khutbah yang bertentangan dengan maksud khutbah yang dikehendaki oleh Islam sendiri. Kerana sebagaimana yang kita ketahui, mereka yang menyampaikan khutbah sendiri perlu menyedari bahawa mereka tidak boleh menyalahgunakan khutbah kerana khutbah ada mempunyai beberapa syarat atau conditions, dengan izin, yang mesti ditunaikan oleh setiap Khatib. Dalam perbincangan dengan semua Yang di-Pertua-Yang di-Pertua Jabatan Agama Negeri-negeri, kita dapatkan beberapa perkembangan yang sihat sedang berjalan pada masa ini

lebih-lebih lagi kita mendapat bantuan daripada pihak yang berkaitan dengan keselamatan dalam negara.

**Tuan Khadri bin Sabran:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ekoran daripada khutbah Jumaat di Masjid Rusila oleh Haji Hadi Awang ini, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah beliau sedar wujudnya beberapa golongan yang tertatu taksub dengan khutbah Haji Hadi Awang di Masjid Rusila ini iaitu mereka raendengar khutbah melalui keset-keset di radio pada hari Jumaat, kemudian bersembahyang Jumaat secara kumpulan 4, 5 orang, tidak mengerjakan sembahyang Jumaat di masjid-masjid. Jika sedar tentang perkara ini ada berlaku, apakah langkah-langkah yang telah dan sedang ataupun akan dilaksanakan oleh Kerajaan untuk menghalang perbuatan mereka yang telah saya kira menyimpang jauh dari ajaran-ajaran Islam ini.

**Dato Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Noor:** Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja bahagian Hal Ehwal Islam di Jabatan Perdana Menteri menyedari perkara ini, bukan sahaja Jabatan Agama Islam Negeri Terengganu tetapi Jabatan-jabatan Agama di negeri-negeri lain di Malaysia juga menyedari perkembangan yang tidak sihat ini. Jabatan-jabatan Agama meneliti tentang kandungan dan persebahaman khutbah dilihat daripada kacamata keislaman sendiri supaya tidak bercanggah dengan ajaran Islam. Ini adalah tugas Jabatan Agama. Jabatan Agama, apabila menyedari perkara ini telah menyampaikan perkara yang berlaku itu yang menyentuh masalah keselamatan negara yang telah menimbulkan kumpulan-kumpulan yang extreme yang telah menjelaskan perhubungan bukan sahaja di antara orang-orang Islam tetapi di antara orang-orang Islam dengan yang bukan

Islam hasil daripada semangat taksub ini. Inilah yang saya maksudkan bahawa langkah-langkah yang positif dan tegas sedang diambil oleh semua pihak.

#### **TAMAN BIMBINGAN KANAK-KANAK (TBK) KEMAS**

**3. Tuan Bahari bin Harun** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan berapakah jumlah tadika-tadika KEMAS yang telah diwujudkan di seluruh negara. Adakah Kementerian bercadang memperluaskan rancangan ini.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sehingga kini telah mewujudkan sejumlah 3,782 buah Taman Bimbingan Kanak-kanak (TBK) KEMAS di seluruh negara. Kementerian saya tidak mencadang untuk memperluaskan lagi rancangan ini sekurang-kurangnya untuk jangka masa yang pendek. Sebaliknya tumpuan akan diberikan untuk memperbaiki mutu dan prestasi kelas TBK yang sedia ada. Ini adalah kerana tahun 1986 ini adalah tahun pertama perlaksanaan kurikulum baru TBK KEMAS yang memberikan juga perhatian kepada mengajar, menulis dan mengira ataupun 3M sebagaimana yang ditetapkan dalam garis panduan kurikulum TADIKA yang dikeluarkan oleh Kementerian Pelajaran. Walau bagaimanapun, dalam jangka masa panjang, Kementerian saya memang bercadang untuk memperluaskan lagi rancangan ini.

**Tuan Ahmed Hambal bin Yeop Majlis:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, adakah Yang Berhormat dapat menerangkan, antara kelas TADIKA yang

dianjurkan oleh KEMAS ini, adakah berkaitan dengan satu lagi jenis kelas bimbingan yang bernama TASKI iaitu yang diwujudkan bersama-sama dengan kelas TADIKA iaitu Kelas Taman Bimbingan Kanak-kanak Islam. Kalau sekiranya ada kaitan antara Tadika KEMAS dengan TASKI ini bagaimanakah perhubungan ataupun bagaimanakah perjalanan dari segi sukatan pelajaran dan juga kawatan yang dibuat oleh Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar terhadap kedua-dua kelas bimbingan kanak-kanak ini?

**Tuan Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar hanya menitikberatkan ataupun mengawal kelas-kelas TBK (Tadika KEMAS) yang ada di seluruh negara, walaupun kita sedar berkenaan dengan wujudnya kelas Taski, tetapi ini bukanlah di bawah kelolaan ataupun tidak ada langsung kaitan dengan pihak Kementerian.

#### **SYARIKAT KEWANGAN TANPA LESEN—DENDA**

**4. Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Kewangan menyatakan:

(a) sama ada beliau sedar bahawa denda yang dikenakan ke atas syarikat kewangan yang tidak berlesen sekarang yang membawa kepada denda \$5,000 tidak menjadi satu halangan atau pengajaran dan hendaklah dinaikkan menjadi 10 kali ganda;

(b) sama ada Kerajaan akan menutup kekurangan yang membenarkan firma kredit dan pajakan untuk mengutip deposit daripada orang ramai; dan

(c) sejauh mana pihak Polis telah bekerjasama dengan Kementerian Kewangan untuk menghentikan amalan yang haram ini,

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato Sabbaruddin Chik):** Tuan Yang di-Pertua, (a) untuk makluman Ahli Yang Berhortnat, mulai 1Ohb Januari, tahun ini, denda maksima yang dikenakan ke atas sesiapa yang didapati menjalankan urusniaga kewangan tanpa lesen, seperti yang diperuntukkan dalam Seksyen 3 Akta Syarikat Kewangan, 1969, telah dinaikkan dari \$5,000 kepada \$20,000. Mereka yang disabitkan kesalahannya boleh juga dipenjara untuk tempoh 3 tahun atau kedua-duanya sekali.

Bagi menjawab soalan (b), pada masa ini terdapat peruntukan-peruntukan dalam Akta Syarikat, 1965 dan Akta Syarikat Kewangan, 1969 yang melarang sesiapa juga termasuk syarikat kredit dan sewa-pajak dari melibatkan diri dalam kegiatan penerimaan simpanan dari orang ramai kecuali mereka yang mempunyai lesen untuk berbuat demikian.

Di bawah kedua-dua Akta tersebut, sesiapa yang didapati melibatkan diri dalam kegiatan pengambilan deposit secara haram, boleh didakwa dan dikenakan denda.

Jawapan kepada soalan (c), pihak Polis tetah membuat pemeriksaan mengejut ke atas beberapa syahkat yang disyaki melibatkan diri dalam kegiatan-kegiatan penerimaan simpanan secara haram dengan tujuan untuk mendapatkan bukti yang mereka telah melanggar Akta Syarikat Kewangan, 1969.

Berhubung dengan ini, kerjasama daphada orang ramai juga diperlukan supaya melaporkan kepada pihak Polis mana-mana syarikat yang terlibat dalam kegiatan penerimaan simpanan

secara haram dari orang ramai bagi membolehkan tindakan sewajarnya diambil ke atas kegiatan ini.

### **MINI ESTET RISDA— PRESTASI DI BAWAH RML**

**5. Tuan Haji Seroji bin Haji Haron** minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan bagaimana prestasi Mini Estet yang telah dilaksanakan oleh RISDA sehingga akhir 1985 dan berapa projek mini Estet yang telah diluluskan dalam RML mengikut negeri.

**Setiausaha Parliment Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato Haji Dusuki bin Haji Ahmad):** Tuan Yang di-Pertua, prestasi Mini Estet yang telah dilaksanakan oleh RISDA sehingga akhir tahun 1985 adalah amat memuaskan. Sehingga tempoh tersebut, seluas 76,669% ekar daripada 181,671 1/4 ekar yang dirancang telah pun dimajukan. Ini bermakna 94,000 ekar daripada kawasan yang dirancang telah dapat dimajukan. Dalam Rancangan Malaysia Kelima (RML) pula sebanyak 279 projek yang meliputi seluas 107,662 ekar akan dimajukan. Pecahannya mengikut negeri adalah seperti berikut:

Negeri	Jumlah Projek	Luas kawasan dimajukan
Perlis	.. ..	5 652 ekar
Kedah	.. ..	66 25,103 ekar
Perak	.. ..	21 8,835 ekar
Selangor	.. ..	10 1,727 ekar
Negeri Sembilan		18 7,200 ekar
Melaka	.. ..	11 4,103 ekar
Johor	.. ..	23 10,130 ekar
Pahang	.. ..	52 20,147 ekar
Terengganu	..	46 18,418 ekar
Kelaasan	.. ..	27 11,427 ekar

**Tuan Haji Scroji bin Haron:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parliment berkenaan iaitu bagaimanakah dengan rancangan tanam semula biasa bagi kawasan-kawasan yang terlibat dengan projek Mini Estet, adakah rancangan tersebut berjalan seperti biasa ataupun dikurangkan pelaksanaannya.

Yang kedua, sekiranya kalau ada butir-butir daripada Setiausaha Parliment berapakah projek Mini Estet yang telah diluluskan dalam Daerah Baling dan kalau boleh nyatakan berapa luas kawasan yang terlibat dalam projek tersebut?

**Dato Haji Dusuki bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Mini Estet ini ialah satu rancangan tanah getah pekebun-pekebun kecil yang disatukan dan diuruskan secara estet dan pengurusannya adalah bergantung kepada persetujuan daripada tuan tanah itu sendiri ataupun persetujuan daripada pekebun-pekebun kecil. Mana-mana pekebun kecil yang tidak bersetuju untuk melibatkan diri dalam Mini Estet ini, pihak RISDA tidak mempunyai apa-apa kuasa untuk memaksanya dan dengan demikian rancangan biasa tanaman semula bagi pekebun-pekebun kecil yang berkenaan berjalan secara berterusan.

Yang kedua, soalan yang menghendaki angka-angka itu, saya minta notis.

**Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam 279 rancangan raini estet di negara kita, 52 adalah di negeri Pahang. Apabila mula-mula rancangan mini estet ini dijalankan, maka pekebun-pekebun kecil dengan rela hati menyerahkan tanah-tanah getah yang tua mereka kepada pihak RISDA untuk menebang dan menebas dan menanam semula getah mereka

dan mereka telah diberi pendahuluan pampasan di antara \$80-\$150 sebulan untuk membayai kehidupan mereka dari bulan ke bulan atas dasar pendahuluan, tetapi sejak beberapa ketika dahulu skim ini telah diberhentikan dan ini telah menumpulkan kepercayaan rakyat kampung terhadap RISDA di mana fund masa itu tak cukup. Adakah wang untuk rancangan Sepentas ini akan diteruskan dan memberi keyakinan bahawa mereka akan memberi banyak lagi tanah mereka untuk ditanam semula oleh RISDA.

**Dato Haji Dusuki bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, apa yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pekan sekejap tadi ialah berhubung dengan Sepentas, sebenarnya kedudukan Sepentas ini disebabkan keadaan kewangan agak terhad buat masa ini, maka bantuan melalui Sepentas ini ditangguhkan buat sementara dan untuk akan datang akan difikirkan apabila suasana kewangan menggembirakan.

#### INDUSTRI PEMASANGAN KERETA—PRESTASI

**6. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah** minta Perdana Menteri menyatakan setakat manakah terjejasnya industri pemasangan kereta luar negeri dengan wujudnya Perusahaan Otomobil Nasional (kereta kebangsaan) sehingga sekarang sila berikan data yang menunjukkan perbezaan kemajuan industri berkenaan pada masa sebelum dan sesudah proton menjalankan operasinya. Nyatakan bilangan kereta proton saga yang dijual bagi tiap-tiap negeri sehingga 31hb Januari, 1986.

**Datuk Dr James P. Ongkili:** Tuan Yang di-Pertua, prestasi industri pemasangan kereta pada keseluruhannya telah mula menurun pada tahun 1984 kerana permintaan

yang menurun yang disebabkan oleh kemelesetan ekonomi yang dialami oleh negara ini.

Penjualan kereta penumpang dalam tahun 1985 telah turun sebanyak 26% berbanding dengan tahun 1984 iaitu dari 92,631 unit kepada 67,729 unit. Kekurangan permintaan kereta sebagaimana yang dapat dilihat bagi tahun 1985 itu adalah sebanyak 24,902 unit.

Proton hanya menjual sebanyak 7,494 unit kereta bagi tahun yang sama. Oleh yang demikian tanpa wujudnya Proton Sdn Bhd permintaan kereta masih tetap berkurangan di masa yang dipinta oleh Ahli Yang Berhormat itu. Sehingga 31hb Januari, 1986 bilangan kereta Proton Saga yang telah dijual bagi tiap-tiap negeri adalah seperti berikut:

Negeri		Bilangan kereta (Unit)
Selangor dan Persekutuan	Wilayah	4,503
Pulau Pinang	....	824
Johor	.. .. ..	756
Perak	....	754
Kedah	.. .. .. ..	447
Melaka	....	396
Pahang	....	379
Sarawak	.. .. .. ..	369
Negeri Sembilan	.. ..	352
Kelantan	....	332
Terengganu	.. .. ..	301
Sabah	....	248
Perlis	....	22
<b>JUMLAH</b>		<b>9,683</b>

**Tuan Yew Foo Weng:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam jawapan Yang Berhormat Menteri yang berkenaan tadi menyatakan bahawa permintaan bagi kereta Proton Saga ini telah jatuh sebanyak 20% lebih. Jadi ini menunjukkan

prestasi yang tidak memuaskan. Saya ingin bertanya, kalau trend ini berterusan, adakah ini menunjukkan bahawa projek untuk mengadakan Proton Saga ini akan gagal pada masa akan datang dan sampai bila kita boleh mendapat semula pelaburan yang telah dibelanjakan untuk mengadakan Proton Saga ini?

Soalan yang kedua, sebelum mengadakan Proton Saga ini beberapa pihak atau golongan masyarakat telah menimbulkan kekhawatiran projek ini tidak berjaya. Adakah prestasi pada masa sekarang ini menunjukkan mereka adalah betul?

**Datuk Dr James P. Ongkili:** Tuan Yang di-Pertua, angka yang disebut oleh Yang Berhormat itu yang prestasi ataupun pengeluaran Proton telah jatuh 20% tidak benar. Apa yang saya katakan di dalam jawapan awal saya itu ialah bahawa penjualan unit-unit kereta di negara kita telah menurun 26% daripada tahun 1984 kepada tahun yang lalu (1985) dan bagi Proton sendiri saya telah menyatakan Proton telah dapat menjual sebanyak 7,494 unit pada tahun operasi pertama iaitu tahun yang lalu. Jadi, itu saya ingin betulkan dan sehingga sekarang sebenarnya Proton Saga telah pun dijual lebih daripada 10,000 unit menjelang bulan April ini.

Projek Proton Saga ini tidak mungkin gagal. Saya katakan demikian kerana semenjak Proton Saga dipasarkan khususnya daripada bulan September 1985 sehingga sekarang, pelanggan-pelanggan begitu banyak dan pada tahun yang talu, lingkungan dari bulan November dan Disember sehingga pelanggan-pelanggan itu terpaksa menunggu 3 bulan dan kemudian 2 bulan. Walaupun kilang kita di Shah Alam itu telah mengeluarkan lebih 100 unit sehari, 90-100 unit Proton Saga dikeluarkan pada tiap-tiap hari, dan begitu juga pada ketika ini pengeluarannya pun hari-hari 100 unit

tiap-tiap hari untuk menampung pelanggan-pelanggan Proton Saga kita ini. Memanglah apabila kita mulakan sesuatu industri yang baru ini terutama sekali satu industri yang agak kompleks dan yang sebenarnya boleh dikatakan "high-tech", dengan izin, juga kerana di sana sini kita menggunakan alat elektronik dan komputer juga, dari segi bahagian controlnya. Memanglah kita was-was dan ragu-ragu sama ada kita boleh mengendalikan dengan jayanya suatu projek yang baru seperti ini, yang "pioneering", dengan izin, seperti ini, tetapi setakat ini prestasi Proton Saga adalah sangat menggalakkan dan memanglah masa untuk mendapat kembali modal yang telah dilaburkan itu akan agak panjang sedikit kerana ia itu agak tinggi dan dijangka bahawa masa untuk mendapat kembali adalah sekurang-kurangnya 4 tahun daripada permulaan mengeluarkan kereta itu.

Jadi perasaan khuatir ini, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa memang kita asing dalam situasi yang seperti ini tetapi prestasi dan masa depan Proton Saga ini sangatlah menggalakkan dan kita akan buat dengan segala daya upaya kita untuk mempastikan bahawa langkah demi langkah kita akan memperbaiki perjalanan dan pembinaan dan pengeluaran kereta nasional kita ini.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Mengenai soalan pertama tadi, lain kali dengar baik-baik dahulu jawapan sebelum soal soalan tambahan.

#### **SEKOLAH RENDAH/ MENENGAH—KEKURANGAN BILIK DARJAH**

**7. Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar bahawa terdapat sekolah-sekolah sama ada Sekolah Rendah atau Sekolah Menengah di mana peningkatan keramaian murid-

muridnya begitu ketara sekali (sebagai contohnya, Sekolah Menengah Simpang, Taiping dalam negeri Perak) yang mana bangunan sekolah dan bilik-bilik darjahnya tidak mencukupi. Jika sedar, apakah langkah serta tindakan beliau bagi mengatasi masalah supaya tidak menyusahkan inurid-murid, ibu bapa serta guru-guru berhubung perkara ini.

**Menteri Pelajaran (Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran sedar tentang adanya Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah yang mengalami kekurangan bilik darjah akibat bertambahnya bilangan murid. Dengan mengambil kira jangkaan keadaan kewangan negara, Kementerian Pelajaran hanya merancang untuk membina 38,244 bilik darjah sahaja dalam Rancangan Malaysia Kelima. Walau bagaimanapun, dengan peruntukan Rancangan Malaysia Kelima yang terhad itu, maka Kementerian Pelajaran telah membuat kiraan lain dan dengan itu telah meluluskan sejumlah 12,111 bilik darjah sahaja, iaitu 8,997 buah untuk Sekolah Rendah dan 3,114 buah bilik darjah untuk Sekolah Menengah. Rancangan ini termasuklah cadangan untuk membina 16 bilik darjah tambahan serta kemudahan-kemudahan lain bagi Sekolah Menengah Simpang, Taiping, Perak yang dicadangkan pelaksanaannya dalam tahun 1986.

**Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid: (Bangun).**

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Ulu Neris. Minta maaf. Ahli Yang Berhormat dari Matang bangun! Apabila bangun lain kali, jangan separuh duduk, separuh bangun. Saya pun keliru. Silakan.

**Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bercadang

hendak beri peluang kepada kawan-kawan membuat soalan tambahan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, yang memberi peluang ialah saya. Orang lain tidak boleh.

**Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid:** Ya. (*Ketawa*). Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri Pelajaran berhubung dengan masalah Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah ini, adakah Kementerian Pelajaran membuat kajian secara menyeluruh berhubung dengan masalah mendirikan sekolah-sekolah, sama ada Sekolah Menengah atau Rendah, misalnya dalam masalah di segi pertambahan penduduk-penduduk dalam satu-satu kawasan itu. Ini memandangkan oleh kerana apabila Kerajaan mendirikan sebuah sekolah, jadi sekolah itu kadangkala murid-murid tidak ramai oleh kerana penduduknya kurang tetapi ada setengah tempat pertambahan penduduknya di segi pembangunannya begitu ketara sekali. Jadi pihak Kementerian ada membuat kajian, bolehkah Yang Berhormat Menteri menerangkan apakah kajian-kajianya di segi Kementerian Pelajaran untuk mendirikan sekolah-sekolah, sama ada menengah atau rendah.

**Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** Tuan Yang di-Pertua, ini cerita panjang tetapi saya ringkaskanlah. Yang sebenarnya perancangan itu ada dibuat oleh Kementerian Pelajaran berdasarkan kepada keperluan murid-murid untuk mendapat pelajaran sama ada rendah atau menengah dan ini diambil mengikut kadar pertumbuhan penduduk dan juga pertaburan penduduk di kawasan-kawasan seluruh negara. Tetapi yang kadang-kadang membawa kepada masalah dalam perancangan ini ialah bila

terdapat adanya nanti kawasan-kawasan perumahan yang baru dan apabila ini berlaku saya rasa ia telah menyebabkan sedikit masalah kepada perancangan Kementerian. Kadang-kadang sekolah yang telah dibina itu telah menjadi terlalu kecil untuk menampung keperluan murid-murid yang begitu ramai dalam sesuatu kawasan kerana adanya rancangan perumahan itu.

Yang keduanya tentang sekolah yang mempunyai bilangan murid yang kecil walaupun sekolah itu dibina agak besar untuk keperluan murid yang lebih ramai. Kadang-kadang ini berlaku disebabkan adanya perpindahan. Inilah yang membuatkan wujudnya sekolah-sekolah yang dikatakan, dengan izin, "under-enrolled school".

**Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, iaitu memandangkan begitu banyak sekali kekurangan bilik-bilik darjah ini, sama ada di Sekolah Menengah ataupun di Sekolah Rendah dan memandangkan punca kewangan Kerajaan adalah terhad, tidakkah pihak Kementerian memikirkan satu-satu cara yang lain bagaimana masalah kekurangan kelas-kelas, bilik-bilik darjah ini dapat diatasi, misalnya secara mendirikan kelas-kelas sementara yang dibuat secara gotong-royong oleh PIBG ataupun sebagainya?

**Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran dalam usaha hendak menjimatkan perbelanjaan memanglah menggunakan kaedah membina bilik-bilik darjah secara gotong-royong. Umpamanya baru-baru ini di negeri Kelantan bagi bilik-bilik darjah yang diperlukan di kawasan-kawasan luar bandar kita telah merancangkan pembinaan keseluruhan keperluan bilik darjah di kawasan luar bandar itu secara

bergotong-royong. Apabila ini dilaksanakan maka peruntukan wang sebanyak \$14 juta itu telah dapat dijimatkan kerana perbelanjaan sebenarnya hanya lebih sedikit daripada \$4 juta. Jadi, kita telah dapat menjimatkan hampir \$10 juta dengan kaedah ini. Ini bermakna bahwasanya kita boleh membina bilik-bilik darjah lebih banyak lagi daripada yang dianggarkan kerana anggaran mula itu agak terlalu besar dan oleh sebab keadaan kewangan negara pada masa sekarang ini kita tidak dapat peruntukan sepenuhnya daripada agensi pusat khususnya daripada Kementerian Kewangan. Jadi, kita terpaksa kurangkan bilangan bilik darjah yang hendak didirikan. Tetapi, dengan adanya kaedah menjimatkan perbelanjaan itu dengan menggunakan sistem gotong-royong itu, saya fikir kita akan dapat menambahkan bilangan yang agak besar juga bilik-bilik darjah yang diperlukan itu.

#### BAYARAN SOCSO/KWSP— PEKERJA BATU ARANG LADANG SUNGAI TINGGI

#### 8. Tuan Chan Kok Kit minta Menteri Buruh menyatakan:

- (a) apakah tindakan Kementeriannya telah ambil ke atas aduan yang dibuat oleh pekerja-pekerja dari Bahagian Batu Arang Ladang Sungai Tinggi, Rawang yang telah mengadu mengenai ketidak bayaran SOCSO, KWSP, elau bersalin, elaun perumahan, elaun kerja lebih masa dan lain-lain oleh pihak majikan dan nyatakan mengapa Kementeriannya mengambil masa yang begitu panjang untuk menyelesaikan aduan-aduan tersebut dan apakah tindakan yang diambil terhadap pemilik ladang tersebut iaitu Syarikat SOCFIN;

(b) sudahkah kes pemecatan pekerja-pekerja ladang tersebut yang melibatkan 114 keluarga dirujuk kepada Mahkamah Perusahaan untuk diadili dan jika ya, bolehkah kes tersebut didengar dengan seberapa segera yang boleh kerana pekerja-pekerja berkenaan telah dipecat sejak 1hb Oktober, 1985 dan mereka tidak ada apa-apa mata pencanangan yang lain.

**Timbalan Menteri Buruh (Datuk William Lye Chee Hien):** Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan:

(a) semua aduan terhadap majikan oleh pekerja-pekerja di Bahagian Batu Arang Ladang Sungai Tinggi yang ada kaitan dengan Kementerian Buruh dan melibatkan tuntutan seperti elaun bersahn, elaun perumahan, elaun kerja lebih masa dan lain-lain, telah disiasat oleh Kementerian saya dengan teliti dan tindakan sewajarnya telah pun diambil. Dan pada hasil penyiasatan yang dilakukan oleh Pejabat Tempatan PERKESO di Rawang menunjukkan bahawa pihak pengurusan Ladang Sungai Tinggi dan semua kontraktor-kontraktor yang terlibat di ladang itu tetap membayar caruman bagi semua pekerja-pekerja yang layak di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja, 1969 dengan betul dan teratur. Mengenai pengaduan berhubung dengan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) pula, adalah difahamkan bahawa hasil siasatan KWSP menunjukkan bahawa kontraktor/majikan ini mempunyai tunggakan caruman sebanyak \$9,900 untuk jangka masa Januari 1985 hingga Mei 1985 dan tunggakan tersebut telah pun dijelaskan dengan

sepenuhnya pada 31-10-85. Walau bagaimanapun, tindakan undang-undang sedang dijalankan ke atas majikan tersebut kerana kelewatan membayar caruman KWSP.

(b) Berhubung dengan kes pemecatan pekerja-pekerja Ladang Sungai Tinggi yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, sukalah saya maklumkan bahawa kes tersebut telah pun dirujuk kepada Mahkamah Perusahaan dan saya yakin Mahkamah Perusahaan akan mengambil tindakan yang sewajarnya untuk membicarakan kes ini dengan adil dan saksama dan dalam masa yang seberapa segera.

**Tuan Chan Kok Kit:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu kenapa begitu lama kes tersebut berada di Mahkamah Perusahaan sebelum dibicarakan.

**Datuk William Lye Chee Hien:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya masalah di estet ini adalah terlalu banyak dan bukanlah semua kes dirujuk ke Mahkamah Perusahaan. Kes-kes yang telah dirujuk ke Mahkamah Perusahaan cuma ada 4 sahaja dan ini pun cuma dirujuk pada bulan Januari tahun ini sahaja. Jadi, ini tidaklah di kira terlewat.

**Tuan Lim Kit Siang:** (*Bangun*).

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato' Haji Saidin .....

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya .....

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah.

**Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah:** Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 9.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun supaya saya boleh "catch the Speaker's eye".

**Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim:** Duduklah!

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Speaker mahu tengok atau tidak mahu tengok. Ada yang mahu empat atau tujuh soalan tambahan, dan ada yang tidak suka. Tuan Yang di-Pertua, mesti ada satu standard.

**Ahli-ahli Yang Berhormat;** Keluar! Keluar!

**Tuan Lim Kit Siang:** Bagaimana kita boleh "catch the Speaker's eye", mana keadilannya? Bukan oleh kerana soalan DAP tidak mahu beri soalan tambahan tetapi keadilan. Saya mahu bertanya soalan tambahan, bolehkah?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah.

**Tuan Lim Kit Siang:** On a point of order. Bagaimana boleh "catch the Speaker's eye", kalau "Speaker's eye" ada "Nelson's eye"?

**Ahli-ahli Yang Berhormat:** Point of order, point of order!

**Tuan Lim Kit Siang:** Mana ada keadilan mockery!

**Ahli-ahli Yang Berhormat:** Get out!

**Tuan Lim Kit Siang:** Tidak guna.

(*Tuan Lim Kit Siang keluar meninggalkan Dewan.*)

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sdy ingin dicatatkan bahawa saya telah menegur Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, Ketua Pembangkang kerana menimbulkan buruk sangka kepada saya dengan menyebut bahawa saya ada "Nelson's eye" dan saya serahlah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bagi membuat peoilaian dan kesimpulan sama ada tohmah dan

dakwaan ini adalah wajar dalam saya menjalankan tugas-tugas saya seadil-adilnya.

Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum di soalan yang pertama, mula-mula lagi saya telah memberi peluang kepada Ahli Yang Berhormat dari Kota Metaka memandangkan tarafnya sebagai Ketua Pembangkang membuat soalan tambahan yang pertama di Dewan yang mulia ini.

Oleh kerana saya menyedari bahawa setiap perkataan saya adalah dicatatkan bagi sejarah membuat penilaian, sekali lagi adalah menjadi anggapan saya ini adalah perangai yang tidak wajar bagi seorang yang memegang jawatan Ketua Pembangkang (*Tepuk*).

#### KOLAM TAKUNGAN AIR DI LENGGONG

**9. Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah** minta Menteri Kerjaryaya menjelaskan, adakah pihak Kementeriannya sedar bahawa sejak tahun 1978 Kerajaan telah membina kolam takungan air di Sumpitan, Lenggong; dalam usaha mengatasi masalah perbekalan air bersih di Daerah Kecil Lenggong. Walaupun kolam itu sudah lama siap dibina tetapi ianya gagal untuk mengatasi masalah perbekalan air di Daerah Kecil Lenggong kerana tidak ada paip untuk menyalurkan air dari takungan itu ke kampung Kuak kira-kira lebih kurang 17 batu. Jika sedar, apakah langkah positif yang telah, sedang diambil oleh Kementeriannya bagi mengatasi projek yang tergendala selama lebih kurang 6 tahun itu.

**Dato' S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya memang sedar berkenaan dengan sebuah kolam takungan air di Lenggong yang telah siap pembinaannya pada tahun 1981. Takungan air itu sebenarnya dibina untuk mengatasi masalah bekalan air

di Daerah Kecil Lenggong, dan kawasan-kawasan sekitarnya, dan tidak dirancang untuk membekalkan air ke kawasan Kampung Kuak.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, takungan air di Lenggong hanya dapat membekalkan air kepada pengguna-pengguna di sepanjang jalan raya sehingga 6 kilometer sahaja ke selatan. Manakala air yang dibekalkan daripada Logi Air di Kg. Baharu, Sauk di selatan Kuak pula, hanya dapat tnembekal air ke sebelah utara sehingga ke Janalek Hulu. Oleh itu, kawasan Kuak, Kg. Raban dan kawasan sekitarnya tidak menerima bekalan air bersih daripada kedua-dua sumber tersebut disebabkan tekanan air daripada sumber-sumber itu tidak begitu tinggi untuk sampai ke kawasan Kuak dan juga Kg. Raban.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Kementerian saya memang bercadang untuk mengadakan satu skim bekalan air yang dapat membekalkan air bersih ke kawasan Kuak, Kg. Raban dan kawasan sekitarnya, yang pada masa ini tidak dapat dibekalkan air dari mana-mana sumber yang berdekatan. Skim Bekalan Air itu telah pun dimasukkan ke dalam Program Bekalan Air Luar Bandar yang akan dilaksanakan oleh Antah Biwater di mana kontrak mengenainya telah ditandatangani pada 24hb Mac, 1986 yang lalu. Skim ini akan dapat menampung permintaan bekalan air sehingga tahun 2000 kepada penduduk-penduduk Kuak, Kg. Raban dan kawasan sekitarnya yang dijangka meningkat seramai 9,000 orang pada tahun itu.

**Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhonnat Menteri telah menerangkan bahawa orang-orang di kawasan Raban dan Kuah tidak akan mendapat bekalan air sehingga tahun 2000. Tetapi bolehkah Yang Berhormat Menteri manafikan

bahawa seluruh penduduk di dalam Daerah Lenggong telah mendapat maklumat daripada pihak Jurutera Daerah, sama ada Kuala Kangsar dan Gerik mengatakan bahawa takungan air di sumpitan itu ialah untuk mengalirkan air daripada Lenggong ke Kuah sepanjang 10 batu. Masalahnya kerana tidak ada paip semata-mata. Ini ada di dalam minit Mesyuarat Tindakan Daerah, supaya kita dapat membetulkan kedudukan itu.

**Dato S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, apa-apa keterangan yang telah diberi oleh Jurutera Daerah dan Majhs Tindakan Daerah bukanlah satu keputusan oleh Kementerian Kerjaraya. Apa-apa arahan yang diberi oleh Menteri menjadi arahan yang tetap dan apa yang saya katakan dalam jawapan saya tadi ialah satu arahan yang tetap. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya akan menjalankan projek ini dalam satu masa yang tidak berapa lama lagi dan ini pun masih dalam Projek Antah Biwater.

#### **PROJEK HIDRO ELEKTRIK BAKUN MENGHASUT PENDUDUK**

**10. Tuan Sim Kwang Yang** minta Perdana Menteri;

- (a) mengenal pasti "cryptosocialist" dan anasir-anasir asing yang menghasut penduduk-penduduk Bakun menentang cadangan projek hidroelektrik Kerajaan;
- (b) mendedahkan nama penduduk-penduduk yang meminta pampasan sebanyak sejuta ringgit untuk tanah mereka yang dikehendaki untuk projek tersebut; dan

- (c) menyatakan bilakah Kerajaan bercadang memulakan pembinaan cadangan projek Hidroelektrik Bakun itu.

**Dato Mohamed Khalil bin Yaakob:**  
Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kerajaan tahu mereka yang menghasut penduduk-penduduk Bakun menentang cadangan projek elektrik hidro berkenaan. Walau bagaimanapun, oleh kerana sebab-sebab keselamatan dan perhubungan antarabangsa maklumat-maklumat itu tidak dapat diterangkan.
- (b) Kerajaan tidak pernah menyatakan ia mempunyai nama-nama mereka yang menuntut sehingga sejuta ringgit pampasan,
- (c) Pada dasarnya, Kerajaan bersetuju dengan pelaksanaan Projek Bakun ini. Setakat ini, tarikh memulakan pembinaan projek ini belum lagi ditentukan oleh sebab pihak Kerajaan sedang menilai kemampuan dan implikasi kewangan negara dalam membiayai projek tersebut.

**Tuan Sim Kwang Yang:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bagi beberapa kali telah mendakwa bahawa anasir-anasir tertentu telah digunakan oleh anasir-anasir asing untuk menjatuhkan imej Kerajaan, contohnya di dalam perkara Bakun. Soalan saya ialah jika lau perkara ini benar, kenapakah pihak Kerajaan tidak mengambil langkah-langkah diplomatik untuk memperbetulkan kesalahan ini secara saluran diplomatik ataupun, adakah benar pihak Kerajaan tidak ada bukti-bukti? Dengan membuat dakwaan yang kosong ini maka pihak Kerajaan telah menjadi, dengan izin, rumour monger sahaja.

**Dato Mohamed Khalil bin Yaakob:**  
Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sebenarnya mempunyai cukup bukti bahawa kumpulan-kumpulan sosialis ini sebenarnya telah pun dihasut dan juga menggunakan saluran-saluran seperti International Pront Organization untuk "disclaim" Kerajaan. Kita tidak mahu mengambil tindakan di luar negeri kerana kita tidak mahu mencampuri hal ehwal negara-negara lain, tetapi dari segi kita mempunyai bukti, ini bukanlah perkara yang bohong dan sekiranya kita perlu bertindak atas bukti-bukti yang ada, sudah tentu Kerajaan akan bertindak.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Mohammed Yusof bin Haji Yakob.

*(Soalan No. 11 Y.B. Tuan Mohammed Yusof bin Haji Yakob tidak hadir).*

## HUTANG NEGARA

**12. Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Mat** minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah hutang negara sehingga 31hb Januari, 1986.

**Dato Sabbaruddin bin Chik:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin menyatakan iaitu soalan yang dikemukakan ini adalah tidak begitu jelas. Saya kurang pasti sama ada yang diperlukan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa hutang yang ditanggung oleh negara yang dibuat dari luar negeri ataupun hutang yang ditanggung oleh Kerajaan Persekutuan di dalam dan di luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, kalaupun sekiranya hutang negara dimaksudkan sebagai hutang luar negeri, Kerajaan dan juga orang-orang perseorangan serta syarikat-syarikat swasta, maka jumlahnya ialah sebanyak \$40.36 ribu juta. Ini terdiri daripada hutang

Kerajaan Persekutuan sebanyak \$21.82 ribu juta, hutang agensi-agensi Kerajaan yang dijamin oleh Kerajaan Persekutuan sebanyak \$8.5 ribu juta dan hutang yang dibuat oleh pihak swasta sebanyak \$10.8 ribu juta.

Tuan Yang di-Pertua, barangkali angka inilah yang disebut-sebutkan oleh pihak DAP sewaktu kita membincangkan perbelanjaan tambahan, khususnya wakil dari Kepong yang menyatakan bahawa hutang Kerajaan Persekutuan dari luar negeri sebanyak \$40,000 juta tebih. Saya tegaskan sekali lagi bahawa sebenarnya hutang Kerajaan Persekutuan seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat dari Kepong itu tidak betul dan saya sudah check perkara ini oleh kerana hutang sebanyak \$40,000 juta lebih seperti yang dikatakan tempoh hari termasuk hutang-hutang yang dibuat oleh pihak Kerajaan dan juga pihak swasta.

Tuan Yang di-Pertua, kalau sekiranya hutang negara yang dimaksudkan oleh Ahli dari Pengkalan Chepa sebagai hutang Kerajaan Persekutuan, maka saya memaklumkan iaitu jumlah hutang yang belum selesai pada 31hb Januari, 1986 ialah sebanyak \$62.45 ribu juta yang terdiri daripada hutang luar negeri seperti saya katakan tadi sebanyak \$21.82 ribu juta dan hutang dalatn negeri sebanyak \$40.72 ribu juta.

**Tuan Quah Wee Liam:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin hendak minta Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan menyatakan adakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan bagi mengurangkan jumlah hutang negara dan sama ada langkah-langkah itu telah dilaksanakan.

Soalan ketiga, sama ada langkah-langkah tersebut akan berkesan bagi membantu Malaysia mengurangkan bayaran taedah atas hutang negara.

**Dato Sabbaruddin Chik:** Tuan Yang di-Pertua, kita hanya akan mengurangkan jutnlah hutang ini kalau sekiranya kita dapat kita tidak berupaya membayar hutang-hutang ini dari pendapatan Kerajaan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebenarnya hutang negara ini sememangnya kita buat dan terpaksa kita buat, khususnya hutang dari dalam negeri.

Misalnya dengan tertubuhnya KWSP, sebahagian daripada wang yang dikutip oleh KWSP ini semestinya dihutangkan kepada Kerajaan. 70% daripada kutipan KWSP akan dipinjamkan kepada Kerajaan. Begitu juga sebahagian daripada pendapatan syarikat-syarikat insurans akan dipinjamkan kepada Kerajaan Persekutuan, sebahagian daripada wang-wang yang terkumpul dalam bank dalam negara ini juga akan disimpan dengan Kerajaan melalui membeli sekuriti dan sebagainya. Jadi, kita tidak perlu khawatir sebenarnya dari segi pinjaman Kerajaan ini. Yang patut kita khawatir apabila pihak Kerajaan tidak berupaya membayar hutang itu tetapi Kerajaan masih membuat hutang, waktu itulah kita patut rasa khawatir. Tetapi setakat ini, insya Allah, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Persekutuan masih lagi berupaya membayar hutang-hutang ini mengikut jadual-jadual yang telah ditetapkan.

#### TENTERA DARAT— KEHILANGAN SENJATA DI SANDAKAN

**13. Tuan Fung Ket Wing** minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada beliau sedar 2 laras senapang telah dihilangkan oleh seorang pegawai tentera darat di Sandakan dalam bulan Disember 1985 lalu, apakah tindakan yang telah diambil untuk mendapat

balik senapang-senapang tersebut dan jenis tindakan yang diambil terhadap pegawai berkenaan.

**Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha):** Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menjawab soalan ini terlebih dahulu izinkan saya membuat sedikit pembetulan terhadap soalan Ahli Yang Berhormat dari Sandakan. Pertama, peristiwa itu berlaku pada bulan Januari 1986 bukan Disember 1985. Kedua, yang terlibat bukannya pegawai tetapi dari anggota lain-lain pangkat.

Kementerian saya sedar tentang kehilangan dua pucuk senjata yang berlaku di Sandakan pada bulan Januari 1986 yang baru lalu. Ekoran dari kehilangan tersebut penyiasatan yang rapi telah dijalankan oleh pihak Kor Polis Tentera dan juga Polis Awam. Buat masa ini penyiasatan masih diteruskan.

Walau bagaimanapun, tindakan tatatertib telah dimbil terhadap kedua-dua anggota berkenaan di atas kelalaian dan kecuaian mereka.

**Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Adakah pernah berlaku senapang ataupun senjata-senjata daripada tnilitary kita hilang ataupun dicuri dan berapa banyakkah telah berlaku daripada askar-askar kita yang lari daripada latihan ataupun lari daripada sempadan dan mereka telah membawa lari dengan senjata-senjata mereka. Adakah didapati ataupun tidak pernah berlaku.

**Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha:** Tuan Yang di-Pertua, soalan ini berlainan daripada soalan asal.

### KOLEJ/UNIVERSITI SWASTA—PENUBUHAN

**14. Tuan Chan Kok Kit** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kerajaan akan membenarkan penubuhan kolej-kolej dan universiti-universiti swasta di negara ini untuk menampung permintaan pelajaran tinggi; jika tidak, mengapa.

**Menteri Pelajaran (Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini Kerajaan tidak ada rancangan untuk membenarkan penubuhan universiti swasta di negara ini. Ini adalah memandangkan bahawa pusat-pusat pengajian tinggi tempatan yang sedia ada boleh diperkembangkan lagi untuk menampung keperluan-keperluan pelajaran tinggi.

Walau bagaimanapun, kita juga harus menyedari bahawa adalah sukar bagi mana-mana negeri menyediakan tempat untuk semua pelajar-pelajar yang layak dan mahu melanjutkan pelajaran mereka di pusat-pusat pengajian tinggi. Ini adalah kerana pengambilan masuk ke universiti-universiti perlu disesuaikan dengan permintaan tenaga kerja dan kemampuan negara untuk menyerap para graduan itu nanti.

**Tuan Sim Kwang Yang:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sebelum Yang Berhormat mengeluarkan soalan tambahan, minta duduk sebentar. Saya minta Ahli-ahli Yang Berhormat perhatikan berapa soalan asal dan berapa soalan tambahan yang datang dari parti DAP. Silakan Yang Berhormat.

**Tuan Sim Kwang Yang:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Memandangkan keadaan yang wujud sekarang di mana pusat-pusat pengajian tinggi tempatan tidak

mempunyai cukup tempat bagi murid-murid kita dan akibatnya ialah murid-murid kita pergi ke seberang laut sebagai murid-murid swasta, kalau benar begitu dan memandangkan bahawa pihak Kerajaan menggalakkan dasar penswastaan (privatisation), bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi sebab-sebab kenapa pihak Kerajaan tidak bertujuan untuk mencuba dasar penswastaan di dalam bidang pelajaran tinggi di negara kita.

**Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** Tuan Yang di-Pertua, saya telah sebutkan sebab-sebab tadi mengapa kita tidak mahu menubuhkan universiti swasta di negara ini dan kalaularas dasar penswastaan hendak dilaksanakan, maka akibatnya ialah penubuhan universiti swasta juga. Tetapi sebagaimana yang telah saya maklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa universiti-universiti yang ada sekarang ini masih mempunyai capacity untuk memperluaskan kerana wang yang dibelanjakan bagi pembangunan universiti-universiti ini adalah sebenarnya besar dan banyak dan dengan itu keperluan-keperluan tambahan yang lain masih perlu ditokok tambah lagi dan apa yang dijalankan oleh Kementerian Pelajaran sekarang ini menubuhkan kampus-kampus cawangan bagi universiti-universiti adalah ke arah memperluaskan lagi, meningkatkan lagi keupayaan universiti untuk mengambil bilangan pelajar-pelajar yang lebih banyak daripada tahun-tahun yang dahulu dan saya yakin dengan adanya dan dengan terlaksananya usaha-usaha untuk memperbanyakkan lagi tempat-tempat di universiti-universiti tempatan, maka bilangan pelajar-pelajar yang lulus dan boleh metanjutkan pelajaran ke universiti-universiti akan tentu sekali mendapat

tempat di universiti-universiti tempatan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Masa sudah cukup.

(*Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 11 dan 15 hingga 21 adalah diberi di bawah ini.*)

#### PULAU LABUAN TEMPAT PELANCONGAN

11. **Tuan Mohd. Yussof bin Haji Yakob** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa beberapa ketika dahulu Kerajaan Persekutuan bercadang untuk membangunkan Pulau Labuan sebagai tempat tumpuan pelancongan dan perdagangan yang terpenting di rantau ini. Saya ingin tahu sejauh manakah hasrat dan impian ini dilaksanakan.

**Menteri Wilayah Persekutuan (Dato' Shahrir bin Abdul Samad):** Sejak Labuan dijadikan sebagai Wilayah Persekutuan, Kementerian Wilayah Persekutuan memang terus berusaha bagi memastikan supaya Labuan akan terus membangun termasuklah di dalam sektor pelancongan. Bagaimanapun, pembangunan pelancongan bagi Labuan tidak dapat dipisahkan daripada rancangan menyeluruh Kerajaan bagi sektor pelancongan negara. Sebenarnya, Labuan mempunyai potensi untuk dibangunkan sebagai suatu destinasi pelancongan. Beberapa langkah telah diambil untuk ditingkatkan kemudahan-kemudahan yang perlu ke arah matlamat ini. Langkah-langkah ini termasuklah:

- (i) Meningkatkan lagi keupayaan lapangan terbang Labuan dengan memanjangkan lapangan itu.

- (ii) Mengadakan penerbangan terus dari Kuala Lumpur ke Labuan dua kali seminggu.
- (iii) Meningkatkan peranan Labuan sebagai sebuah pelabuhan bebas cukai bagi tujuan membangunkan potensinya sebagai pusat membeli-belah.
- (iv) Memelihara dan menjaga keindahan alam semula jadi di Pulau Labuan.
- (v) Mempopularkan Labuan sebagai pusat kegiatan sukan laut di rantau ini melalui acara seperti regatta antarabangsa.
- (vi) Meningkatkan kedudukan sebagai pintu masuk kepada pelawat-pelawat ke Sabah, Sarawak dan juga Brunei.
- (vii) Mempelawa syarikat-syarikat perhotelan untuk melabur di pulau itu.

Sukacita juga saya maklumkan dalam Rancangan Malaysia Kelima di mana Perbadanan Kemajuan Pelancongan sedang menyediakan pelan induk mengenai pembangunan dan galakan peiancongan bagi seluruh negara, Wilayah Persekutuan Labuan juga diambil kira dalam perancangan. Rancangan seperti ini akan dapat membantu usaha yang dijalankan oleh Kementerian ini bagi meningkatkan lagi taraf pembangunan Pulau Labuan dan di masa yang sama menjadikan Labuan sebagai pusat pelancongan dan perdagangan yang penting di rantau ini.

#### **RUMAH KOS RENDAH— PEMBINAAN**

**15. Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan tentang rancangan perumahan secara besar-besaran yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan

Perdana Menteri baru-baru ini. Apa sebab-sebabnya dan apa strategi dan cara-cara untuk mencapainya.

**Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Chan Siang Sun):** Program khas perumahan kos rendah yang diumumkan baru-baru ini melibatkan pembinaan rumah-rumah kos rendah sebanyak 240,000 unit bagi tempoh 1986 hingga 1988 iaitu sebanyak 80,000 unit tiap-tiap tahun bagi tempoh tersebut. Sebab utama program khas perumahan kos rendah ini diujudkan ialah untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi negara. Ini disebabkan industri perumahan terutamanya perumahan kos rendah telah dikenalpasti sebagai salah satu aktiviti yang boleh membantu negara untuk mengurangkan kesan-kesan kemclesetan ekonomi pada masa ini. Pembinaan 80,000 unit setiap tahun bagi tempoh 1986 hingga 1988 ini dijangka akan dapat menyumbangkan sebanyak 2% setahun terhadap pertumbuhan ekonomi negara. Peruntukan sebanyak 2,000 juta ringgit akan disediakan oleh Bank Negara dan bank-bank perdagangan dan institusi kewangan bagi menjayakan program khas ini. Program ini akan menambah bekalan rumah-rumah kos rendah untuk rakyat yang berpendapatan rendah dan ianya adalah tambahan kepada program perumahan biasa.

Mengenai strategi dan cara-cara untuk melaksanakan program khas perumahan kos rendah ini, Yang Berhormat Menteri telah pun menjelaskan dengan panjang lebar dalam jawapan di Dewan ini pada 14hb Mac, 1986.

#### **KERETA PROTON SAGA— JUALAN**

**16. Dato' Michael Chen Wing Sum** minta Perdana Menteri menyatakan jumlah kereta Proton Saga yang telah dijual pada enam bulan yang lalu sejak

pengeluaran kedua-duanya di pasaran kita dan pasaran luar dan juga menyatakan sambutan dan sokongan rakyat kita adalah digalakkan.

**Datuk Dr James P. Ongkili:** Untuk makluman Yang Berhormat, sejak enam bulan yang lalu (dari bulan Oktober 1985 hingga bulan Mac 1986) sebanyak 13,077 buah kereta Proton Saga telah dijual. Dalam tempoh itu penjualan sangat laris di mana terdapat tempahan yang tidak dapat dipenuhi. Dalam masa yang sama juga belum ada penjualan eksport dibuat kerana Proton masih belum bersedia memasuki pasaran eksport. Walau bagaimanapun, terdapat sebilangan kecil kereta yang dibawa ke luar negeri sama ada dibeli oleh mereka yang sangat berminat ataupun sebagai hadiah.

#### KANAK-KANAK MEMELUK AGAMA ISLAM

17. **Tuan Chan Kok Kit** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar terdapat kes-kes seperti berlaku di Pasir Mas, Tiang, Kelang dan sebagainya di mana kanak-kanak di bawah umur 18 tahun dipaksa memeluk agama Islam tanpa persetujuan ibu bapa mereka seperti diperuntukkan di bawah Perkara 12 (4) Perlembagaan Persekutuan dan adakalanya kanak-kanak diculik dan diasingkan daripada ibu bapa mereka; jika ya, apakah langkah-langkah Kerajaan ingin mengambil untuk hentikan perbuatan seumpama ini yang telah menyebabkan kegelisahan dan ketegangan di kalangan orang-orang bukan Islam.

**Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob:** Setakat yang saya ketahui kanak-kanak berkenaan memeluk agama Islam adalah secara kerelaan mereka sendiri tanpa paksaan mana-mana pihak. Tidak ada keterangan yang menunjukkan mereka itu diculik.

Oleh pertanyaan kedua Ahli Yang Berhormat itu tidaklah berbangkit.

#### PENGGANAS KOMUNIS—KEGIATAN SUBVERSIF

18. **Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah pengganas-pengganas komunis masih aktif dalam kegiatan subversif mereka di sempadan Malaysia Thai dan Sabah Sarawak.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad): Parti Komunis Malaya masih bergiat menjalankan kegiatan-kegiatan subversif di kawasan Sempadan Malaysia-Thai. Mereka menggunakan isu agama Islam untuk mendapat sokongan dari orang-orang Melayu. Usaha-usaha juga sedang dipertingkatkan untuk mendapat sokongan dari rakyat keturunan India. Bagaimana pun segala kegiatan komunis ini dapat dibendung oleh Pasukan Keselamatan kita dengan kerjasama pasukan keselamatan Thai.

Mengenai ancaman Komunis di Sarawak pula, sukalah saya menegaskan bahawa perjuangan mereka sudah tidak mendapat sokongan dari rakyat serta tidak berjaya lagi memperdaya penduduk tempatan. Namun demikian Pasukan Keselamatan akan terus memperhebatkan gerakan dalam usaha menghapuskan saki baki pengganas yang masih berjuang di dalam dan di Sempadan negara kita.

#### PERPECAHAN UMAT ISLAM

19. **Tuan Ibrahim bin Azmi Hassan** minta Perdana Menteri menyatakan:

(a) apakah langkah-langkah Kerajaan dalam mengatasi masalah perpecahan umat di kalangan rakyat Malaysia di

masa kini, adakah perkara yang tersebut patut diserahkan kepada rakyat sesama sendiri sahaja atau sudah sampai masanya penyertaan Kerajaan secara terus menerus dan tegas:

- (b) benarkah perpecahan umat di kalangan rakyat Malaysia disebabkan kekeliruan fahaman masalah-masalah fatwa dalam Agama jika ya; maka apakah satu-satu langkah untuk menjernihkan kekeliruan-kekeliruan yang sentiasa ketara di sepanjang masa hingga sekarang ini; dan
- (c) apakah rancangan-rancangan baru dalam membasmikan perpecahan Umat Malaysia.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Noor: Maksud pertanyaan Ahli Yang Berhormat ini adalah serupa dengan pertanyaan yang dibuat di Dewan yang mulia ini pada Ihb Mac 1986, oleh Yang Berhormat dari Pasir Puteh yang mana jawapan diberi pada hari tersebut. Bagaimanapun saya suka menambah sedikit iaitu mengenai kekeliruan fahaman masalah-masalah fatwa yang ditanya oleh Ahli Yang Berhormat sebagai punca perpecahan umat Islam adalah tidak tepat. Perpecahan umat Islam di negara ini disebabkan oleh pertentangan politik kepartian.

#### **SKANDAL BMF—TINDAKAN KERAJAAN**

20. Tuan Ling Sie Ming minta Perdana Menteri menyatakan bagaimanakah pihak Kerajaan akan mangambil tindakan-tindakan terhadap mereka yang terlibat di dalam peristiwa skandal Bank Bumiputera Malaysia (BMF Scandal) setelah laporannya diumumkan di Parlimen akan datang. Apakah langkah-langkah yang lebih efektif lagi jntuk mengelakkan peristiwa

semacam itu timbul pada masa akan datang memandangkan berjuta-juta ringgit rakyat Malaysia yang terlibat.

#### **Dato' Sabbaruddin Chik:**

Sebagaimana jawapan yang sama diberikan dalam Dewan ini pada llhb Mac 1986, terhadap pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Kepong, suka saya menyatakan sekali lagi bahawa dengan pembentangan Kertas Putih mengenai Laporan Akhir Jawatankuasa Penyiasat BMFL tidaklah bermakna tindakan Kerajaan akan berakhir di sini sahaja. Kerajaan akan terus mengambil tindakan susulan untuk mempastikan supaya pihak pengurusan Bank Bumiputera Malaysia Berhad (BBMB) mengambil tindakan-tindakan positif dan wajar berdasarkan laporan ini. Walau bagaimanapun apa jua tindakan yang diambil, ianya hendaklah memastikan bahawa kepentingan BBMB dan/atau BMFL, terutama pelanggan-pelanggannya, tidak terjejas.

Kerajaan telah dan akan terus mengambil tindakan-tindakan positif untuk mengekalkan kepercayaan orang ramai. baik di dalam mahupun di luar negeri, terhadap sistem bank dan institusi kewangan di negara ini. Kerajaan sentiasa mengkaji undang-undang dan peraturan-peraturan yang berkaitan, dan di mana perlu undang-undang dan peraturan itu dipinda bagi mengatasi kelemahannya.

#### **PERBICARAAN KANAK-KANAK MEMELUK AGAMA ISLAM**

21. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada apa-apa tindakan telah diambil terhadap Sanator Hussein Ahmad, Ketua Penerangan UMNO, kerana menghasut dan mengorganisasikan

satu tunjuk perasaan 5,000 orang di luar Mahkamah Tinggi Kota Bharu pada hari Ahad, Januari 26, 1986 untuk menakutkan mahkamah serta si pemohon dalam kes seorang tukang kayu yang menerusi tindakan habeas corpus ingin anak perempuannya berumur 16 tahun dikembalikan kepada kejagaan undang-undangnya dan juga kerana mengeluarkan kenyataan-kenyataan yang bertujuan menghasut animositi kaum dan agama.

**Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sememangnya ramai orang yang telah datang untuk mendengar perbicaraan kes "habeas corpus", dengan izin, di Mahkamah Tinggi Kota Bharu pada 26hb Januari yang lalu. Bagaimanapun tiada keterangan yang membuktikan bahawa yang Berhormat Senator berkenaan menghasut atau mengorganisasikan tunjuk perasaan pada hari tersebut.

### RANG UNDANG-UNDANG RAHSIA RASMI (PINDAAN)

Menangguhkan Bacaan Kali yang Kedua

3.35 ptg.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Mohamed Khalil bin Yaakob):** Tuan Yang di-Pertua, mengikut Peraturan Mesyuarat 62, saya memohon meminta supaya Rang Undang-undang Rahsia Rasmi (Pindaan) 1986 ditangguhkan perbincangannya ke peringkat bacaan kali kedua dan ketiga kepada mesyuarat yang akan datang.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baiklah, saya izinkan.

### RANG UNDANG-UNDANG

#### RANG UNDANG-UNDANG PENCETAKAN TEKS AL-QURAN

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.36ptg.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato Radzi bin Sheikh Ahmad):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon supaya Rang Undang-undang Pencetakan Teks Al-Quran 1986 dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua .....

**Dato Haji Mohamed Suhaimi bin Dato Haji Kamaruddin:** (Bangun).

**Timbalan Yang di-Pertua: Ya?**

**Dato Haji Mohamed Suhaimi bin Dato Haji Kamaruddin:** Saya tidak ingat menerima Rang Undang-undang Pencetakan Teks Al-Quran, tidak ada diberi kepada Ahli-ah' Dewan. Saya minta, on a point of order.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, saya dimaklumkan bahawa Rang Undang-undang ini telah diedarkan pada Thb Mac, 1986. Parlimen telah menerima Rang Undang-undang pada 7hb Mac dan telah mengedarkan sesudah sahaja diterima. Bermakna hampir serta-merta. Kemungkinan ada di antara kertas-kertas Yang Berhormat naskhah Rang Undang-undang ini. Silakan Yang Berhormat.

**Dato Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, Majlis Raja-Raja dalam mesyuaratnya yang ke-29 pada 8hb Februari, 1984 telah menimbangkan satu memorandum kurniaan Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu mengenai cadanga untuk mewujudkan satu undang-undang untuk mengawal pencetakan bahan Al-Quran dan telah bersetuju pada dasarnya dengan Titah cadangan Duli Yang Maha Mulia

Sultan Terengganu itu serta mengarahkan supaya draf bagi Rang Undang-undang yang berkenaan itu dirujukkan kepada Peguam Negara untuk diteliti dengan Kerajaan Negeri Terengganu.

Menurut memorandum tersebut, undang-undang itu adalah perlu oleh kerana banyak kitab-kitab suci Al-Quran yang dicetak, diterbitkan, dan diedar di Malaysia tanpa sebarang kawalan yang rapi oleh suatu badan yang berwibawa dan keadaan tersebut mengakibatkan terdapatnya naskhah-naskhah Al-Quran yang tersalah cetak dan mengandungi kesilapan dan berlakunya kejadian menggunakan kertas-kertas yang bertulis ayat-ayat Al-Quran sebagai kertas membungkus barang-barang yang mana harus dipandang berat dan boleh ditafsirkan sebagai wujudnya usaha-usaha yang tidak jujur oleh setengah-setengah pihak yang sengaja hendak memperniagakan kitab suci Al-Quran atau merosakkan kandungannya.

Menurut memorandum itu lagi, oleh kerana undang-undang yang dicadangkan itu melibatkan kepentingan agama Islam dan orang-orang Islam serta juga negeri-negeri untuk melaksanakannya, maka adalah difikirkan wajar undang-undang itu diangkat bagi perkenan Majlis Raja-raja sebelum diambil langkah-langkah sewajarnya.

Draf asal yang dikemukakan kepada Majlis Raja-raja itu mencadangkan kawalan terhadap pencetakan dan sebagainya, Kitab-kitab Al-Quran dan apa juga dokumen yang mengandungi Ayat Al-Quran. Ia juga mencadangkan supaya kawalan dilakukan di tiap-tiap negeri melalui sebuah Jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Majlis Agama Islam Negeri masing-masing. Selepas keputusan Majlis Raja-raja tersebut draf Rang Undang-undang itu telah diteliti dan beberapa perubahan telah dibuat hasil daripada laporan sebuah

Jawatankuasa kecil yang dilantik oleh Majlis Raja-raja dalam mesyuaratnya yang ke-131 pada 11hb Julai, 1984 dan juga daripada perbincangan lanjut yang dibuat oleh Yang Berhormat Peguam Negara dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Terengganu berikutan keputusan Majlis Raja-raja pada mesyuaratnya yang ke-135 pada 4hb Julai, 1985. Akhirnya dalam mesyuaratnya yang ke-136 pada 7hb November, 1985 Majlis Raja-raja telah meluluskan draf bagi Akta yang dinamakan Akta Pencetakan Teks Al-Quran serta membuat keputusan bahawa ianya hendaklah dikemukakan kepada Jemaah Menteri dan seterusnya ke persidangan Parlimen yang akan diadakan pada bulan Mac, 1986. Majlis Raja-raja juga membuat keputusan bahawa apa-pida pindaan yang dibuat oleh Jemaah Menteri sekiranya ada hendaklah disembahkan semula kepada Majlis Raja-raja.

Draf yang diluluskan oleh Majlis Raja-raja itu berbeza daripada draf cadangan asal dalam dua aspek penting. Pertama, kawalan dicadang memperluaskan supaya meliputi kawalan terhadap pengeluaran dan sebagainya rakaman Al-Quran iaitu rakaman audio pembacaan Ayat-ayat Al-Quran dalam bahasa Arab. Kedua, kawalan dicadang supaya dilakukan oleh sebuah Lembaga Pusat yang dianggotai oleh wakil negeri-negeri dan Wilayah Persekutuan dan tidak lagi melalui Jawatankuasa-jawatankuasa Negeri.

Draf Rang Undang-undang yang diluluskan oleh Majlis Raja-raja itu telah ditimbangkan oleh Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya pada 22hb Januari, 1986. Jemaah Menteri telah bersetuju untuk menasihatkan Majlis Raja-raja supaya Rang Undang-undang itu meliputi hanya kawalan terhadap pencetakan Al-Quran pada keseluruhannya sahaja dan tidaklah meliputi pencetakan sudutan-sudutan daripada Al-Quran

tetapi pencetakan sudutan-sudutan yang didapati tidak tepat atau didapati salah hendaklah menjadi kesalahan yang boleh didakwa. Nasihat itu dirumuskan setelah Jemaah Menteri memberi perhatian dan pertimbangan pada perkara-perkara berikut:

- (a) bahawa liputan Rang Undang-undang itu adalah terlalu luas dan adalah sukar untuk mengawal perbuatan-perbuatan selain daripada pencetakan Teks Al-Quran pada keseluruhannya. Liputan yang begitu luas memerlukan pegawai-pegawai yang ramai dan mahir dalam Teks Al-Quran untuk mengawal pencetakan, penjualan, penerbitan dan pengedaran teks rakaman dan bahan-bahan Al-Quran;
- (b) bahawa adalah sukar untuk mengawal pengeluaran begitu jenis pita Al-Quran dan juga bahan-bahan Al-Quran;
- (c) bahawa kelulusan yang hendak diperolehi dikhawatir akan mengambil masa jika kawalan dijadikan begitu luas. Dalam mesyuaratnya pada 29hb Januari, 1986 pula Jemaah Menteri telah menetapkan supaya Jabatan Peguam Negara mengubal semula Rang Undang-undang itu berdasarkan kepada persetujuan Jemaah Menteri pada 22hb Januari, 1986 itu dan membentangkan Rang Undang-undang yang digubal semula itu untuk pertimbangan Jemaah Menteri. Jabatan Peguam Negara telah mengubal semula Rang Undang-undang itu sewajarnya dan draf baru yang dihasilkan telah dipersetujui oleh Jemaah Menteri pada 5hb Februari, 1986. Draf yang dipersetujui oleh Jemaah Menteri itu telah

disembah kepada Majlis Raja-raja dalam mesyuaratnya yang ke-137 pada 26hb Februari, 1986 dan Majlis Raja-raja telah memperkenankannya.

Rang Undang-undang yang hendak dibentangkan dalam Parlimen ini adalah sebagaimana yang dipersetujui oleh Jemaah Menteri pada 5hb Februari, 1986 dan diperkenankan oleh Majlis Raja-raja pada 26hb Februari, 1986.

Rang Undang-undang ini mengawal dua jenis perkara iaitu teks Al-Quran dan bahan Al-Quran yang mana adalah ditakrifkan dalam Pasal 2. Teks Al-Quran ialah teks bahasa Arab bagi musyah Al-Quran yakni Al-Quran lengkap. Bahasa Al-Quran ialah apa-apa dokumen selain daripada teks Al-Quran yang mengandungi apa-apa Ayat Al-Quran. Kawalan utama adalah terhadap teks Al-Quran. Kawalan terhadap bahan Al-Quran adalah dalam dua aspek sahaja yang akan dijelaskan kemudian. Kawalan di bawah Rang Undang-undang ini kebanyakannya akan dilakukan melalui sebuah Lembaga yang dinamakan Lembaga Pengawalari dan Pelesenan Pencetakan Al-Quran yang dianggotai oleh 15 orang iaitu 13 wakil negeri-negeri, seorang wakil Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan dan seorang lagi adalah Ketua Pengarah Bahagian Hal Ehwal Agama Islam, Jabatan Perdana Menteri. Perkara-perkara mengenai Lembaga perkara ini diperuntukkan dalam Pasal 3.

Fasal 5 memerlukan lesen yang dikeluarkan oleh Lembaga bagi mencetak atau menerbitkan teks Al-Quran. Lesen ini adalah sebagai tambahan kepada lesen yang diperlukan di bawah Akta Mesin Cetak 1948.

Fasal 6 menegah pencetakan ataupun penerbitan teks Al-Quran melainkan pruf terakhir bagi teks Al-Quran itu telah diperakui oleh Lembaga sebagai betul.

Fasal 7 menegah pengimportan untuk dijual atau dibagikan apa-apa teks Al-Quran yang dicetak di luar Malaysia melainkan satu naskah teks itu telah diperakui sebagai betul oleh Lembaga dan naskah-naskah lain diliputi oleh akuan berkenaan yang menyatakan ianya adalah sama dengan naskah yang telah diperakui itu.

Fasal 8 menghendaki tiap-tiap teks atau rakaman Al-Quran yang dicetak di Malaysia atau diimport ke dalam Malaysia selepas mula berkuatkuasanya Rang Undang-undang ini supaya mengandungi maklumat mengenai nama dan alamat pencetak, penerbit atau pengimportnya, alamat tempat di mana ianya dicetak dan pernyataan tentang perakuan Lembaga. Fasal ini menegah pencetakan atau penerbitan teks Al-Quran yang tidak terdapat maklumat atau pernyataan itu.

Fasal 9 menegah pencetakan atau penerbitan teks Al-Quran yang berbeza kandungannya daripada apa yang diperakui oleh Lembaga atau pruf terakhir baginya. Dalam usaha mencetak teks atau bahan Al-Quran tidak dapat tidak akan ada bahan buangan yang mengandungi Ayat Al-Quran.

Fasal 11 bertujuan supaya bahan buangan itu dimusnahkan dengan secara betul dan tidak diperolehi oleh orang lain untuk disalahgunakan. Ini adalah satu aspek di mana kawalan oleh Rang Undang-undang ini menyentuh pencetakan bahan Al-Quran juga.

Tentang teks Al-Quran yang sedia wujud sebelum bermulanya kuatkuasa Rang Undang-undang ini, Pasal 12 menghendaki seseorang yang hendak

mengedarkan atau menerbitkan teks itu supaya mengemukakan kepada Lembaga untuk diperakui tentang betulnya isi kandungannya.

Pasal 13 menegah seseorang itu daripada menjual, mengedarkan atau menerbitkan apa-apa teks Al-Quran melainkan terdapat padanya maklumat yang dinyatakan dalam fasal 8 atau perakaunan yang dinyatakan dalam Fasal 12. Tegahan ini akan bermula daripada satu tarikh yang akan ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahu dalam warta, iaitu satu tarikh yang sekurang-kurangnya 6 bulan dari tarikh pemberitahu itu. Masa itu diberi untuk membolehkan teks-teks yang sedia ada ditapis selepas Rang Undang-undang mula berkuatkuasa.

Fasal 14, menegah pencetakan atau penerbitan apa-apa teks atau bahan Al-Quran yang mengandungi kesilapan tentang Ayat-ayat Al-Quran yang dicetak di dalamnya. Ini adalah satu aspek lagi di mana kawalan Rang Undang-undang ini menyentuh pencetakan bahan Al-Quran.

Fasal 15, menghendaki mahkamah memerintahkan supaya dilucutkan apa-apa teks atau bahan Al-Quran yang mengandungi kesilapan walaupun tidak terbukti kesalahan yang dipertuduhkan dalam kes yang berkenaan itu. Ia juga menghendaki mahkamah memerintahkan lucutkan apa-apa artikel yang terlibat dalam sesuatu kesalahan walaupun tidak ada orang yang disabit kerana kesalahan itu.

Pasal 16 satu peruntukan untuk memudahkan pengertian sesuatu perkara mengenai teks Al-Quran atau Ayat Al-Quran bagi maksud pembicaraan dan juga untuk mengelak apa-apa hujah bahawa sesuatu teks atau Ayat yang mengandungi kesilapan itu bukan teks atau Ayat Al-Quran oleh kerana ianya berlainan

daripada teks atau Ayat sebenar yang tidak mengandungi kesilapan. Pelaksanaan fasal ini adalah bergantung kepada perakuan oleh Mufti yang akan diterima oleh mahkamah sebagai bukti konklusif mengenai apa-apa yang dinyatakan di dalamnya.

Fasal 17 membolehkan pegawai-pegawai tertentu membuat pemeriksaan dan menyita serta menahan apa-apa teks atau bahan Al-Quran yang menyalahi Rang Undang-undang ini. Ini termasuklah pegawai-pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh Majlis Agama Islam Negeri.

Fasal 18 pula membolehkan Lembaga menapis artikel-artikel tersebut dan melupuskan mana-mana daripadanya yang mengandungi kesilapan.

Fasal 20 memerlukan saksi Pendakwa Raya untuk pendakwaan. Fasal ini perlu oleh kerana dijangka bahawa dalam penguatkuasaan undang-undang ini akan terdapat keskes yang merupakan kesalahan dari segi teknikal, tetapi mungkin tidak memerlukan atau mewajarkan pendakwaan.

Di bawah Fasal 24 teks-teks dan bahan-bahan Al-Quran yang dikeluarkan oleh Kerajaan Persekutuan atau Negeri atau Badan Berkanun yang diberi kuasa oleh Kerajaan Persekutuan atau Negeri adalah dikecualikan daripada Rang Undang-undang ini. Di bawah fasal yang sama, Menteri juga diberi kuasa membuat pengecualian.

Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, saya mohon mencadangkan.

**Dato Mohamed Khalil bin Yaakob:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang

bernama suatu Akta untuk mengawal pencetakan, pengimportan, penjualan, penerbitan dan pengedaran teks-teks Al-Quran dan bahan Al-Quran dan untuk membuat peruntukan mengenai perkara-perkara yang berhubungan, dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Yang Berhormat dari Padang Rengas.

3.55ptg.

**Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah (Padang Rengas);** Bismillahir-rahmanir-rahim. Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong dan mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai Rang Undang-undang Pencetakan Teks Al-Quran 1986.

Terlebih dahulu saya ingin menyampaikan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada Kerajaan di atas sikap dan perhatiannya yang begitu tinggi sesuai dengan saranan bahawa kita sedang bergerak ke arah penerapan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran dan seterusnya kepada kehidupan rakyat di negara ini. Di samping itu, sebagaimana yang kita sama-sama maklum bahawa seluruh rakyat negeri ini adalah menyanjung tinggi Perlembagaan kita di mana di dalam Perlembagaan kita dikanunkan bahawa Islam adalah agama negara atau agama Persekutuan. Maka Al-Quran ini adalah merupakan salah satu sumber hukum yang utama kepada orang-orang Islam. Oleh sebab itu, adalah menjadi tanggungjawab bukan sahaja kepada Kerajaan, kepada setiap orang untuk memelihara dan mengawal supaya Ayat-ayat Al-Quran ini tidak dicemar atau dinodai dengan apa-apa juga tujuan.

Kita ketahui sekarang ini banyak terdapat tindakan atau langkah-langkah yang dibuat oleh musuh-musuh Islam dengan mengambil kesempatan daripada kebangkitan Islam di abad yang ke-15 ini yang lalu bahawa banyak benda-benda yang boleh digunakan sebagai pakaian ataupun alat-alat perhiasan dan sebagainya mereka menggunakan nama-nama yang terdapat datam Al-Quran, sekurang-kurangnya perkataan "Allah" ataupun "Muhammad", dan barang-barang yang seumpama ini seharusnya dimasukkan di bawah kawalan undang-undang ini. Misalnya, barang-barang perhiasan seperti cawan, mangkuk, piring dan sebagainya, kalau dibenarkan ditulis perkataan Allah, Muhammad dan sebagainya dan dijual di merata-rata tempat dengan mudah untuk barang-barang hiasan, ini juga merupakan satu penghinaan kepada Al-Quran. Begitu juga barangkali baju-baju, selendang-selendang dan lain-lain apa sahaja hiasan dan pakaian-pakaian yang boleh digunakan oleh manusia hendaklah juga dicegah supaya tidak diguna atau mengguna ayat-ayat Al-Quran.

Selain daripada itu, selain daripada mengawal, selia, pencetakan, pengimportan, penjualan, penerbitan dan pengedaran teks-teks Al-Quran ini bahawa saya menyokong dengan sepenuhnya sebuah Lembaga yang dicadangkan di dalam Fasal 3 iaitu untuk bertanggungjawab terhadap perkara-perkara yang saya sebutkan tadi. Saya berharap di dalam soal pengedaran ini hendaklah jangan sekali-kali dibenarkan ataupun dikeluarkan lesen kepada orang-orang yang bukan Islam kerana terdapat di setengah-setengah kedai-kedai di negara kita ini ada orang-orang bukan Islam menjual Al-Quran pada hal mengikut hukum Islam bahawa Al-Quran itu tidak boleh disentuh tanpa wuduk, apatah lagi pula kalau perkara

itu dipegang, dibawa, diangkut oleh orang-orang yang bukan Islam yang tidak mengerti dan tidak tahu bagaimana mereka mesti lakukan kepada Kitab Al-Quran dan kita harap dengan adanya undang-undang ini di negara kita ini tidak ada kedai-kedai orang-orang bukan Islam yang menjualkan teks-teks Al-Quran ini. Saya juga tertarik kepada Pasal 7, bertujuan untuk memperkatakan teks-teks Al-Quran yang dicetak di luar negeri dan dicadangkan akan diimport untuk dijualkan atau diedarkan.

Kita juga mengetahui banyak negara-negara di dunia ini yang telah diperalatkan oleh musuh-musuh Islam dengan berbagai-bagai tipu muslihat umpamanya mereka membawa masuk ke negara-negara yang berkenaan, saya tidak hendak menyebut negara itu, kitab-kitab Al-Quran yang dicetak dengan begitu indah, cantik dan sebagainya tetapi di dalamnya terdapat beberapa kesilapan dan kesalahan yang sengaja dibuat dengan tujuan untuk memesangkan akidah dan kefahaman orang-orang Islam itu dibawa masuk ke dalam negara berkenaan dengan secara bermurah hati mereka masuk ke kampung-kampung atau ke rumah-rumah untuk menukar Quran-Quran buruk yang ada sedia di rumah-rumah orang itu dengan memberikan Quran-Quran yang baru. Disebabkan pihak yang memiliki Al-Quran itu bukan terdiri daripada orang yang hafaz Quran sudah pastilah mereka tidak dapat untuk memastikan Quran-Quran yang baru itu sama ada betul ataupun salah. Maka langkah-langkah perlulah dibuat walaupun pihak Jabatan Perdana Menteri, Bahagian Agama telah pun menyatakan di Dewan ini ada sebuah Lembaga yang sentiasa mengawal kemasukan Al-Quran di negara ini. Kita berharap Lembaga ini akan dapat diperluaskan untuk mengawasi setiap pelabuhan ataupun setiap sumber kemasukan Al-Quran ke negara kita ini dapat dikawal

dengan seketat-ketatnya bahawa setiap Ouran yang hendak dibawa masuk ke negara kita ini mestilah dipastikan lebih dahulu ianya adalah benar-benar Al-Quran seperti yang asal. Jadi dengan langkah-langkah atau tindakan-tindakan yang positif seperti itu sekurang-kurangnya kita akan dapat melawan segala pengaruh-pengaruh yang cuba untuk memesongkan akidah ataupun kefahaman orang-orang Islam menerusi taktik-taktik jahat dengan cara membawa masuk Quran-Quran yang sengaja disalah cetakkan pada beberapa Ayat-Ayat yang tertentu.

Begini juga pihak Lembaga yang akan mengeluarkan lesen-lesen seperti yang tersebut dalam Fasal 3 ini hendaklah hanya mengeluarkan lesen kepada pengusaha-pengusaha yang beragama Islam sahaja. Kita tidak mahu melihat sebuah percetakan yang bukan agama Islam diberi lesen untuk mencetak Al-Ouran ini. Ini bukanlah bermakna saya anti kepada pengusaha-pengusaha bukan yang beragama Islam, tetapi oleh kerana Quran ini adalah sesuatu yang sangat sensitif kepada umat-umat Islam maka ianya mempunyai syarat-syarat dan peraturan-peraturan yang tertentu untuk mencetak Al-Quran ini, ianya bukanlah sebarang benda yang boleh dicetak dengan mudah. Selain daripada itu penyeliaan hendaklah dibuat dengan rapi kepada mana-mana badan-badan percetakan yang melakukan percetakan Al-Quran ini kerana sudah menjadi kelaziman bahawa di tempat-tempat percetakan ini setengah-setengahnya, barangkali ada yang rosak, yang silap dan sebagainya. Semua benda-benda yang sudah tidak mahu dipakai itu mestilah dipastikan ianya dilakukan mengikut kehendak-kehendak syaria'iah, tidaklah seperti dengan barang-barang percetakan yang lain, mana-mana yang tidak dipakai dan tidak digunakan, kertas-kertas itu boleh dibungkus, dibuang ke dalam tong-tong sampah ataupun dicampak ke

mana-mana ataupun dijual kepada pihak-pihak yang tertentu untuk digunakan menjadi alat pembungkus seperti bungkuskan kacang putih atau lain-lain lagi. Oleh yang demikian, saya yakin dan percaya dengan kawalan yang seperti ini segala perkara-perkara yang boleh menjatuhkan maruah ataupun merendahkan taraf Al-Quran sebagai satu sumber hukum yang utama di dalam Islam ini akan dapat dipelihara. Maka dengan itu saya menyokong dengan sepenuhnya di atas Rang Undang-undang ini.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri hendak menjawab?

**Dato Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya hanya ingin mengucap ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Padang Rengas yang telah mengemukakan beberapa pandangan untuk perhatian dan tindakan Lembaga yang akan diwujudkan melalui pelaksanaan Rang Undang-undang yang dikemukakan dalam Dewan yang mulia ini. Itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangkan dalam Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

*Pasal 1-25*

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat dari Sepang.

4.10 ptg.

**Dato' Haji Mohamed Suhami bin Dato' Haji Kamaruddin:** Bismillahirrahmanir-rahim, Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya hendak bertanya sedikit penjelasan sahaja tentang Seksyen 13 (1) iaitu berbunyi:

"Mulai dari tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam Warta iaitu suatu tarikh yang tidak boleh lebih awal daripada enam bulan dari tarikh pemberitahuan itu disiarkan, tiada seorang pun boleh menjual, menawarkan untuk jualan, mengedarkan atau menerbitkan atau ada dalam milikannya, jagaannya atau kawalannya bagi maksud penjualan atau pengedaran ..... " dan seterusnya.

Saya cuba hendak dapatkan tafsiran supaya mereka yang sudah ada Al-Quran sekarang tidak pula dianggap sebagai melakukan suatu kesalahan, sungguhpun mereka tiada tujuan hendak mengedar ataupun hendak menjual. Tetapi perkataan yang ada di sini ialah "dalam milikannya" atau jagaannya. Jadi, saya fikir semua orang Islam ada dalam rumahnya lebih daripada satu Al-Quran. Takut-takut ini menjadi suatu technical offence, dengan izin, kerana Al-Quran yang kita ada sekarang semuanya tiada perkara-perkara yang dikehendaki oleh undang-undang sedangkan bila sahaja pemberitahuan dalam *Warta* itu dikeluarkan maka semua Al-Quran hendaklah mengandungi segata-gala yang dikehendaki dalam Akta ini. Sungguhpun saya fikir takkanlah Kerajaan hendak mendakwa kerana kesalahan ini perlu kebenaran pendakwaaan daripada Pendakwa Raya, namun demikian dapat sedikit pengesahan pengakuan dalam Dewan

yang mulia ini bahawa tidaklah menjadi suatu kesalahan kepada mereka yang memiliki ataupun ada dalam jagaannya atau dalam kawalannya beberapa buah Al-Quran yang mereka sudah pun memiliki, menjaga dan menyimpan sebelum Akta ini berkuatkuasa. Sekian, sahaja, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, saya minta penjelasan sahaja mengenai Fasal 13 dalam Rang Undang-undang dan tidak mencadangkan pindaan adakah itu benar?

**Dato' Haji Mohamed Suhami bin Dato' Haji Kamaruddin:** Saya cuma hendakkan pengakuan sahaja supaya tidak akan dakwaan dibuat kepada mereka yang ada Al-Quran sekarang ini.

**Tuan Pengerusi:** Ya, saya faham. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri hendak menjawab atau membuat apa-apa ulasan?

**Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Pengerusi, saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Sepang kerana menunjukkan satu fasal yang agak mustahak dan berkenaan dengan kandungan yang terdapat dalam fasal tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Sepang dan juga untuk memaklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian bahawa Fasal 13 yang terkandung dalam Rang Undang-undang tersebut bukanlah untuk dipakai bagi pemilikan untuk kegunaan peribadi. Jadi, bermakna jika seseorang itu terdapat menyimpan sebuah Al-Quran yang terdapat kandungannya tersilap, maka tidaklah menjadi niat Kerajaan untuk mendakwa seseorang itu.

Sepertimana juga yang telah saya jelaskan bahawa Fasal 20 dalam Rang Undang-undang ini telah pun

menentukan bahawa tidak pendakwaan boleh dimulakan di bawah Akta ini tanpa mendapat saksi bertulis daripada Pendakwa Raya terlebih dahulu. Jadi, penjelasannya Fasal 13 tidak terpakai bagi pemilikan untuk kegunaan peribadi.

*Fasal 1 hingga 25 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.*

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

### RANG UNDANG-UNDANG INSTITIUT TEKNOLOGI MARA (PINDAAN)

#### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.18 ptg.

· **Menteri Pelajaran (Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Institiut Teknologi MARA 1976 dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, 10 tahun yang lalu Dewan ini telah meluluskan Akta Institiut Teknologi MARA 1976 pada bulan April 1976 yang bertujuan, antara lain, menubuh, menyelenggara dan mentadbirkan ITM sebagai sebuah badan korporat di mana pentabirannya dipindahkan dari Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar kepada Kementerian Pelajaran.

Fungsi utama Institiut Teknologi MARA ialah untuk melatih anak-anak Bumiputera dalam berbagai lapangan ikhtisas untuk membolehkan mereka menjadi ahli-ahli profesional dan sub-profesional.

Bermula dari Dewan Latihan RIDA pada tahun 1956 yang namanya telah ditukar kepada Maktab MARA pada

tahun 1964 dan ditukar pula kepada nama yang ada sekarang iaitu Institiut Teknologi MARA pada tahun 1967, Institiut Teknologi MARA telah berkembang maju dari sebuah kampus yang ada sekarang ini di Shah Alam sebagai kampus induk dengan 9 buah kampus-kampus cawangan.

Sewaktu Akta Institiut Teknologi MARA (Akta 173) dibentangkan dalam Dewan ini dahulu, sistem ejaan yang digunakan pada ketika itu ialah sistem ejaan lama. Perkataan insitut dieja INSTITIUT, iaitu mengikut bunyi dalam bahasa asalnya. Walaupun pindaan ini kecil sahaja nampaknya pada mata kasar, namun ianya mempunyai implikasi undang-undang, "legal implication", kerana perbezaan itu ialah pada nama badan korporat itu. Untuk menyelaraskan dengan sistem ejaan baru, maka nama Institiut Teknologi MARA hendaklah dipinda kepada I-n-s-t-i-t-u-t Teknologi MARA supaya tidak berlaku apa-apa kekeliruan mengenai nama dan ejaan.

Tuan Yang di-Pertua, semenjak 10 tahun yang lepas, perkembangan yang pesat telah berlaku di ITM, di mana ada banyak pertukaran kakitangan antara kampus induk di Shah Alam dengan kampus cawangan, dan di antara sebuah kampus cawangan dengan sebuah kampus cawangan yang lain. Pada lazimnya, pertukaran kakitangan itu adatoh disebabkan oleh persaraan, cuti belajar, kenaikan pangkat atau untuk memegang jawatan-jawatan lain.

Mengikut peruntukan yang ada sekarang, Menteri hendaklah melantik Pengetua kampus-kampus cawangan. Memandangkan kepada hakikat bahawa perkembangan yang begitu pesat telah berlaku di ITM, dan memandangkan kepada hakikat bahawa Menteri telah melantik Pengerusi Majlis ITM serta 11 orang ahli Majlis yang lain dan Kementerian Pelajaran sendiri telah diwakili oleh

Ketua Setiausaha dan Ketua Pengarah Pelajaran, serta wakil-wakil dari Jabatan Perkhidmatan Awam dan Perbendaharaan, maka adalah wajar untuk mewakilkan tugas-tugas perlantikan Pengetua kampus cawangan kepada Majlis. Dengan adanya pindaan ini, proses pertantikan itu dapat dikurangkan dan perlantikan Pengetua dapat dibuat dengan seberapa segera yang boleh oleh Majlis.

Kementerian bercadang juga meminda Seksyen 20 bagi membolehkan lebih dari seorang Timbalan Pengarah dilantik. Pindaan ini penting kerana kerja-kerja yang kian bertambah boleh dibahagi-bahagikan antara Timbalan-timbalan Pengarah mengikut penghususuan tugas.

Tuan Yang di-Pertua, juga apabila ITM mempunyai dua orang atau lebih Timbalan Pengarah, maka dalam ketiadaan Pengarah, salah seorang daripada Timbalan-timbalan Pengarah itu akan dilantik untuk memangku jawatan Pengarah. Dalam peruntukan yang ada sekarang, secara otomatik Timbalan Pengarah akan memangku jawatan Pengarah. Dalam pindaan yang dicadangkan kepada seksyen 20 itu, Menteri hendaklah menamakan Timbalan Pengarah yang mana satu akan memangku jawatan Pengarah mengikut kesesuaian masa dan keadaan.

Kesimpulannya, Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang bagi Akta Institiut Teknologi MARA (Pindaan) 1986 ini diwujudkan dengan meminda ejaan daripada "Institiut" kepada "Institut" selaras dengan sistem ejaan yang betul.

Cadangan pindaan kedua ialah khusus untuk meminda dan melicinkan lagi perjalanan Institut, dengan mewakilkan tugas Menteri membuat perlantikan Pengetua-pengetua kampus cawangan kepada Majlis ITM. Dengan adanya pindaan

ini, maka adalah diharapkan bahawa pihak Majlis ITM akan mengambil tindakan perlu untuk membuat perlantikan sekiranya berlaku kekosongan dengan seberapa segera yang boleh.

Dengan penambahan bilangan Timbalan Pengarah dari seorang kepada lebih daripada seorang, maka perjalanan dan pentadbiran Institut itu sebagai sebuah institusi pengajian tinggi akan diselaraskan dengan amalan yang terdapat di universiti-universiti lain dalam negara ini. Oleh kerana tiap-tiap orang Timbalan Pengarah masing-masing mempunyai tugas dan tanggungjawab yang khusus, maka pindaan ini akan dapat memberi khidmat dengan lebih berkesan kepada perkembangan Institut itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Mohamed Khalil bin Yaakob):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat** masalah di hadapan Majlis ialah, Rang Undang-undang bernama satu Akta untuk meminda Akta Institut Teknologi MARA 1976 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau.

4.27 ptg.

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh (Balik Pulau):** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk saya bercakap dalam Akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Akta Institiut Teknologi MARA (Pindaan) 1986. Sebagaimana yang kita maklum bahawa penubuhan Institut Teknologi MARA ini adalah salah satu daripada kehendak dan hasrat pihak bumiputera untuk hendak melihat

lebih ramai lagi pelajar-pelajar bumiputera mendapat kelulusan dalam bidang-bidang profesional.

Semenjak Institut Teknologi MARA ini ditubuhkan sehingga hari ini, kita dapat ramai ahli-ahli profesional daripada anak-anak bumiputera yang telah lulus dan telah mengambil bahagian dalam terutama sekali perusahaan dan perdagangan.

Kalau satu masa dahulu lebih kurang 10 tahun atau 15 tahun yang silam, sangat sukar kita hendak melihat ahli-ahli profesional atau pegawai-pegawai tinggi dalam institusi kewangan seperti bank dan finance company di mana anak-anak bumiputera boleh memegang jawatan-jawatan penting, sangat sukar kita dapat pada masa itu. Apa yang ada pada masa itu ialah anak-anak bumiputera ini hanya layak memegang jawatan sebagai peon, habis tinggi kerani dalam syarikat-syarikat kewangan, dalam bank-bank dan lain-lain institusi kewangan. Begitu juga dalam syarikat-syarikat perdagangan yang besar-besaran, syarikat eksport-import, syarikat wholesale dan sebagainya, sangat sukar hendak kita dapat anak-anak bumiputera yang boleh bertugas, boleh diberi tanggungjawab untuk melaksanakan kerja-kerja tersebut. Tetapi syukur alhamdulillah semenjak ITM (Institut Teknologi MARA) ini ditubuhkan, kita dapat hari ini ramai anak-anak bumiputera ini yang kita boleh dapat dalam pasaran ahli-ahli profesional dalam berbagai-bagai bidang, bukan sahaja dalam bidang kewangan, tetapi dalam bidang-bidang lain seperti akauntan, peguam, jurukur, jurukur bahan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, pada saya Institut Teknologi MARA ini adalah satu pelaburan Kerajaan yang paling menguntungkan dan pada saya inilah pelaburan yang patut Kerajaan tingkatkan lagi pelaburannya, dengan

tujuan menambahkan lagi cawangan-cawangan ITM ini. Kalau setakat ini hanya ada 9 buah kampus, patut setiap negeri sekurang-kurangnya ada satu cawangan ITM. Saya sendiri telah menerima aduan daripada ramai murid-murid yang layak, pelajar-pelajar yang layak untuk memasuki ITM ini, tetapi tidak dapat, gagal mendapat tempat kerana tidak cukup tempat. Dalam usaha Kerajaan hendak meningkatkan taraf ekonomi bumiputera ini, pada pandangan saya inilah salah satu cara yang paling baik, yang paling berkesan untuk hendak meningkatkan taraf hidup bumiputera dengan memberi pelajaran terutama dalam bidang profesional kaiau kita hendak melatih bumiputera untuk masuk datam bidang perniagaan, umpamanya bidang perniagaan yang besar-besar, wholesale dan sebagainya, dengan mereka ini lulus daripada ITM mudah bagi Kerajaan untuk menyalurkan mereka ini ke bidang-bidang tertentu terutama kepada lapangan-lapangan perniagaan seperti yang telah saya katakan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya berharap Kementerian Pelajaran akan dapat menimbulkan cadangan saya supaya setiap negeri sekurang-kurangnya ada satu cawangan ITM. Sembilan ini tidak cukup, kita ada tigabelas buah negeri, sepatutnya ada tigabelas buah cawangan sekarang dan di mana-mana negeri yang besar, negeri Pahang misalnya, negeri Perak patut ada dua atau tiga cawangan masing-masing. Ini tindakan yang paling berkesan yang saya katakan tadi, yang patut diambil oleh pihak Kementerian.

Selain dahpada itu, Tuan Yang di-Pertua, Fasal 4 yang bertujuan meminda seksyen 20, Akta untuk membolehkan Menteri melantik lebih daripada seorang Timbalan Pengarah, untuk membantu Pengarah dalam menjalankan tugas-tugas dan fungsi-fungsi institut.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini kita dengar ada kekacauan berlaku di kampus ITM. Ini berlaku kemungkinan kerana penuntut-penuntut telah meningkat begitu ramai dan penyeliaannya barangkali kurang ataupun orang-orang yang bertanggungjawab hendak menyelia ataupun hendak memperlihatkan hal pelajar-pelajar ini sangat kurang orang-orang bertanggungjawab. Jadi, saya menyokong fasal ini dan dengan adanya tambahan orang-orang yang kita beri tanggungjawab untuk hendak memastikan peraturan akan diikuti dalam kampus-kampus ITM ini, kita harap kampus akan berjalan dengan baik dan tidak ada kekacauan akan berlaku.

Saya suka menarik perhatian Kementerian Pelajaran, pihak ibu bapa sangat bimbang, baru-baru ini kita dengar pada pelajar telah menjalankan tunjuk perasaan kerana menentang satu peraturan yang sudah diterima di seluruh Malaysia iaitu peraturan memakai tali pinggang keledar dan topi keledar. Tidak patut kita kecualikan dalam kampus. Ada satu kampus pula boleh dikecualikan daripada undang-undang negara. Ini tidak patut berlaku.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, boleh jadi kepada mereka itu sudah besar daripada topi itu!

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:** Sudah keras, sudah kuat kepada masuk ITM, kemungkinan. Jadi inilah kita hendak pastikan supaya segala peraturan, segala undang-undang terutama undang-undang yang telah diterima di seluruh negara mestilah dilaksanakan dalam semua kampus, dalam semua universiti, tidak ada kecuali. Dalam Perlembagaan kita tidak ada orang yang boleh dikecualikan dari undang-undang kecuali Yang di-Pertuan Agong dan Raja-Raja yang memerintah, kalau saya tidak silap. Ini kita hairan

mendapati peraturan atau undang-undang yang telah dibuat, diterima oleh orang lain tidak mahu diterima oleh pelajar-pelajar. Ini satu perkara yang tidak patut. Ini yang kita tahu, yang kita tidak tahu macam-macam lagi berlaku.

Sekali lagi saya menyokong fasal ini yang akan menambahkan orang-orang yang bertanggungjawab untuk mengawasi, untuk memastikan bahawa disiplin, peraturan-peraturan yang telah dibuat dalam ITM ini mesti dipatuhi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga suka menarik perhatian Kementerian Pelajaran supaya mengambil tindakan tegas kepada perturan-peraturan yang telah kita tetapkan. Mesti kita buat satu contoh, kalau kita berani mengambil tindakan kepada ketuaketua yang menganjurkan tunjuk perasaan itu, orang lain barangkali tidak berani buat.

Semasa mereka itu hendak memohon hendak masuk ITM, berbagai-bagai rayuan, ada setengahnya datang menyembah minta tolong supaya dia dapat dimasukkan dalam ITM dan sebagainya. Tetapi bila sudah masuk dalam, seperti Tuan Yang di-Pertua kata tadi, sudah keras kepala, tidak mahu pakai topi keledar, dia sangka kepalanya sudah begitu kuat dengan ilmu-ilmu yang ada, kepala tidak lut oleh batu jalan dan sebagainya. Ini tidak patut. Kita mesti mengambil tindakan tegas, mesti tunjukkan contoh bahawa Kerajaan tidak main-main, bahawa kita "mean business", dengan izin, supaya perkara ini tidak akan berulang. Begitu juga lain-lain tempat selain daripada ITM, di universiti juga berlaku tunjuk-tunjuk perasaan oleh penuntut-penuntut yang Kerajaan sendiri memberi biasiswa dan sebagainya. Mereka ini bak kata orang tua-tua, "mengigit jari yang menyuparkan makanan ke dalam mulutnya". Ini tidak patut berlaku.

Barangkali kejadian-kejadian ini berlaku kerana kita tidak mengambil tindakan yang tegas.

Saya menyeru di Dewan yang mulia ini supaya tindakan yang tegas diambil kepada pelajar-pelajar yang cuba hendak menentang pihak berkuasa. Kalau dia semasa pelajar dan sudah berani menentang pihak berkuasa, apa hal kalau dia keluar daripada kampus, tambah pula kalau dia mempunyai pangkat-pangkat tinggi, mempunyai kekayaan harta benda dan lain-lain, dia boleh menentang pihak berkuasa atau Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja hujah-hujah dan pandangan saya terhadap Akta ini dan saya mengucapkan tehma kasih di atas peluang yang diberikan kepada saya.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada Yang Berhormat Menteri hendak menjawab dan menggulung?

4.36 ptg.

**Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau kerana telah berucap memberi sokongan kepada pindaan Akta ITM ini. Saya juga menyambut baik cadangan-cadangan beliau terhadap beberapa perkara iaitu khususnya yang nombor satu, terhadap perkara yang berkaitan dengan perkembangan ITM itu sendiri iaitu dengan menambahkan kemudahannya, kalau boleh di tiap-tiap negeri. Memanglah menjadi hasrat ITM untuk mengembangkan kemudahan-kemudahannya supaya kemudahan-kemudahannya tersebar luas di seluruh negara dan, insya Allah, tiap-tiap negeri pun bolehlah mendapat cawangan kampus ITM nanti.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan perkara yang berkait dengan disiplin, saya sukalah menyatakan di

sini bahwasanya pihak berkuasa ITM tidak pernah mengabaikan tugas dan tanggungjawabnya untuk mengambil tindakan disiplin terhadap sesiapa juga pelajar yang melanggar disiplin. Apa bentuk dan apa juga disiplin yang dilanggar, maka pihak yang berkenaan akan menghadapi tindakan disiplin dari pihak ITM dan sebagai Menteri Pelajaran, saya sentiasa menerima laporan berkali-kali berkaitan dengan tindakan-tindakan disiplin yang telah diambil ke atas pelajar-pelajar yang melanggar peraturan-peraturan yang ada di kampus ITM itu.

Dalam hal ini saya harap ibubapa tidak akan bimbang tentang kemampuan dan kebolehan pihak berkuasa ITM untuk menjalankan tugas dan tanggungjawab mentadbirkan ITM dengan sempurna, dengan baik dan cekap di samping itu memberi pelajaran kepada anak-anak kita memastikan supaya disiplin itu tetap dipatuhi. Memang kadang-kadang berlaku tindakan-tindakan di kalangan pelajar-pelajar yang memperlihatkan adanya pelanggaran peraturan disiplin itu. Tetapi apa yang berlaku selepas itu ialah tindakan-tindakan yang tegas daripada pihak berkuasa telah diambil dan saya juga hendak menyakinkan Ahli Yang Berhormat bahawa sebarang tindakan disiplin yang tegas diambil itu adalah dipastikan adanya keadilan dan tidak menzalimi pihak-pihak yang berkenaan itu.

Dengan itu sekali lagi saya mengucapkan tehma kasih kepada Yang Berhormat di atas sokongan serta pandangan-pandangan positif yang telah diberikan berkaitan dengan pindaan undang-undang dan Akta ini dan juga berkaitan dengan perjalanan ITM sendiri.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis

bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali kedua sekarang.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangkan dalam Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*).

*Pasal 1 hingga 4—*

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Sepang.

**Dato Haji Mohanwd Suhaimi bin Dato Haji Kamaruddin:** Tuan Pengerusi, pendek sahaja saya hendak bertanya, tentang Seksyen 1. Apakah sebab musabab Dewan Bahasa dan Pustaka mengeja "Institut" dengan ejaan "I-n-s-t-i-t-u-t" dan bukan "I-n-s-t-i-t-u-t". Apakah sebab musabab dan adakah kemungkinan mereka akan kembali balik kepada ejaan yang asal yang lama setelah peredaran masa berlaku, katalah setahun, dua tahun berhalik kepada ejaan yang lama. Adakah kemungkinan?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Walaupun pada zahiraya kelihatan perkara Yang Berhormat persoalkan itu adalah berkaitan, namun dia tidak berkaitan kerana perkara-perkara di bawah Dewan Bahasa dan Pustaka adalah diperuntukkan di bawah undang-undang yang lain dan bukan undang-undang yang sama iaitu Akta 173. Saya kira mungkin Yang Berhormat bersetuju dengan saya, kalau tidak bersetuju, saya boleh izinkan Yang Berhormat Menteri menjelaskan perkara itu.

**Dato Haji Moharned Suhaimi bin Dato Haji Kamaruddin:** Saya patuh kepada arahan Yang di-Pertua (Ketawa).

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat.

*Fasal 1 hingga 4* diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## RANG UNDANG-UNDANG PENCEN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4,40 ptg.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Mohamed Khalil bin Yaakob):** Tuan Yang di-Pertua, saya raohn mencadangkan supaya Akta Pencen (Pindaan) 1986 dibaca bagi kali yang kedua.

Akta Pencen 1980 telah diluluskan oleh Kerajaan pada tahun 1980 dan berkuatkuasa mulai 1hb Januari, 1976. Sejak Akta tersebut dilaksanakan telah terdapat beberapa pindaan yang perlu dibuat bagi memperkemaskinikan lagi perlaksanaan skim pencen. Antara pindaan-pindaan penting yang dicadangkan termasuk keputusan Kerajaan untuk melucutkan hak pencen seseorang yang telah hilang taraf kewarganegaraannya dan untuk memperkemaskinikan lagi perlaksanaan-perlaksanaan rancangan penswastaan Kerajaan. Berikut adalah perihal mengenai pindaan-pindaan yang dicadangkan.

*Persaraan dengan kehendak Kerajaan*

Tuan Yang di-Pertua, mengikut Seksyen 11, Akta Pencen 1980, Yang di-Pertuan Agong boleh menghendaki

seseorang pegawai supaya bersara di mana-mana peringkat umur

- (a) atas alasan kepentingan negara; dan
- (b) demi kepentingan perkhidmatan awam;

tetapi oleh kerana Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong hanya boleh menyarankan seseorang pegawai awam Persekutuan sahaja kerana kuasa untuk menyarankan seseorang pegawai awam Negeri adalah terletak kepada Pihak Berkuasa Negeri, maka Pihak Berkuasa Negeri telah tidak dapat melaksanakan persaraan atas alasan kepentingan negara berkenaan seseorang pegawai awam negeri. Mengikut pindaan yang dicadangkan, Pihak Berkuasa Negeri boleh juga menghendaki seseorang pegawai awam Negeri bersara atas alasan kepentingan negara, tetapi dengan syarat kelulusan Yang di-Pertuan Agong hendaklah dipohon. Ini adalah disebabkan alasan yang digunakan bagi persaraan awal ini ialah atas kepentingan negara dan oleh yang demikian patut ditentukan di peringkat Persekutuan.

#### *Pindaan kepada Seksyen 12A Akta Pencen, 1980*

Tuan Yang di-Pertua, dalam tahun 1985, Seksyen 12A di Akta Pencen 1980 telah dipinda untuk memperluaskan pemakaianya bagi membolehkan Kerajaan mempersarakan kakitangan tetapnya yang memasuki syarikat-syahkat swasta di bawah rancangan penswastaan Kerajaan.

Dalam bulan Disember 1985, Kerajaan telah memutuskan bahawa sekiranya sesuatu agensi Kerajaan diswastakan, 3 pilihan boleh diberi

kepada pekerja-pekerja seperti berikut:

#### *Opsyen A*

Para pekerja terus menikmati tanggagaji, terma dan syarat-syarat perkhidmatan Kerajaan dan layak menikmati sebarang perubahan gaji dan syarat-syarat dalam perkhidmatan Kerajaan. Hak penceh para pekerja terus dikenalkan dan syarikat yang akan mengambil alih akan dikehendaki mencarum kepada Tabung Pencen mengikut kadar yang ditetapkan.

#### *Opsyen B*

Para pekerja memilih terma dan syarat-syarat perkhidmatan yang ditawarkan oleh syarikat yang mengambil alih. Syarikat tersebut akan dikehendaki membuat caruman kepada Wang Simpanan Pekerja.

#### *Opsyen C*

Para pekerja yang enggan memilih Opsyen A atau B akan disaraskan mengikut syarat-syarat penghapusan jawatan dan beliau tidak akan dibenarkan berkhidmat dengan mana-mana agensi Kerajaan atau syarikat baru itu.

Pada akhir Januari 1986, Kerajaan telah memutuskan bahawa pekerja-pekerja yang memilih Opsyen A akan terus menikmati hak penceh mereka daripada tarikh pemindahan perkhidmatan. Behukit adalah perihal tentang pindaan-pindaan yang dicadangkan kepada Seksyen 12A di Akta Pencen 1980:

- (1) Tujuan memasukkan selepas perkataan-perkataah "mati dalam perkhidmatan" dalam seksyen-kecil (1) perkataan-perkataan "jika pada masa kematianya dia berada dalam

perkhidmatan pertubuhan itu atau mana-mana subsidiarinya atau pertubuhan antarabangsa tersebut, atau, jika ketika itu dia tidak berada dalam perkhidmatan tersebut, dia telah berada dalam perkhidmatan tersebut untuk suatu tempoh berterusan yang tidak kurang daripada lima tahun dari tarikh dia meninggalkan perkhidmatan awam" ialah untuk membuat seksyen ini lebih jelas dengan memperuntukkan bahawa seseorang pekerja berpencen yang dilantik oleh atau dengan kelulusan Kerajaan untuk berkhidmat dalam mana-mana pertubuhan, adalah disifatkan telah mati dalam perkhidmatan bagi maksud Seksyen 14 Akta Ibu jika dia mati semasa dia dalam perkhidmatan pertubuhan tersebut atau mana-mana subsidiarinya atau dia mati selepas dia telah berada dalam perkhidmatan tersebut untuk satu tempoh berterusan yang tidak kurang dari lima tahun dari tarikh ia meninggalkan perkhidmatan awam.

- (2) Tujuan untuk memasukkan selepas perkataan-perkataan "Skim Baru" di mana ianya mula terdapat dalam seksyen kecil (2) perkataan-perkataan "dia boleh diberi pencen, ganjaran atau lain-lain faedah apabila mencapai umur lima puluh lima tahun jika dia telah berkhidmat dalam pertubuhan itu atau mana-mana subsidiarinya untuk suatu tempoh berterusan yang tidak kurang daripada lima tahun dari tarikh dia meninggalkan perkhidmatan awam, dan dalam hal sedemikian" ialah untuk memperuntukkan bahawa bayaran faedah persaraan kepada seseorang yang memilih

Opsyen A dibekukan sehingga beliau mencapai umur lima puluh lima tahun. Perkhidmatan seseorang yang mimilih opsyen ini akan diambilkira bagi maksud perkiraan penceن dan sungguh pun seseorang boleh memohon untuk bersara pilihan sendiri apabila mencapai umur lima puluh atau empat puluh lima tahun tetapi beliau akan hanya dibayar faedah persaraan apabila sampai umur lima puluh lima tahun. Alasan untuk berbuat demikian ialah untuk menentukan bahawa seseorang yang memilih Opsyen A tidak mendapat pencen dan juga dibayar gaji oleh syarikat tersebut. Mengikut peruntukan yang sedia ada dalam Akta Pencen sekarang, faedah persaraan perlu dibayar apabila persaraan pilihan sendiri diluluskan. Sungguh pun pembekuan bayaran faedah sehingga umur lima puluh lima tahun merupakan satu kehilangan daripada syarat-syarat yang sedia ada tetapi oleh sebab pekerja-pekerja dibenarkan membuat opsyen ianya adalah teratur dari segi undang-undang. Tujuan untuk memasukkan selepas perkataan-perkataan "dengan pertubuhan itu" dalam seksyen kecil (2) perkataan-perkataan "atau mana-mana subsidiarinya" ialah untuk menjelaskan bahawa apa-apa perkhidmatan dengan subsidiari-subsidiari pertubuhan boleh dimasukkira bagi maksud pemberian pencen.

- (3) Lain-lain pindaan yang dicadangkan kepada seksyen tersebut yang tidak disebutkan dengan nyatanya adalah pindaan-pindaan yang berbangkit atau yang kecil sahaja.

### *Pindaan Seksyen 15*

Tuan Yang di-Pertua, Seksyen ini dipinda bagi memperuntukkan hal-hal di bawah mana seseorang balu, duda atau anak itu layak untuk terus dibayar pence n terbitan mereka di bawah Akta ini.

*Pencen dan lain-lain faedah akan terhenti apabila memperolehi kewarganegaraan negara lain*

Tuan Yang di-Pertua, dasar Kerajaan untuk hanya melantik calon-calon yang mempunyai kewarganegaraan Malaysia ke dalam perkhidmatan Kerajaan telah dimaktubkan dalam Perintah Am yang berkuatkuasa mulai 1hb Julai, 1958. Namun demikian calon-calon yang bukan warganegara boleh dilantik ke perkhidmatan awam dalam keadaan keadaan di mana calon-calon warganegara tidak mempunyai kelayakan yang mencukupi dan jawatan tersebut adalah penting dan perlu diisikan. Selain daripada ini Perintah Am tersebut juga mempunyai peruntukan untuk menamatkan perkhidmatan seseorang yang telah hilang kewarganegaraannya.

Berikut dengan perlaksanaan Akta Sekatan Kerja 1968, pegawai yang bukan warganegara dan belum meningkat umur wajib bersara telah dikehendaki bersara atas kepentingan awam. Mengikut Akta Sekatan Kerja, calon yang bukan warganegara dikehendaki memperolehi permit kerja. Akta Sekatan Kerja tidaklah melibatkan pegawai dalam perkhidmatan awam dan oleh itu Majlis Gerakan Negara dalam mesyuaratnya yang ke-76 yang diadakan dalam bulan Februari 1970 telah memutuskan supaya perkhidmatan pegawai yang bukan warganegara ditamatkan. Mereka yang telah berkhidmat selama 10 tahun dan ke atas adalah diberi pencen atau elaun persaraan.

Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya pada 6hb Julai, 1983 semasa menimbangkan Kertas Bil. 3/85/1397/83 telah bersetuju meluluskan cadangan untuk melucutkan hak pence n seseorang pesara yang hilang kerakyatan terpakai kepada pegawai yang akan dilantik selepas pengwartaan pindaan kepada Undang-undang Pencen. Ini adalah disebabkan Jabatan Peguam Negara telah memberi pendapat bahawa sungguh pun pencen mengikut Undang-undang Penceri bukan satu hak mutlak, tetapi sekiranya pencen itu telah diberi kepada seseorang pesara, ia adalah merupakan satu harta datam erti kata ungkapan "harta" di bawah Perkara 13 (1) Perlembagaan Persekutuan. Pencen yang telah diberi tidak boleh ditarik balik melainkan atas sebab yang dibolehkan oleh Undang-undang Pencen. Oleh itu pencen yang telah pun diberi tidak boleh dilucutkan kecuali dibolehkan dalam undang-undang.

Di samping itu, oleh kerana tidak ada peruntukan untuk membolehkan pencen dihentikan apabila seseorang pesara hilang kerakyatannya, maka pindaan ini hanya boleh dipakai kepada pegawai yang dilantik selepas pengwartaannya. Kalau tidak, pindaan ini akan bercanggah dengan Perkara 147 Perlembagaan Persekutuan yang memberi perlindungan kepada hak pencen.

Oleh yang demikian dicadangkan supaya pencen dan lain-lain faedah dihentikan serta-merta jika seseorang dengan sukarelanya (selain daripada perkahwinan) memperolehi kewarganegaraan, atau telah menggunakan hak-hak kewarganegaraan, atau telah membuat pengisytiharan kesetiaan kepada mana-mana negara lain selain daripada Malaysia atau telah dilucutkan kewarganegaraan Malaysianya. Hak-hak bagi orang-orang tanggungannya yang masih

memegang kewarganegaraan Malaysia untuk mendapat penceن dan lain-lain faedah akan juga dilucut.

### *Pindaan Seksyen 25*

Tuan Yang di-Pertua, pindaan ini bertujuan bagi memperuntukkan keadaan-keadaan di bawah mana orang tanggungan layak untuk diberi elaun persaraan terbitan.

### *Bayaran Tanpa Probet atau Surat Kuasa Tadbir*

Tuan Yang di-Pertua, mengikut Seksyen 26 (1), Akta Penceن 1980 yang berkuatkuasa sekarang, sebarang baki penceن yang belum sempat dibayar kepada seseorang pesara yang meninggal boleh dibayar kepada orang tanggungannya tanpa probet atau surat mentadbir pusaka. Dalam pindaan yang dicadangkan, perkataan "pesara" telah dikeluarkan. Cadangan pindaan ini adalah semata-mata bertujuan membolehkan baki penceن yang belum sempat dibayar kepada seseorang balu yang meninggal dibayar kepada orang-orang tanggungannya tanpa probet atau surat kuasa mentadbir. Di samping itu, peruntukan baru adalah juga dicadangkan bagi membolehkan bayaran gantian cuti rehat seseorang pegawai yang mati dalam perkhidmatan dibayar kepada orang tanggungannya, juga tanpa probet atau surat kuasa mentadbir. Akta Penceن, 1980 sekarang tidak mempunyai peruntukan yang sedemikian. Amalan yang dipraktikkan buat masa ini ialah bayaran dibuat selepas penceن terbitan dikurniakan kepada tanggungan pegawai yang meninggal. Dengan perkataan lain, bayaran faedah gantian cuti rehat adalah berlandaskan kepada kelulusan penceن terbitan.

Jabatan Perkhidmatan Awam telah mengalami berbagai kesulitan dalam

pembayaran penceن terbitan kepada gemulah yang mempunyai lebih daripada seorang balu. Semasa pegawai berkenaan bersara dan kertas persaraan disediakan, nama isteri yang kedua atau ketiga selalunya tidak dicatatkan dalam kertas penceن. Oleh yang demikian, apabila seseorang pesara meninggal hanya balu yang pertama sahaja yang buat permohonan untuk mendapat faedah penceن terbitan dan apabila permohonan itu disemak, didapati namanya memang ada tercatat dalam borang penceن terbitan. Setelah dikenalpasti bahawa seseorang si pemohon itu adalah benar-benar balu gemulah yang meninggal iaitu dengan menyemak sijil perkahwinan dan lain-lain dokumen berkaitan dengan bayaran penceن terbitan akan diluluskan. Jabatan Perkhidmatan Awam selalu diletakkan dalam keadaan serba salah apabila balu yang kedua atau yang ketiga muncul untuk menuntut penceن terbitan gemulah berkenaan. Apabila disemak dokumen yang dikemukakan iaitu sijil nikah dan sijil beranak, maka tuntutan balu yang kedua atau yang ketiga terpaksa dilayan kerana iaanya adalah telah benar-benar berkahwin dengan gemulah semasa gemulah berkhidmat dalam perkhidmatan awam lagi. Tetapi oleh kerana syer balu yang kedua atau yang ketiga serta anak mereka telah dihayar kepada keluarga balu yang pertama, maka bayaran kepada balu yang kedua atau yang ketiga hanya akan dibuat mulai dari tarikh permohonan sahaja di mana bayaran kepada balu yang pertama akan ditangguhkan sementara siasatan dijalankan. Pada kebiasannya balu yang pertama selalu enggan membayar balik amaun yang terlebih dibayar itu. Oleh yang demikian, adalah dicadangkan supaya peruntukan undang-undang disediakan di mana sebarang bayaran lebih yang sedemikian bendaklah dianggap sebagai bayaran yang sah dan tiada apa-apa tindakan mahkamah yang

boleh diambil terhadap Kerajaan. Ini keuntungan menjadi isteri pertama, Tuan Yang di-Pertua.

*Bayaran Hadiah untuk Pemberitahu Maklumat*

Tuan Yang di-Pertua, Undang-undang Pencen yang berkuatkuasa sekarang mempunyai beberapa peruntukan yang perlu dikuatkuasakan dengan cara yang lebih berkesan bagi mengelakkan kerugian di pihak Kerajaan. Antara peruntukan berkenaan adalah seperti berikut:

- (a) Seksyen 16 (1) Akta Pencen, 1980 yang memperuntukkan bahawa pencen terbitan, pencen tanggungan dan elauん persaraan terbitan yang dibayar kepada balu/duda akan diberhentikan jika mereka berkahwin semula;
- (b) Seksyen 3 (2) yang memperuntukkan bahawa Yang di-Pertuan Agong boleh menahan atau mengurangkan pencen, ganjaran atau lain-lain faedah yang pegawai itu sedang menerima jika dibuktikan bahawa pegawai berkenaan telah didapati bersalah atas kecuaian, salahaturan atau salahlaku;
- (c) Peraturan 11, Peraturan-peraturan Pencen, 1980 memperuntukkan bahawa Yang di-Pertuan Agong boleh menarik balik, menahan atau mengurangkan apa-apa pencen, ganjaran atau lain-lain faedah yang diberi di bawah Akta Pencen jika ia berpuas hati bahawa pemberian itu adalah akibat dari tidak mengetahui mengenai fakta atau bersengaja menyembunyikan fakta-fakta matan yang sepatutnya menjadi sebab-sebab yang mencukupi untuk membuang kerja atau menurunkan gaji pegawai itu; dan

(d) Akta Penyelarasaran Pencen tidak memanjangkan faedah kepada bukan pemastautin di Malaysia. Walau bagaimanapun, terdapat keskes di mana mereka ini menggunakan alamat tempatan iaitu alamat peti surat, wakil-wakil diri atau adik beradiknya yang tinggal dalam negeri sebagai ejen untuk memungut pencen yang diserahkan bagi pihak mereka.

Berdasarkan kepada hakikat bahawa adanya penyelewengan atau penipuan yang telah dapat dikesan, adalah dipercayai banyak lagi kes-kes yang tidak dapat diketahui kerana adalah di luar keupayaan Jabatan Perkhidmatan Awam (Bahagian Pencen) untuk menentukannya.

Perkara ini jika dibiarkan sahaja mungkin akan mengakibatkan kerugian besar di pihak Kerajaan. Oleh itu adalah dicadangkan supaya satu peruntukan diadakan di dalam Akta Pencen 1980 bagi membolehkan bayaran hadiah dibuat kepada mana-mana anggota masyarakat yang memberi maklumat berkenaan dengan sebarang kes penyelewengan untuk menikmati faedah pencen atau lain-lain faedah yang diberikan ataupun sebarang kesalahan di bawah peraturan yang dibuat di bawah Akta Pencen yang berkuatkuasa.

Dengan adanya peruntukan ini adalah dirasai banyak lagi maklumat yang diterima daripada orang ramai bagi membongkar satu-satu penipuan atau penyelewengan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Menteri Penerangan (Dato Rais Yatim):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang yang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Pencen 1980 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Tanjung Karang.

5.01 *ptg.*

**Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail (Tanjong Karang):** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih atas peluang yang diberikan untuk bersama-sama membahas Rang Undang-undang meminda Akta Pencen 1980.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan menyentuh proviso kepada seksyen 15 dan 25 Akta Ibu yang dipinda iaitu yang menggantikan perenggan (i) dan (ii) dengan perenggan baru (i), (ii), (iii) dan (iv) berkenaan dengan balu dan duda bagi seorang pegawai, seorang anak atau anak tiri tanggungan, seorang anak angkat yang sah iaitu mengikut undang-undang dan berkenaan dengan seorang anak tak sahtaraf bagi seorang pegawai itu.

Sebenarnya saya telah pun menyentuh perkara yang sama dalam membincangkan pindaan Akta Pencen 1980, Penggal Kedua, Parlimen Keenam ini dahulu. Saya telah mendapat jawapan daripada Yang Berhormat Menteri tetapi berasa kurang puas hati atas penjelasan mengenai kemasukan anak-anak tak sahtaraf sebagai orang-orang yang boleh menerima pencen terbitan.

Saya hendak bertanya sekarang ini bagaimanakah cara Kerajaan boleh menentukan kesahihan anak tak sahtaraf itu adalah anak kepada pegawai yang berkenaan? Itu saya minta supaya Yang Berhormat Menteri dapat menjawab.

Selain dari kedua-dua seksyen 15 dan 25 ini, saya ingin juga meminta penjelasan berkaitan dengan seksyen

26 yang juga dipinda iaitu pembayaran tanpa probet atau surat kuasa mentadbir. Bagi maksud seksyen-kecil (4) ini, "orang-orang tanggungan" bererti balu kepada si mati, duda kepada si mati, anak kepada si mati dan ibu kepada si mati yang mati atau jika ibunya telah mati, bapa tanggungannya.

Jadi, bagaimanakah kedudukan anak tak sahtaraf itu tadi? Adakah dalam hal ini mengenai baki pencen yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi ataupun pembayaran tunai daripada gantian cuti rehat yang terkumpul itu, anak tak sahtaraf ini tidak boleh menerimanya.

Sebenarnya saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri dan juga kepada Kerajaan kerana mengatakan bahawa kalau pembayaran yang terlebih dibuat kepada isteri yang pertama, tidak boleh dituntut oleh sesiapa atau sesiapa pun tidak boleh menuntut kepada Kerajaan. Itu baiklah nampaknya, tetapi pada pendapat saya tidak juga adillah kepada isteri-isteri yang lain.

Tetapi di samping itu saya juga dahulu telah mengemukakan atau menyentuh satu perkara iaitu apabila balu berkahwin semula, pencen terbitannya atau pencen yang didapati daripada suaminya itu terputus atau diberhentikan sama sekali. Saya mempersoalkan ini kerana nampaknya duda pun boleh juga mendapat pencen isterinya, jika isterinya mati. Jadi, perkara duda bila berkahwin semula, tidak disebut. Perkara ini telah saya sentuh dahulu pada masa membincangkan Akta yang sama membuat pindaan iaitu di sidang Dewan yang mulia ini dalam Penggal Kedua, Parlimen Keenam dan saya mengharapkan Yang Berhormat Menteri yang memberi pengakuan akan dipertimbangkan perkara ini apabila pindaan kali yang kedua dibuat, nampaknya tidak pun dibuat.

Jadi, saya hendaklah mempersoalkan perkara ini dan sebenarnya bukanlah Menteri yang mengemukakan hari ini yang menjawab pada masa yang lalu itu. Walau bagaimanapun, rasa saya pihak Kerajaan bertanggungjawab walau siapa pun yang mengemukakan dan menjawapkannya. Saya bercakap ini adalah bagi pihak wanita dan juga untuk keadilan kerana kalau wanita boleh dihadkan sebegitu iaitu kalau dia berkahwin semula maka pencen itu dia tidak menikmati lagi. Apa kata kalau tiga bulan selepas itu dia bercerai? Aniayalah wanita itu. Lagi pun biasanya apabila suaminya itu meninggal yang si isteri itu atau balu ini menanggung anak-anaknya yang masih ada. Saya rasa Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan boleh memperakui apa yang saya katakan ini, kerana di kalangan tentera kitalah misalnya askar-askar biasanya mereka ini kadang-kadang meninggal pada umur yang begitu muda sekali dan isterinya mungkin berumur 28, 29 atau 30 tahun dan paling tingginya 35 tahun dengan 4, 5 atau 6 orang anak. Jadi, pencen yang mereka dapat ini pun bukanlah banyak \$300 atau \$400 sahaja kadang-kadang.

Jadi, jikalau ini pun ditarik balik rasa saya ini adalah tidak adil. Kalau hendak ditarik balik, tarik balik kedua-dua sekali kalau balu kahwin pun tarik, duda kahwin pun tarik kerana faedahnya itu saya rasa terlebih kepada duda. Apabila duda mendapat pencen dia sendiri, kemudian isterinya mati, dapat pencen isterinya; kalau kahwin satu lagi kebetulan dia panjang umur pula mati isteri yang kedua itu, dapat dua tiga pencen pula dia. Jadi, ini juga rasa saya elok dikaji oleh pihak Jabatan Pencen supaya perkara ini tidak berlaku; mungkin agaknya sudah berlaku saya tidak tahuolah, tetapi kita harap keadilan ini akan dapat dikuatkuasakan oleh pihak Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih sekali lagi kerana dapat peluang berucap mengenai Akta Pencen ini dan saya menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Kepong. Harap jangan panjang sangat.

5.07ptg.

**Dr Tan Seng Giaw (Kepong):** Tuan Yang di-Pertua, satu point yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjung Karang yang baik, saya berharap Yang Berhormat Menteri dapat mengambil perhatian dan seterusnya mengambil tindakan yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Pencen ini adalah amat penting bagi para pegawai dan kakitangan Kerajaan. Mengikut salah satu daripada pindaan yang dibuat terdapat garis-garis panduan yang membolehkan pihak atasan melucutkan jawatan seseorang. Di antara garis-garis panduan tersebut, diingatkan tentang alasan demi kepentingan negara. Alasan ini adalah kedua-duanya malaikat dan syaitan. Jika dia digunakan dengan niat-niat yang murni maka iaanya dapat mengikiskan kekurangan disiplin di kalangan pegawai tinggi Kerajaan dan melibatkan diri dalam kerja memakan rasuah dan melindungi perbuatan khianat dan keji di bawah kepura-puraan berbagai-bagai dasar Kerajaan. Ianya menjadi syaitan jika alasan ini digunakan untuk melindungi pengkhianatan yang telah berlaku atau digunakan untuk mengancam mereka yang berpengetahuan mengenai sebarang penyelewengan oleh ketua-ketua mereka.

Dari pindaan ini kita dapat menyimpulkan bahawa besar kemungkinan terdapat di antara pegawai-pegawai Kerajaan yang telah menjaskankan kepentingan negara

dengan tindakan-tindakan mereka. Akta ini tidaklah menakjubkan memandangkan keadaan birokrasi yang tersedia ada pada masa sekarang telah melahirkan atau memupuk nilai-nilai yang keji seperti politik wang, rasuah, sikap acuh tak acuh, datih mendalih sehingga rakyat yang bertungkus-lumus untuk mencari rezeki yang jujur tercekek oleh "red-tape", dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Tambahan lagi beribu-ribu juta ringgit daripada pendapatan ekspor dan sumber-sumber asli negara turut dibazirkan disebabkan oleh kekurangan disiplin kewangan dan kurang pertanggungjawapan prestasi terhadap tugas-tugas di kalangan kakitangan Kerajaan. Contohnya pegawai-pegawai tinggi Kerajaan yang berkeras kepala untuk mengekalkan pengeluaran petroleum di tahap-tahap yang tinggi walaupun harga komoditi itu .....

**Dato Mohamed Khalil bin Yaakob:**  
(Bangun)

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat .....

**Dato Mohamed Khalil bin Yaakob:**  
Nampaknya dia lari daripada maksud Akta .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, saya pun berfikir apa point dia bercakap itu. Nampaknya dia lari langsung daripada mauduk yang ada di hadapan kita. Silakan.

**Dr Tan Seng Giaw:** Saya cuma membangkitkan satu contoh untuk perhatian Yang Berhormat Menteri sahaja untuk memudahkan mereka berfikir dengan waras dan wajar.

**Tuan Yang di-Pertua:** maksud saya ialah kita harus memaksimumkan hasil pulangan yang dapat diperolehi daripada penjualan sumber-sumber dan juga dengan permintaan ke atas Akta Pencen ini, kita dapat

menggalakkan kakitangan Kerajaan bekerja dengan lebih kuat lagi dan lebih sempurna.

Ada satu perkara lagi iaitu saya tidak nampak kaedah-kaedah yang ketat untuk mengenalpasti, menyelaras dan memastikan seseorang mendapat berbagai penceن daripada pelbagai jawatan dengan amal yang sangat tinggi. Saya berharap pihak Kerajaan dapat mengambil perhatian yang lebih untuk memastikan tidak berlakunya seseorang pesara dapat penceن dengan begitu banyak, berbagai penceن daripada pelbagai jawatan.

Passal 6 menjelaskan lagi pemakaian perenggan (d) seksyen-kecil (5) seksyen 10 dengan menggantikan dengan perenggan yang baru seperti berikut:

"(d) atas alasan bahawa pekerjaan pegawai itu telah ditamatkan demi kepentingan awam;"

Fasal 7 juga meminda Akta ibu dengan menggantikan seksyen 11 dengan yang baru:

"11. Walau apa pun seksyen 10 dan 12, dengan persetujuan pegawai itu—

(a) Yang di-Pertuan Agong boleh menghendaki seseorang pegawai persekutuan supaya bersara pada mana-mana peringkat umur

(i) atas alasan kepentingan negara;"

Pada pendapat saya pindaan ini telah gagal untuk menjelaskan pemakaian perenggan (d) kerana alasan kepentingan awam dan kepentingan negara adalah konsep yang abstract dan bergantung kepada pertimbangan subjective seseorang.

Seorang pegawai yang dipecat atas alasan ini harus diberi peluang untuk membela diri agar mengesyorkan

penyalahgunaan kekuasaan oleh pihak atasan sama ada untuk memfitnah atau melindungi pegawai tersebut. Oleh yang demikian, di mana boleh seseorang pegawai yang ditamatkan pekerjaannya atas alasan ini mestilah juga dikemukakan bukti-buktinya serta sebab-sebab bagi penggunaan seksyen ini. Perbuatan ini adalah terutamanya penting dalam kes-kes di mana pegawai tersebut berpangkat tinggi dalam birokrasi Kerajaan Persekutuan dan Negeri.

Bagi pegawai-pegawai berpangkat tinggi yang didapati telah menyalahgunakan kekuasaannya dan seterusnya dilucut jawatannya dan dipaksa berpencen, mereka mesti juga menanggung segala kesalahan dan kerugian yang berhasil daripada tindak-tanduknya semasa berkhidmat dalam sektor awam walaupun telah berpencen. Tindakan sedemikian akan mengesyorkan seksyen mi tidak akan dipergunakan untuk melepaskan pegawai-pegawai berpangkat tinggi daripada jerat keburukan rasuah atau pecah amanah yang ditentunkan oleh tamak-haloba diri sendiri.

Seksyen baru 26A yang memberi kuasa kepada Ketua Pengarah untuk membuat pembayaran hadiah untuk maklumat yang diberi bersabit dengan kes-kes penipuan untuk menikmati pencepan dan lain-lain faedah yang diberi di bawah Akta ini atau kesalahan-kesalahan di bawah peraturan-peraturan Akta memanglah baik hanya jika wang tidak dikeluar atau dipindahkan dengan sewenang-wenangnya menerusi saluran ini. Untuk mengelakkan penyalahgunaan dana Kerajaan oleh setengah kakitangan Kerajaan, satu had maksimum mesti ditentukan bagi pembayaran hadiah untuk maklumat ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri menjawab.

### 5.14ptg.

**Dato Mobamed Khalil bin Yaakob:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan temma kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang dan juga dari Kepong yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai Rang Undang-undang ini dan kepada Yang Berhormat dari Kepong sebenarnya dia cuma membuat ulasan, dia cuba keluar sedikit tadi tetapi kemudiannya dia balik semula dan jawapan sebenarnya tak perlu saya buat kerana dalam saya membawa Rang Undang-undang ini tadi saya telah memberi penjelasan yang begitu teliti.

Yang Berhormat dari Tanjong Karang mengemukakan beberapa pertanyaan yang interesting, dengan izin. Jadi perlu juga saya cuba berikhtiar memberi jawapan kerana jawapan Kerajaan yang dahulu nampaknya tidak memuaskan hati. Sekiranya tidak memuaskan hati juga sekali ini, saya akan catatkan dan kita minta pihak-pihak yang berkenaan kaji semula untuk menentukan halnya.

Mengenai anak sah, tak sah tadi yang dikaitkan, untuk menentukan sama ada anak tak sahtaraf itu boleh dibuktikan, apa yang kita lakukan sekarang ini iaiah melalui surat beranak anak yang mencatatkan nama bapa anak tersebut. Mengikut peraturan sekarang ini barangkali seseorang anak yang dilahirkan itu sudah tentuia perlu ada catatan siapa bapanya. Belum ada peraturan yang mengatakan dia boleh taruh nama emak sahajalah, saya rasa, kalau saya tak silap dalam hal ini. Jadi, dalam hal yang demikian kaiau bapanya itu betul-betul nama kepada anak ini, kalau adalah datang satu aduan biasanya kita menerima, meiainkan bapanya hendak challange pula, ini bukan anaknya, dia cerita panjang-lebar, minta periksa darah dan sebagainya ini cerita panjang .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Bapanya sudah mati masa itu! (*Ketawa*).

**Dato Mohamed Khalil bin Yaakob:** Ini sudah juga. Saya minta maaflah (*Ketawa*). Yang boleh hendak challange itu barangkali bapa saudaranya tetapi darahnya sudah lain juga. Jadi, kita setakat ini terpaksa berpandu kepada surat beranak sahaja. Saya bercerita kaedah orang ini membuat aduan hendak dapat perakuan terhadap seseorang anak yang tak sah iaitu terlanjur cerita fasal darah tadi. Ini biasanya kita buat.

Mengenai masalah balu dan duda tadi, dari segi hendak mendapat keadilan, saya menyangkakan tadi kalau balu itu isteri yang pertama, jadi si mati tadi tak ada membuat perakuan yang dia ada isteri dua, tiga dan empat orang. Jadi, memanglah kita bayar mengikut yang sepatutnya kepada isteri yang ada dilaporkan sahaja, kemudian baru dapat perakuan ini. Barangkali yang muda-muda sedikit ini mula-mula dia segan hendak mengaku dan masa si suami masih ada agaknya, dia pun ada persetujuan supaya tidak diperakuan dan sebagainya secara terbuka. Ini merupakan masalah dan tak sepatutnya pula kalau kita hendak mengutip balik kepada isteri yang pertama, walhal segala perbelanjaan ini sudah dibuat dalam keadaan kesusahan, bagaimana pula hendak bayar balik. Itu sebab kita beropsyen. Kita rasa sepatutnya wanita sukakan hal ini kerana ini akan menggalakkan suami tak berkahwin lebih daripada satu, nampaknya wanita, mengikut Yang Berhormat dari Tanjung Karang tadi lebih suka. Tak apalah, kalau lebih daripada satu pun asal dia mengaku awal-awal tak apa. Dan kita pun dari segi membuat bayaran penceن membolehkan begitu juga. Kalau awal-awal lagi dia kata dia sudah mengaku tiga, empat ada; kita bayar sama adil. Jadi, timbulah keadilan.

Dalam satu konteks lagi mengenai balu yang hilang bayaran nikmat penceن kalau dia berkahwin semula. Kalau berkahwin semula itu sekejap, ini menjadi masalah. Kalau berkawin semula terus itu kita tahu dia boleh bergantung kepada suami yang baru. Tetapi kita tak boleh memberi pilihan begitu dan mengikut amalan kita kalau seorang isteri itu sudah agak berumur sedikit, biasanya dia tak kahwin semula, dia tahu. Ini dari segi jaminan meneruskan penceن daripada suami yang telah mati itu lebih baik bagi dia dan kita tak boleh juga memberi pilihan seperti itu. Kalau tidak nanti, balu ini akan mengambil advantage. Dari dapat penceن, dia juga terus boleh mencari suami yang lain. Lepas tiga bulan satu; tiga bulan, lagi satu, dia tukar juga; tiga bulan lagi satu, kerana dia tahu jaminan itu ada. Ini satu daripada sebabnya. Barangkali tak secukup dengan pemikiran Yang Berhormat dari Tanjung Karang, tetapi ini boleh juga menimbulkan sebab. Tetapi yang diungkitkan di sini dari segi keadilan. Dia kata kenapa pula Yang Berhormat, kalau duda itu boleh pula, dia duda boleh begini, kalau isteri dia mati, duda ini boleh pula. Saya hendak perkatakan sebenarnya mengikut pindaan ini adalah sama juga. Kalau duda ini yang dapat nikmat kerana bekas isterinya yang telah meninggal memberi nikmat penceن kepada dia, kalau dia juga beristeri yang lain, jadi sekarang ini ia juga diberhentikan, tidak ada chancelah. Jadi sama adil sebenarnya, Yang Berhormat. Duda ini pun dia tidak boleh juga beristeri yang lain, kalau hendakkekalkan penceن bekas isterinya.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa inilah perkara-perkara yang saya hendak jelaskan. Satu lagi ialah setelah balu itu berkahwin semula selepas kematian suami, hak penceنnya sudah tentu akan hilang. Kita tidak mempunyai peraturan sekarang ini hendak membentulkan

keadaan-keadaan seperti ini. Jadi sekali lagi saya mengucapkan terima kasih. Saya dapat nasihat ini tadi yang mengatakan kalau duda mendapat 4 pence terbitan, ini maknanya barangkali dalam keadaan di mana seseorang itu mempunyai empat orang isteri; semuanya bekerja belaka dan isteri bekerja ini takdir Tuhan mati, jadi semuanya mati, 4 pence terbitan dia dapat. Barangkali ini wanita tidak boleh lawanlah. (*Ketawa*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Nasib dialah yang itu.

**Dato Mohamed Khalil bin Yaakob:** Nasib dia tetapi dalam keadaan ini juga apabila dia berkahwin walaupun satu sahaja, keempat-empat pence terbitan akan hilang. Mungkin juga kita akan mengkaji ini. Sebenarnya kaedah ini belum lagi timbul. Kita tidak hendak juga memberi advantage kepada seorang duda ini untuk mendapat 4 pence terbitan. Mungkin juga dari segi peraturan-peraturan yang membolehkan Bahagian Pencen mengkaji hal ini, kita juga akan memikirkan tak akan seorang duda itu dapat empat pence terbitan. Kalau macam itu, ini akan menggalakkan lagi suami-suami berkahwin dengan isteri-isteri yang ada kerja dengan Kerajaan sahaja. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangkan dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua mempergerusikan Jawatankuasa).

*Fasal 1 hingga 13* diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

### RANG UNDANG-UNDANG PENCEN PIHAK-PIHAK BERKUASA BERKANUN DAN TEMPATAN (PINDAAN)

Bacaan Kali yang Kedua dan Ketiga

5.25ptg.

**Dato Mohamed Khalil bin Yaakob:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Pencen Pihak-pihak Berkusa Berkanun dan Tempatan 1980 dibaca bagi kali yang kedua.

Akta Pencen Pihak-pihak Berkusa Berkanun dan Tempatan 1980 telah diluluskan oleh Kerajaan pada tahun 1980 dan berkuatkuasa mulai 1hb Januari, 1976. Sejak Akta tersebut dilaksanakan telah terdapat beberapa pindaan yang perlu dibuat bagi mempermaskinikan lagi pelaksanaan skim pencen. Antara pindaan-pindaan penting yang dicadangkan termasuk keputusan Kerajaan untuk melucutkan hak pencen seseorang yang telah hilang taraf kewarganegaraannya dan untuk mempermaskinikan lagi pelaksanaan rancangan penswastaan Kerajaan. Berikut adalah perihal mengenai pindaan-pindaan yang dicadangkan.

*Pindaan seksyen 8*

Tuan Yang di-Pertua, pindaan ini bertujuan untuk memberi kuasa kepada Menteri Kewangan mengecualikan bayaran bunga oleh

majikan kerana bayaran lewat bagi caruman bulanan kepada Kumpulanwang Disatukan jika kelewatan itu bukan disebabkan oleh perbuatan sengaja atau disebabkan oleh perbuatan luar pengawalan majikan itu.

#### *Pindaan seksyen 10'*

Tuan Yang di-Pertua, pindaan ini bertujuan untuk menambahkan satu lagi alasan baru kepada seksyen yang sedia ada untuk menghendaki seseorang pekerja itu supaya bersara sekiranya beliau telah memperolehi kewarganegaraan atau telah menggunakan hak-hak seseorang warganegara atau telah membuat pengisytiharan kesetiaan kepada negara lain selain daripada Malaysia.

#### *Pindaan kepada Seksyen 13 Akta Pencen Pihak-pihak Berkuasa Berkunun dan Tempatan 1980.*

Dalam tahun 1985 seksyen 13 Akta Pencen Pihak-pihak Berkuasa Berkunun dan Tempatan 1980 telah dipinda untuk memperluaskan pemakaian bagi membolehkan Kerajaan membersarkan kakitangan tetapnya yang memasuki syarikat-syarikat swasta di bawah rancangan penswastaan Kerajaan. Dalam bulan Disember 1985 Kerajaan telah memutuskan bahawa sekiranya sesuatu agensi Kerajaan diswastakan, tiga pilihan boleh diberi kepada pekerja-pekerja seperti berikut:

#### *Option "A"*

Para pekerja terus menikmati tanggagaji, terma dan syarat-syarat perkhidmatan Kerajaan dan layak menikmati sebarang perubahan gaji dan syarat-syarat dalam perkhidmatan Kerajaan. Hak pencen para pekerja juga terus dikekalkan dan syarikat yang akan mengambil alih akan dikehendaki mencarum kepada tabung pencen mengikut kadar yang ditetapkan.

#### *Option "B"*

Para pekerja memilih terma dan syarat-syarat perkhidmatan yang ditawarkan oleh syarikat yang mengambil alih. Syarikat tersebut akan dikehendaki membuat caruman kepada Kumpulanwang Simpanan Pekerja.

#### *Option "C"*

Para pekerja yang enggan memilih Option "A" atau "B" akan disarakan mengikut syarat penghapusan jawatan dan beliau tidak akan dibenarkan berkhidmat dengan mana-mana agensi Kerajaan atau syarikat baru itu.

Pada akhir Januari, 1986 Kerajaan telah menerima cadangan penswastaan perkhidmatan Terminal Kontena Pelabuhan Kelang dan telah mempersetujui syarat-syarat pemindahan pekerja-pekerja daripada perkhidmatan Lembaga Pelabuhan Kelang kepada Kelang Container Terminal yang akan mengambil alih operasi itu. Jemaah Menteri juga memutuskan supaya Akta Pencen Pihak-pihak Berkuasa Berkunun dan Tampatan 1980 dipinda untuk membolehkan tawaran pelaksanaan Option "A", iaitu bagi membolehkan pegawai-pegawai yang berpindah berkhidmat dengan Kelang Container Terminal (KCT) di atas syarat-syarat perkhidmatan Lembaga Pelabuhan Kelang menikmati hak pencen daripada tarikh pemindahan perkhidmatan.

Berikut adalah perihal tentang pindaan-pindaan yang dicadangkan kepada seksyen 13 di Akta Pencen Pihak-pihak Berkuasa Berkunun dan Tempatan 1980:

- (1) Tujuan memasukkan selepas perkataan-perkataan "mati dalam perkhidmatan" dalam seksyen-kecil 1 perkataan-perkataan "jika pada masa kematiannya dia berada dalam

perkhidmatan pertubuhan itu atau mana-mana subsidiannya atau pertubuhan antarabangsa tersebut, atau jika ketika itu dia tidak berada dalam perkhidmatan tersebut, dia telah berada dalam perkhidmatan tersebut untuk suatu tempoh berterusan yang tidak kurang daripada lima tahun dari tarikh dia meninggalkan perkhidmatan pihak berkuasa berkanun atau tempatan itu" ialah untuk membuat seksyen ini lebih jelas dengan memperuntukkan bahawa seseorang pekerja berpencen yang dilantik oleh atau dengan kelulusan Kerajaan untuk berkhidmat dalam mana-mana pertubuhan adalah disifatkan telah mati dalam perkhidmatan bagi maksud seksyen 15 Akta ibu jika dia mati semasa dia dalam perkhidmatan pertubuhan tersebut atau mana-mana subsidiarinya atau dia mati selepas dia telah berada dalam perkhidmatan tersebut untuk suatu tempoh berterusan yang tidak kurang dari lima tahun dari tarikh dia meninggalkan perkhidmatan Pihak Berkuasa Berkanun atau Tempatan.

(2) Tujuan untuk menggantikan perkataan-perkataan "mengikut terma dan syarat perkhidmatan yang sama seperti di dalam Skim Baru" dalam seksyen-kecil (2) dengan perkataan-perkataan "pada atau selepas 17hb Mac 1986 mengikut terma dan syarat perkhidmatan yang sama seperti di dalam Skim Baru dia boleh diberi pencen, ganjaran atau lain-lain faedah apabila mencapai umur lima puluh lima tahun jika dia telah berkhidmat dalam pertubuhan itu atau mana-mana subsidiannya untuk suatu tempoh berterusan yang tidak kurang daripada lima tahun dari tarikh dia meninggalkan perkhidmatan pihak berkuasa berkanun atau tempatan itu, dalam hal sedemikian" ialah untuk memperuntukkan bahawa bayaran faedah persaraan kepada seseorang

yang memilih Opsyen "A" dibekukan sehingga beliau mencapai umur lima puluh lima tahun. Perkhidmatan seseorang yang memilih opsyen ini akan diambilkira bagi maksud perkiraan pencen dan sungguhpun seseorang boleh memohon untuk bersara pilihan sendiri apabila mencapai umur lima puluh atau empat puluh lima tahun, tetapi beliau akan hanya dibayar faedah persaraan apabila sampai umur lima puluh lima tahun. Alasan untuk berbuat demikian ialah untuk menentukan bahawa seseorang yang memilih Opsyen "A" tidak mendapat pencen dan juga dibayar gaji oleh syarikat tersebut. Mengikut peruntukan yang sedia ada dalam Akta Pencen Pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan sekarang, taedah persaraan perlu dibayar apabila persaraan pilihan sendiri diluluskan. Sungguhpun pembekuan bayaran faedah sehingga umur lima puluh lima tahun merupakan satu kehilangan daripada syarat-syarat yang sedia ada tetapi oleh sebab pekerja-pekerja dibenarkan membuat opsyen ianya adalah teratur dari segi undang-undang. Tujuan untuk memasukkan selepas perkataan-perkataan "dengan pertubuhan itu" dalam seksyen-kecil (2) perkataan-perkataan "atau mana-mana subsidiarinya" ialah untuk menjelaskan bahawa apa-apa perkhidmatan dengan subsidiari-subsidiari pertubuhan boleh dimasukira bagi maksud pemberian pencen.

(3) Lain-lain pindaan yang dicadangkan kepada seksyen tersebut yang tidak disebutkan dengan nyatanya adalah pindaan-pindaan yang berbangkit atau yang kecil sahaja.

#### *Pindaan seksyen 16*

Tuan Yang di-Pertua, pindaan ini bertujuan untuk meminda Seksyen 16 kepada Akta ibu yang sedia ada dengan

menambah lagi keadaan-keadaan yang mesti wujud sebelum seseorang balu, duda atau anak layak untuk terus dibayar pence n terbitan mereka di bawah Akta ini.

*Pencen dan lain-lain faedah akan terhenti apabila memperolehi kewarganegaraan negara lain.*

Dasar Kerajaan untuk hanya lantik calon-calon yang mempunyai kewarganegaraan Malaysia ke dalam perkhidmatan Kerajaan telah dimaktubkan dalam Perintah Am yang berkuatkuasa mulai 1hb Julai, 1958. Namun demikian calon-calon yang bukan warganegara boleh dilantik ke perkhidmatan awam dalam keadaan-keadaan di mana calon-calon warganegara tidak mempunyai kelayakan yang mencukupi dan jawatan tersebut adalah penting dan perlu diisikan. Selain daripada ini Perintah Am tersebut juga mempunyai peruntukan untuk menamatkan perkhidmatan seseorang yang telah hilang kewarganegaraannya.

Berikut dengan perlaksanaan Akta Sekatan Kerja 1968, pegawai yang bukan warganegara dan belum meningkat umur wajib bersara telah dikehendaki bersara atas kepentingan awam. Mengikut Akta Sekatan Kerja, calon yang bukan warganegara dikehendaki memperolehi permit kerja. Akta Sekatan Kerja tidaklah melibatkan pegawai dalam perkhidmatan awam dan oleh itu Majlis Gerakan Negara dalam mesyuaratnya yang ke-76 yang diadakan dalam bulan Februari 1970 telah memutuskan supaya perkhidmatan pegawai yang bukan warganegara ditamatkan. Mereka yang telah berkhidmat selama 10 tahun dan ke atas adalah diberi pencen atau elauan persaraan.

Kerajaan telah juga bersetuju meluluskan cadangan untuk melucutkan bak pencen seseorang pesara yang hilang kerakyatan terpakai

kepada pegawai yang akan dilantik selepas pengwartaan pindaan kepada Undang-undang Pencen. Ini adalah disebabkan Jabatan Peguam Negara telah memberi pendapat bahawa sungguhpun pencen mengikut Undang-undang Pencen bukan satu hak mutlak, tetapi sekiranya pencen itu telah diberi kepada seseorang pesara, ia adalah merupakan satu harta dalam erti kata ungkapan "harta" di bawah Perkara 13 (1) Perlembagaan Persekutuan. Pencen yang telah diberi tidak boleh ditarik balik melainkan atas sebab yang dibolehkan oleh Undang-undang pencen. Oleh itu pencen yang telah pun diberi tidak boleh dilucutkan kecuali dibolehkan dalam undang-undang.

Di samping itu, oleh kerana tidak ada peruntukan untuk membolehkan pencen dihentikan apabila seseorang pesara hilang kerakyatannya, maka pindaan ini hanya boleh dipakai kepada pegawai yang dilantik selepas pengwartaannya. Kalau tidak, pindaan ini akan bercanggah dengan Perkara 147 Perlembagaan Persekutuan yang memberi perlindungan kepada hak pencen.

Oleh yang demikian dicadangkan supaya pencen dan lain-lain faedah dihentikan serta-merta jika seseorang dengan sukarelanya (selain daripada perkahwinan) memperolehi kewarganegaraan, atau telah menggunakan hak-hak kewarganegaraan, atau telah membuat pengisyntiharan kesetiaan kepada, mana-mana negara lain selain daripada Malaysia atau telah dilucutkan kewarganegaraan Malaysiana. Hak-hak bagi orang-orang tanggungannya yang masih memegang kewarganegaraan Malaysia untuk mendapat pencen dan lain-lain faedah akan juga dilucut.

*Bayaran tanpa Probate atau Surat Kuasa Tadbir.*

Mengikut Seksyen 27 (1), Akta Pencen Pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980 yang berkuatkuasa sekarang, sebarang baki pence yang belum sempat dibayar kepada seseorang pesara yang meninggal boleh dibayar kepada orang tanggungannya tanpa probate atau surat mentadbir pusaka. Datam pindaan yang dicadangkan, perkataan "pesara" telah dikeluarkan. Cadangan pindaan ini adalah semata-mata bertujuan membolehkan baki pence yang belum sempat dibayar kepada seseorang balu yang meninggal dibayar kepada orang tanggungannya tanpa probate atau surat kuasa mentadbir. Di samping itu, peruntukan baru adalah juga dicadangkan bagi membolehkan bayaran gantian cuti rehat seseorang pegawai yang mati dalam perkhidmatan dibayar kepada orang tanggungannya, juga tanpa probate atau surat kuasa mentadbir. Akta Pencen Pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980 sekarang tidak mempunyai peruntukan yang sedemikian. Amalan yang dipraktikkan buat masa ini ialah bayaran dibuat selepas pence terbitan dikurniakan kepada tanggungan pegawai yang meninggal. Dengan perkataan lain, bayaran faedah gantian cuti rehat adalah berlandaskan kepada kelulusan pence terbitan.

Jabatan Perkhidmatan Awam telah mengalami berbagai kesulitan dalam pembayaran pence terbitan kepada gemulah yang mempunyai lebih daripada seorang balu seperti juga keadaan tadi. Semasa pegawai berkenaan bersara dan kertas persaraan disediakan, nama isteri yang kedua atau ketiga selalunya tidak juga dicatatkan dalam kertas; saya telah juga menjelaskan hal ini tadi, Tuan Yang di-Pertua, dan yang lain-lain saya rasa agak serupa dengan penjelasan saya tadi.

Satu lagi ialah bayaran hadiah untuk pemberitahu maklumat (seksyen baru

30). Ini juga serupa kaedah-kaedah seperti saya katakan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya ingin menyatakan mengenai seksyen baru, iaitu seksyen 31. Pindaan ini bertujuan untuk memperkenalkan seksyen 31 yang baru untuk memperuntukkan bagi penggulungan skim pence pihak berkuasa berkanun atau tempatan di bawah Skim Pencen dan pemindahan semua aset dan liabiliti kepada Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Dato' Rais Yatim:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang yang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Pencen Pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980, dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibaca kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangkan dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua mempergerusikan Jawatankuasa)

*Fasal 1 hingga 10 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.*

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG  
KUMPULAN WANG  
SIMPANAN PEKERJA  
(PINDAAN)**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.44ptg.

**Dato Sabbaruddin Chik:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang yang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, 1951 dibaca bagi kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah membuat kajian yang mendalam ke atas Akta KWSP 1951 untuk mengenalpasti cara-cara bagi memperluaskan lagi faedah-faedah yang boleh dinikmati oleh pencarum.

Hasil daripada kajian itu, beberapa pindaan dicadangkan ke atas Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1951. Pindaan-pindaan ini adalah bagi mencapai tujuan-tujuan utama berikut:

- (i) bagi membolehkan pencarum-pencarum KWSP mengeluarkan sebahagian daripada caruman mereka untuk tujuan memperolehi rumah sendiri;
- (ii) menyusun semula keahlian Lembaga KWSP dan Panel Pelaburan KWSP;
- (iii) memperluaskan lagi kuasa-kuasa pelaburan KWSP;
- (iv) menukarkan sistem mengkredit faedah caruman supaya berdasarkan kepada kaedah baki bulanan;

- (v) mengemaskini sistem pembayaran caruman oleh majikan;
- (vi) memperkuuhkan lagi sistem pentadbiran KWSP supaya sistem penguatkuasaan dan pelaksanaan denda dapat dijalankan dengan lebih berkesan;
- (vii) melaksanakan faedah baru di mana pembayaran tambahan diberi kepada pencarum-pencarum di dalam keadaan kecederaan fizikal dan kehilangan-upayaan;
- (viii) mengemaskini definisi gaji; dan
- (ix) mengemaskini prosedur mengaudit akaun-akaun tahunan KWSP.

Tuan Yang di-Pertua, pemilikan rumah oleh ahli-ahli adalah salah satu daripada matlamat yang telah diberi keutamaan oleh KWSP untuk memenuhi keperluan asas mereka semasa persaraan. Matlamat ini adalah selaras dengan hasrat Kerajaan untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi dan membolehkan rakyat, terutama yang berpendapatan rendah memiliki rumah.

Sepertimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, selaras dengan hasrat Kerajaan ini, langkah telah diambil baru-baru ini untuk memperluaskan lagi skim pengeluaran caruman KWSP bagi membolehkan ahli-ahli mengeluarkan 40% daripada harga rumah kos rendah atau kesemua carumannya, yang mana terendah. Dengan kenaikan had pengeluaran di bawah skim ini daripada 10% kepada 40% dari harga rumah, jumlah pengeluaran daripada KWSP bagi tujuan ini dianggarkan bertambah kepada \$80 juta tiap-tiap tahun.

Di bawah peruntukan seksyen 13 (1A) (c) yang sedia ada sekarang, seseorang pencarum KWSP boleh

mengeluarkan 45% daripada carumannya atau 10% daripada harga rumah tertakluk kepada \$20,000 untuk tujuan membeli sebuah rumah baru yang dimajukan oleh sesuatu Pihak Berkuasa Berkanun, Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau rumah dalam sesuatu projek perumahan yang diluluskan oleh Lembaga KWSP. Untuk memperluaskan lagi skim ini bagi membolehkan lebih ramai pencarum-pencarum KWSP memiliki rumah sendiri, pindaan dicadangkan kepada seksyen (2) dan seksyen 13 (1A) (c) Akta KWSP 1951.

Skim yang sedia ada ini akan diperluaskan dari segi dua aspek. Pertamanya, had pengeluaran caruman akan dinaikkan daripada 10% kepada 20% dari harga rumah yang akan dibeli. Dengan ini, pengeluaran maksima dihadkan kepada 45% dari kumpulan kredit seseorang pencarum tertakluk kepada 20% dari harga rumah atau \$20,000, yang mana yang rendah. Aspek kedua ialah untuk membenarkan pencarum-pencarum KWSP menggunakan kemudahan pengeluaran di bawah skim ini bagi tujuan pembelian rumah atau untuk mendirikan rumah sendih, atau untuk mengurangkan pinjaman gadai janji, sekiranya ada. Dengan kenaikan had pengeluaran daripada 10% kepada 20% dari harga rumah ini, jumlah pengeluaran daripada KWSP bagi tujuan ini dianggarkan bertambah kepada \$450 juta tiap-tiap tahun.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan kedua Pindaan Akta KWSP 1951 ialah untuk menyusun semula keahlian Lembaga KWSP dan Panel Pelaburan KWSP. Sebagai pihak-pihak utama yang bertanggungjawab atas dasar dan pengurusan, Lembaga dan Penal Pelaburan KWSP memainkan peranan yang penting dalam menjamin pencapaian objektif-objektif penubuhan KWSP. KWSP telah mengalami perkembangan yang pesat dalam semua bidang, termasuk bidang

pengurusan pelaburan, dan tanggungjawab Lembaga dan Panel Pelaburan KWSP telah bertambah.

Pelaburan KWSP telah mengalami pertumbuhan yang pesat dalam tahun-tahun kebelakangan ini. Misalnya, dalam tahun 1984, pelaburan KWSP bertambah sebanyak 19.4% kepada jumlah \$20,250 juta dan pada akhir tahun 1985, pelaburan KWSP telah berjumlah \$23,824 juta, iaitu pertambahan sebanyak 17.61% berbanding dengan tahun sebelumnya.

Selaras dengan perkembangan ini, keahlian Lembaga dan Penal Pelaburan KWSP perlu dirombak dan disusun semula supaya Lembaga dan Panel Pelaburan dapat dianggotai oleh ahli-ahli profesional dari bidang kewangan, perniagaan atau bidang profesional lain. Untuk tujuan ini, pindaan perlu dibuat kepada seksyen-seksyen 3 (1)(a) dan 4B.

Pindaan juga dicadangkan kepada seksyen 4 Akta KWSP 1951 untuk meluaskan lagi bidang pelaburan yang boleh dicebur oleh KWSP. Untuk mengoptimakan pulangan atas pelaburan, KWSP wajar meluaskan lagi bidang pelaburannya dalam beberapa jenis pelaburan lain seperti, dengan izin, "mortgage papers", "bankers acceptance", "money market papers" dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan keempat pindaan Akta KWSP 1951 ialah untuk menukar sistem mengkredit kadar faedah ke atas caruman. Mengikut peruntukan seksyen 4(3) yang ada sekarang, kadar faedah ke atas caruman adalah dikira berdasarkan kepada baki permulaan, dengan izin, "opening balance" jumlah caruman para ahli pada awal tiap-tiap tahun. Untuk memberi faedah yang lebih kepada pencarum-pencarum, pindaan perlu dibuat kepada seksyen berkenaan bagi mengubahsuai kaedah pengiraan kadar faedah supaya

berdasarkan jumlah baki bulanan pencarum-pencarum, dengan izin, "monthly balance method".

Pindaan-pindaan yang dicadangkan kepada seksyen-seksyen 8 dan 11 ialah untuk meningkatkan lagi tahap tanggungjawab majikan-majikan terhadap pembayaran caruman KWSP. Mengikut amalan sekarang, niajikan-majikan tidak dikehendaki membuat caruman KWSP atas gaji bulanan pertama seseorang pekerja. Dengan pindaan yang dicadangkan, pembayaran caruman kepada KWSP oleh majikan-majikan akan bermula daripada tarikh seseorang mula bekerja.

Pada masa ini, pihak pekerja akan kehilangan faedah yang sepatutnya diperolehi oleh mereka sekiranya majikan tidak memenuhi kewajipan untuk membuat caruman kepada KWSP dalam masa yang ditentukan. Untuk mengelakkan berlakunya keadaan sedemikian pada masa depan, pindaan dicadangkan supaya majikan-majikan yang gagal membayar caruman dalam masa yang ditentukan, bertanggungjawab untuk membayar faedah terkumpul kepada pekerja-pekerja yang terlibat sejumlah yang sepatutnya diperolehi jika caruman dibayar mengikut masa.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan keenam pindaan kepada Akta KWSP 1951 ialah untuk memperkuuhkan lagi sistem pentadbiran KWSP supaya sistem penguatuasaan dan pelaksanaan denda dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan. Untuk tujuan ini, pindaan-pindaan dicadangkan kepada seksyen-seksyen 16A dan 19 untuk mempastikan bahawa sistem dan prosedur penguatuasaan perundangan KWSP berjalan dengan berkesan setimpal dengan kesalahan-kesalahan yang dilakukan. Di antara langkah-langkah yang dicadangkan ialah menambah jumlah penalti dan melanjutkan tempoh tahanan bagi majikan-majikan yang tidak mematuhi

peraturan-peraturan Akta KWSP, memberi kuasa mengkompaunkan kesalahan di bawah Akta KWSP serta membenarkan pegawai-pegawai Inspektor KWSP untuk menyemak atau memeriksa buku-buku reked mana-mana majikan, tertakluk kepada perintah mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan juga dicadangkan dibuat kepada seksyen 14, Jadual 6 dan Jadual 8 bagi tujuan memperkenalkan kemudahan baru kepada pencarum-pencarum di dalam keadaan kecederaan fizikal dan kehilang upayaan, serta memperluaskan lagi pembayaran tambahan sekali gus kepada pencarum-pencarum dalam hal kematian. Dengan pindaan-pindaan ini, sekiranya berlaku sesuatu peristiwa kematian atau kehilangupayaan yang kekal, pembayaran tambahan sekali gus akan diberi berdasarkan kepada formula aktuari. Untuk mempastikan bahawa bayaran tambahan ini adalah bermakna, maka had minimum dan maksimum yang ditetapkan ialah masing-masing sebanyak \$500 dan \$30,000.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan juga dicadangkan kepada seksyen (2) untuk mengemaskin definisi "wages" supaya bayaran perkhidmatan tidak diambilkira dalam definisi "wages" apabila caruman dibuat kepada KWSP oleh pihak majikan dan pekerja. Cadangan pindaan ini adalah selaras dengan pendirian Kerajaan untuk mengurangkan kos industri hotel serta meningkatkan lagi pembangunan dalam sektor pelancongan.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, pindaan dicadangkan ke atas peruntukan seksyen 6 Akta KWSP 1951 untuk mengemaskini prosedur mengaudit akaun-akaun tahunan KWSP. Pada masa ini akaun-akaun tahunan KWSP hanya boleh diaudit oleh pihak Ketua Audit Negara. Untuk mengelakkan berlakunya kelambatan dalam proses mengaudit akaun-akaun

tahun KWSP, maka pindaan dicadangkan supaya, jika keadaan memerlukan, akaun-akaun tahunan KWSP bolehlah diaudit oleh juruaudit-juruaudit yang dilantik oleh KWSP dengan kelulusan Menteri Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan pindaan-pindaan utama ini, KWSP akan dapat memberikan faedah yang lebih bermakna kepada pencarum. Ia juga akan melicinkan pentadbiran dan meningkatkan lagi mutu pengurusan KWSP.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Puan Napsiah binti Omar):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk Meminda Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1951 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

**Tuan Lee Lam Thye:** (*Bangun*).

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya minta jangan panjang sangat. Bolehkah jangan panjang sangat?

5.58ptg.

**Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar):** Saya cuba, Tuan Yang di-Pertua. Saya telah beberapa kali menyuarakan datam Dewan ini tentang betapa perlunya dipinda Akta KWSP supaya boleh mewujudkan lebih banyak faedah untuk pencarum-pencarum KWSP. Saya merasa bahawa pindaan kepada Akta KWSP adalah sudah lama ditunggu-tunggu oleh kerana pencarum-pencarum kepada KWSP telah lama menunggu untuk mendapat lebih banyak faedah daripada simpanan mereka.

Pindaan-pindaan yang sekarang dibentangkan di hadapan kita sudah

lama ditunggu-tunggukan. Apabila Kerajaan berjanji untuk meminda Akta KWSP 1951 pada kira-kira tiga tahun lalu, saya ada berharap bahawa apa juga pindaan yang dicadangkan akan memberikan lebih banyak faedah yang bermakna kepada para pencarum.

Apabila saya membangkitkan perkara ini dalam Dewan pada tahun 1984, Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan pada masa itu ada menjawab bahawa pihak Kerajaan akan cuba meminda KWSP ini dengan tujuan untuk memperluaskan skim caruman untuk memberi faedah kepada para pencarum. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan juga telah menerangkan bahawa tujuan pindaan ini ialah untuk memperluaskan Skim Caruman KWSP. Tetapi selepas membuat kajian terhadap berbagai cadangan pindaan sebagaimana yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya mesti menyatakan di sini bahawa saya berpendapat bahawa pindaan-pindaan yang telah cadangkan ini masih belum memuaskan. Tentulah tentang bahagian pindaan yang ada memberi faedah kepada para pencarum, saya menyokong tetapi tentang beberapa cadangan yang disebut dalam Rang Undang-undang ini yang tidak memberi faedah kepada para pencarum, saya hendak menentangnya.

Saya menjangkakan bahawa Kerajaan akan membuat pindaan kepada Akta KWSP bagi membolehkan pencarum dibenarkan mengeluarkan wang caruman niereka sebanyak 2/3 dari jumlah caruman mereka pada umur 45 tahun dan bukan pada umur 50 tahun seperti yang ada sekarang; juga membenarkan caruman dikeluarkan tidak sahaja untuk maksud membeli rumah, tetapi juga untuk maksud pelajaran dan pelaburan dalam perniagaan kecil serta juga pengeluaran yang lebih besar diberikan

untuk membeli rumah. Akan tetapi, semua ini tidak dimasukkan dan apa juga pindaan baru yang diperkenalkan dalam Rang Undang-undang ini pada anggapan saya adalah tidak mencukupi.

Yang pertama, saya ingin merujuk kepada Fasal 2 (e) dan (f) Rang Undang-undang (Pindaan) yang bertujuan untuk memperkenalkan satu takrif baru tentang "bayaran perkhidmatan" dan meminda takrif "upah" supaya tidak termasuk bayaran perkhidmatan. Sebenarnya cadangan pindaan ini bermaksud bahawa bayaran perkhidmatan yang dibayar kepada pekerja-pekerja di bawah Perjanjian Pekerjaan, ianya tidak menjadi sebahagian gaji dan tentunya tidak terjumlah dalam caruman KWSP. Saya menentang pindaan yang dicadangkan ini kerana pindaan berkenaan apabila diluluskan akan mengenepikan satu keputusan Majlis Privy yang dikeluarkan pada 26hb Februari, 1986 ini. Keputusan Majlis Privy ialah bahawa majikan dan pekerja dalam industri hotel bertanggungjawab dari segi undang-undang untuk membuat caruman bulanan kepada Lembaga KWSP berkaitan dengan bayaran perkhidmatan yang dibayar kepada pekerja-pekerja berkenaan menurut 'Perjanjian Kolektif Pekerjaan' yang ditandatangani antara berbagai Hotel dan Kesatuan Kebangsaan Pekerja Hotel, Bar dan Restoran.

Hasil pindaan ini akan menafikan hak semua pekerja dalam industri hotel daripada menikmati hasil di bawah Akta KWSP. Kebaikan dari kenaikan faedah di bawah Akta KWSP sangat jelas dan sebenarnya akan memberi sumbangan kepada kesejahteraan masyarakat secara keseluruhan sejak ianya meningkatkan simpanan. Tujuan dan matlamat Akta KWSP ialah menggalakkan simpanan terutamanya di kalangan pekerja berpendapatan rendah supaya apabila mereka bersara, maka mereka akan mendapat

sumbangan untuk bekalan hidup mereka. Tujuan matlamat ini akan gagal, jika keputusan Majlis Privy ini diketepikan dan undang-undang ini dipinda. Para pekerja dalam industri hotel sejak dahulu dibayar gaji yang rendah dan perlu ditambah dengan bayaran perkhidmatan yang telah wujud dalam industri hotel sejak lama dahulu.

Dalam tahun 1978, Mahkamah Perusahaan telah memutuskan bahawa bayaran perkhidmatan menjadi sebahagian syarat perjanjian pekerjaan dan selanjutnya majikan mestilah mengutip bayaran perkhidmatan dari pelanggan mereka dan membahagikan kepada para pekerja. Mahkamah Perusahaan juga memutuskan dalam tahun 1978 bahawa daripada jumlah bayaran perkhidmatan yang dikutip setiap bulan pengurusan boleh mengenepikan 10% untuk maksud pentadbiran dan terikat untuk membahagikan baki 90% itu kepada para pekerja berdasarkan mata ataupun "based on a point system".

Sebagaimana yang saya sebutkan awal-awal tadi, pekerja-pekerja hotel pada amnya dibayar gaji yang rendah berbanding dengan lain-lain industri. Satu-satunya cara di mana hotel boleh menarik tenaga pekerja ialah dengan mempastikan bahawa bayaran dibawa balik itu atau, dalam bahasa Inggeris, "take home pay" pekerja mengandungi bayaran gaji asal mereka dan ditambah oleh bayaran perkhidmatan itu. Tanpa bayaran perkhidmatan ini, industri hotel tidak akan berjaya menarik pekerja supaya bekerja.

Dari hakikat di atas adalah terbukti bahawa pembayaran perkhidmatan adalah penting kepada kehidupan pekerja hotel. Keputusan Majlis Privy yang dikeluarkan pada 26hb Februari, 1986 mengenai pekerja dan majikan dalam industri hotel hendaklah diamalkan dan tidak boleh

diketepikan. Dan atas sebab ini, saya menentang pindaan berkenaan dengan pembayaran perkhidmatan ini.

Point yang kedua yang saya ingin menyebut di sini ialah mengenai Fasal 3 Rang Undang-undang ini yang bertujuan meningkatkan bilangan komposisi Lembaga KWSP dari 14 ahli yang ada sekarang kepada 18 ahli yang terdiri daripada 5 orang mewakili Kerajaan, 5 orang mewakili majikan dan 5 orang mewakili para pekerja dan tambahan 3 orang ahli yang mempunyai pengalaman dalam kewangan, perniagaan atau lain-lain pengalaman yang berkaitan. Dengan menambah 3 orang lagi, ia akan menjelaskan komposisi perwakilan 3 pihak ataupun dalam bahasa Inggeris, "the tripartite concept"—tiga pihak Ahli Lembaga KWSP. Sehingga sekarang Lembaga ini mengandungi perwakilan yang seimbang untuk Kerajaan, majikan dan pekerja. Saya tidak bersetuju dengan perlantikan tiga ahli tambahan ke dalam Lembaga KWSP, kerana ia akan menjelaskan perimbangan perwakilan tiga pihak ini dalam Lembaga KWSP seperti yang saya ada menyebut tadi. Saya tidak nampak apa-apa keperluan untuk melantik mereka ke dalam Lembaga, kecuali sesuatu tujuan tertentu yang belum terbukti sekarang. Tetapi saya pasti bahawa tambahan perlantikan tiga orang tidak akan amat membantu pekerja, kerana jika sesuatu keputusan diambil oleh Lembaga dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan kepentingan pekerja, tiga orang ini mungkin tidak akan mengundi untuk memihak kepada pekerja kerana mereka dilantik oleh Kerajaan.

Sekarang saya ingin menyentuh sedikit mengenai Fasal 4. Berhubung dengan Fasal 4 Rang Undang-undang Pindaan yang bertujuan membolehkan Lembaga mengisyiharkan kadar dividen selepas akhir tahun kewangan KWSP pada setiap tahun bagi memudahkan mendapat gambaran yang lebih tepat akan hasil dan

perbelanjaan Kumpulanwang, tertakluk kepada kadar yang diisyiharkan itu dalam sesuatu tahun tidak kurang daripada 21/2% setahun.

Saya ingin menekankan di sini bahawa kadar 2<sup>1/2</sup>% yang telah ditetapkan, sejak Akta ini dikuatkuasakan pada tahun 1951, dan sehingga sekarang masih pada kadar yang serupa. Saya ingin mencadangkan di sini bahawa kadar minima 2<sup>1/2</sup>% untuk dividen ini hendaklah dinaikkan kepada kadar minima 5% bagi menjadikannya lebih realistik dengan keperluan masa.

Ingin juga saya mengambil kesempatan ini untuk merujuk kepada Fasal 5 Rang Undang-undang Pindaan ini yang bertujuan meminda seksyen 4 (b), seksyen-kecil 2 Akta KWSP yang berkaitan dengan komposisi Penal Pelaburan, membenarkan kelonggaran untuk penyertaan orang lain daripada bukan Kerajaan dan yang mempunyai pengalaman yang berkaitan. Saya mendapati dari pindaan ini bahawa para pekerja tidak diwakili dalam Penal Pelaburan ini. Ini saya rasa adalah tidak patut dan saya merasa sesungguhnya mereka hendaklah mempunyai wakil dari para pekerja untuk menjadi Ahli Penal oleh kerana pandangan mereka hendaklah diperolehi dalam merancang bidang-bidang pelaburan, kerana kepentingan mereka adalah terlibat.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan rancangan pelaburan untuk Penal Pelaburan ini, saya ingin menyuarakan amaran berhati-hati kepada Penal berhubung dengan pelaburan dalam saham-saham spekulasi. Kita difahamkan bahawa kini KWSP sehingga 31-12-85 menanggung kerugian akibat kejatuhan nilai-nilai saham ini dalam bahasa Inggeris, dengan izin, paper lose or un realise lose, berjumlah \$37 juta berikutkan kejatuhan harga saham. Kita juga diberitahu semalam menerusi satu jawapan bertulis bahawa KWSP

telah melaburkan \$59.1 juta dalam sahatn antara Julai tahun 1985 dan Februari tahun ini. Akibat kejatuhan harga saham maka paper lose, dengan izin, dalam pelaburan saham untuk tempoh yang berkenaan berjumlah kira-kira \$4.11 juta. Melabur dalam saham spekulasi adalah satu perniagaan yang amat merbahaya, kerana pasaran saham adalah satu perniagaan yang amat sensitif.

Saya suka menggesa Panel Pelaburan supaya berhati-hati kerana wang caruman para pekerja yang terlibat seberapa boleh KWSP janganlah menggunakan wang tersebut untuk berkecimpung dalam spekutasi pasaran saham.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekarang ingin merujuk kepada Fasal 12 Rang Undang-undang yang bertujuan untuk memperluaskan kemudahan-kemudahan yang berkaitan dengan pengeluaran wang KWSP bagi maksud pembelian rumah untuk membolehkan pengeluaran dibuat untuk membeli mana-mana rumah atau untuk membayai pembinaan sesebuah rumah, atau untuk pembayaran balik mana-mana pinjaman yang ada bagi maksud membeli rumah tertakluk kepada pengeluaran sebanyak tidak melebihi 20% dari harga pembelian atau kos pembinaan sesebuah rumah.

Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi pandangan kami bahawa pengeluaran caruman KWSP sehingga hanya 20% dari harga pembelian sesebuah rumah, walaupun merupakan satu penambahan kepada 10% yang ada sekarang masih kurang mencukupi kerana ianya terlalu rendah dan ianya tidak membantu untuk menolong mereka yang ingin membeli rumah kos pertengahan antara \$60,000 ke \$100,000 seunit. Pengeluaran caruman KWSP hendaklah ditambah menjadi satu amaun yang menyamai 50% dari pembelian rumah dan bukan 20% yang dicadangkan dengan syarat amaun yang dikeluarkan tidak melebihi 45% dari jumlah caruman mereka.

Di sini saya suka menyentuh sebagai satu contoh, jika saya mengambil kes seseorang pencarum KWSP yang membeli sebuah rumah berharga \$65,000, beliau hanya memperolehi \$13,000 dari jumlah caruman KWSP yang hanya merupakan 20% dari kos rumah. Jika beliau mengambil satu pinjaman bank pada kadar faedah sebanyak 10% untuk baki \$52,000, ini bererti beliau terpaksa memikul beban membayar balik pinjaman lebih kurang \$721.00 untuk tempoh selama 15 tahun iaitu tempoh pembayaran balik pinjaman dan sebanyak \$433 dari jumlah tersebut menjadi bayaran faedah pinjaman sahaja. Untuk melayakkan beliau mendapat pinjaman ini, maka beliau mestilah mendapat pendapatan sebanyak \$2,163 sebulan dan daripada bukti di atas adalah jelas bahawa amaun yang dibenarkan untuk dikeluarkan dari jumlah caruman KWSP ialah amaun sehingga 20% dari kos rumah bukan kos rendah, tidak mencukupi untuk membantu golongan yang tidak berumah, ia hendaklah ditambah menjadi 50% yang tadi saya telah mencadangkan.

Persoalan yang saya suka bangkitkan di sini, ialah apa yang lebih penting kepada pencarum KWSP berupaya memiliki rumah sendiri menerusi bantuan caruman KWSP. Kenapa tidak beliau dibenarkan membuat permohonan pengeluaran yang lebih tinggi dari caruman KWSPnya bagi membantu beliau memiliki rumah sendiri dengan secara yang mudah, dengan itu saya ingin mengakhiri ucapan saya.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua,.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Minta jangan panjangsangat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya rasa point ini.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila teruskan.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Sabbaruddin Chik):** (Bangun).

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato' Sabbaruddin Chik:** Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

## USUL

### WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT DAN PENANGGUHAN MESYUARAT

**Dato' Sabbaruddin Chik:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 Persidangan Dewan hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga semua urusan Kerajaan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini telah selesai dipertimbangkan dan sebaik sahaja selepas itu Dewan ini hendaklah ditangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Puan Napsiah binti Omar):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, satu Usul yang berbunyi:

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 persidangan Dewan hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga semua urusan Kerajaan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini telah selesai dipertimbangkan dan sebaik sahaja selepas itu Dewan ini hendaklah ditangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 persidangan Dewan hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga semua urusan Kerajaan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini telah selesai dipertimbangkan dan sebaik sahaja selepas itu Dewan ini hendaklah ditangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

### RANG UNDANG-UNDANG KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA (PINDAAN)

*Perbahasan disambung semula.*

6.20 ptg.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, saya ada satu point sahaja. Tetapi saya rasa satu point ini sangat mustahak dan perlu kita ambil perhatian ialah mengenai pindaan yang mahu memberi satu tafsiran baru dan meminda tafsiran "wages" untuk mengecualikan hak perkhidmatan.

Kesatuan Kebangsaan Pekerja-pekerja Hotel, Bar dan Restoran Semenanjung Malaysia dan MTUC, deligasi-deligasi daripada kedua-dua kesatuan ini ada berjumpa dengan Yang Berhormat Menteri Kewangan meminta supaya cadangan ini ditarik balik. Yang Berhormat Menteri Kewangan ada berkata bahawa beliau akan mengemukakan perkara ini kepada Kabinet untuk membuat satu kajian. Tetapi sebelum perkara ini dikemukakan kepada Kabinet, sekarang kita diminta untuk membuat satu pindaan yang tentu akan merugikan kepentingan pekerja-pekerja. Ini satu breach of faith, ini satu pecah janji. Kalau yang Berhormat Menteri Kewangan tidak mahu dengan seriusnya

mengemukakan pindaan ini kepada Kabinet dan mahu pindaan ini diluluskan oleh Dewan yang mulia ini, sepatutnya beliau memberi jaminan kepada deligasi-deligasi kesatuan-kesatuan bahawa peruntukan ini akan dikemukakan kepada Kabinet untuk janji. Itu bukanlah satu tindakan seorang Menteri di dalam satu Kerajaan yang berslogan "Cekap, Amanah dan Bersih".

Ini satu perkara yang penting. Tidak sampai dua minggu daripada keputusan Privy Council, pada 26hb Februari bahawa Service Charge untuk pekerja-pekerja hotel-hotel perlu membayar EPF, Menteri Kewangan telah menyiapkan satu Rang Undang-undang untuk mengenepikan keputusan Privy Council ini. Itu menunjukkan betapa cekap Kementerian Kewangan dan Kerajaan boleh, kalau mahu cekap. Kalau tidak mahu cekap 10 tahun pun tidak boleh tengok apa-apa pindaan. Untuk apa kepentingan? Kepentingan majikan-majikan untuk menafikan hak-hak pekerja-pekerja yang selepas satu perjuangan yang begitu lama baru dapat satu keputusan dari Privy Council, High Court dan Federal Court. Kenapa? Inilah menunjukkan bias—anti labour bias, dengan izin, dan saya rasa ini menunjukkan bahawa satu Kerajaan yang anti buruh, satu Kerajaan yang pro majikan, pro capitalist dan inilah Dewan yang mulia ini perlu faham latar belakang ini sebelum kita menafikan hak-hak pekerja-pekerja hotel-hotel dengan pindaan di mana charge perkhidmatan diketepikan. Ini ada terkandung di dalam satu memorandum kesatuan-kesatuan yang dikemukakan kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan, minta izin, saya dengan cepat boleh menerangkan dalam bahasa Inggeris untuk menjimatkan masa:

"Employees in the hotel industry have traditionally been paid low wages by their employers.

Employees have not objected to such practice because their wages have been supplemented by service charges. Service charges have existed in the hotel industry in Malaysia for some time. In 1960, the Merlin Hotel introduced • a 10% service charge to augment the low wages paid to their employees. At that time the basic monthly salary paid to a hotel employee was \$60. That was hardly sufficient to maintain a living and the service charges collected from the customers were used to top up their income. In the 1970's, international hotels like Regent, Hilton and Equatorial, were established in Kuala Lumpur. The employees were still paid a starting salary as low as \$80 per month. Again, service charges were used as a means to increase their aggregate income".

Lagi satu perenggan:

"Another comparison with employees in other industries is to consider how much employees from other industries will receive from the EPF Board upon their retirement. Prior to the Privy Council decision, the sums of money standing in the EPF Fund to the credit of employees in the hotel industry were considerably lower than the sums of money standing to the credit of workers holding corresponding jobs in other industries. The reason was simple. Workers in other industries were paid wages which were not split into two distinct parts as workers in the hotel industry are; and accordingly the said employees do not suffer the prejudice that our members have suffered and will continue to suffer if the amending Bill becomes law".

Sekarang perjuangan mereka sudah berjaya, satu keputusan Privy Council dan kita patut semua berasa sangat gembira bahawa hak-hak pekerja sekarang dapat diakui tetapi

sebaliknya Kerajaan datang dengan majority mereka yang ada dalam Parlimen untuk merampas hak pekerja yang sudah sebegini susah mendapatkannya. Dalam dua minggu tanpa mendapat consultation dengan kesatuan-kesatuan maka ianya dibuat pindaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta Yang Berhormat Menteri Kewangan sama ada benar atau tidak bahawa Rang Undang-undang ini sebenarnya ada dibincangkan oleh Lembaga EPF dan direcomendkan oleh Lembaga EPF kecuali pindaan ini mengenai service charge. Service charge ini tidak pernah dikemukakan kepada EPF Board untuk kajian, bincang dan keputusan. Ini serupa seperti semacam satu tindakan yang salah supaya satu pindaan dibuat di mana pekerja-pekerja akan menjadi mangsa. Saya harap bahawa Ahli-ahli Parlimen tidak kira apa parti pun boleh simpati dengan penderitaan pekerja-pekerja dan janganlah bersubahat dengan sesiapa yang mahu menindas, mengeksplotasikan pekerja-pekerja dan sebab itu saya akan mencadangkan dalam peringkat kemudian bahawa Rang Undang-undang ini di bawah Peraturan 54 dikemukakan kepada Select Committee supaya kita ada masa untuk membincangkan dan kaji peruntukan ini di mana pekerja-pekerja akan dinafikan hak-hak mereka, dua minggu sudah siap semua, mahu diluluskan. Sungguhpun tidak tahulah sama ada Parlimen ini ada masa untuk menubuhkan satu Select Committee, kalau tidak dibubarkan, itu hal yang lain. Itu tidak boleh menjadi sebab untuk terus dinafikan hak-hak pekerja-pekerja dengan Rang Undang-undang serta merta, steam-rollered, dengan izin. Ini satu steam-roller, Parlimen tidak patut menjadi satu steam-roller. Sekurang-kurangnya memberi hak untuk pekerja-pekerja, kesatuan-kesatuan memberi pandangan selepas satu battle yang begitu lama, begitu expensive sampai ke Privy Council. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Jemput Yang Berhormat Menteri menjawab.

### 6.28 *ptg.*

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato Sabbaruddin Chik):** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa tidak banyak perkara-perkara yang perlu diberi ulasan, kerana perkara-perkara yang dibangkitkan oleh kedua-dua Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar dan Kota Melaka sebenarnya telah pun saya sebut alasannya awal-awal tadi sewaktu saya membentangkan Rang Undang-undang ini. Walau bagaimanapun, saya berterima kasih sangat kepada Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka kerana at last, dengan izin, mengakui kecekapan Kementerian Kewangan. Sebenarnya, tidak kiralah apa yang dia kata tetapi itulah kata-kata yang diucapnya tadi.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, sebenarnya perkara ini memang sudah lama kita hendak ubah, cuma kalau kita lihat dari jangka ini pula, Privy Council sahaja sengaja memberi keputusannya sebelum kita membentang, dia sudah tahu kita hendak membentang tetapi dia buat perkara itu sebelum kita membentangkan di sini. Bukannya kita sengaja bawa selepas Privy Council membuat keputusan tetapi memang sudah lama kita hendak membawa pindaan ini seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar tadi bahawa sudah dua tiga tahun kita hendak bincangkan perkara ini termasuklah, dengan izin, service charge ini. Oleh sebab perkara inilah maka kita terpaksa menunggu dua tiga tahun. Jadi kita anggap . . .

**Tuan Lim Kit Siang:** (*Bangun*).

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada Yang Berhormat hendak minta jalan, Yang Berhormat.

**Dato Sabbaruddin Chik:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa biarlah saya teruskan sahaja. Lepas ini ada lagi tiga empat bil, kita sudah pukul 6.30 petang.

Bukannya tujuan kita untuk hendak, dengan izin, deprive pekerja-pekerja dari segi sumbangan EPF, itu yang pertama.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, agak patut kita teliti bahawa service charge ini adalah satu perkara yang tidak dapat diperhitungkan, tidak dapat dibudgetkan, tidak dapat dikira sebagai jumlah tetap bagi tiap-tiap bulan kerana ianya berdasarkan kepada jualan yang dibuat oleh hotel itu sendiri, sama ada dari segi makanan dan minuman yang dijual dan sebagainya. Jadi ini tidak boleh dianggap sebagai satu pendapatan yang tetap. Service charge ini bergantung kepada jualan yang dibuat, bergantung kepada bil-bil yang dikenakan ke atas seseorang pelanggan maka dengan itu pendapatan daripada service charge itu tidak tetap. Oleh sebab itu adalah sukar bagi kita menentukannya sebagai wage, sedangkan pada kebiasaannya wage ataupun gaji ini merupakan satu imbuhan, satu jumlah wang pendapatan yang boleh dikatakan tetap, setidak-tidaknya kita boleh tahu gaji bulan ini berapa, bulan depan berapa dan sebagainya. Maka itulah dari segi kita memandangkan bahawa service charge itu sukar difikirkan sebagai wage ataupun gaji.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat wakil dari Kuala Lumpur Bandar juga mempersoalkan tentang wakil-wakil pekerja yang tidak mewakili di dalam Panel Pelaburan dan juga mengharapkan supaya Ahli Panel Pelaburan ini tidak terlibat di dalam saham.

Tuan Yang di-Pertua, kita akui bahawa sekali sekala, asalkan kita manusia, tidak dapat kita membuat semua benda itu betul, termasuklah Panel Pelaburan KWSP ini. Mereka

selama ini telah menambah harta pendapatan, wang dan sebagainya kepunyaan KWSP melalui satu daripadanya pelaburan di dalam saham ataupun pasaran saham, seperti yang pernah saya katakan. Malangnya apabila mereka ini membuat keuntungan, tak ada siapa yang berterima kasih kepada mereka, jangan kata hendak berterima kasih, sebutpun tidak. Apabila tersilap sekali oleh sebab perkara-perkara yang tidak dapat dielakkan, apabila kerugian sekali, walaupun itu belum lagi kerugian yang ia realise, dengan izin, tetapi cepat-cepat mereka disalahkan. Jadi pada pandangan saya tidak patutlah kita mencari kesalahan-kesalahan ini kepada orang yang telah banyak membuat jasa yang baik tetapi di atas satu sebab yang tidak dapat mereka elakkan, maka mereka ini patut dikutuk dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat wakil dari Kuala Lumpur Bandar juga tidak berpuas hati dengan pertambahan berkenaan dengan pembelian rumah. Sebenarnya kalau kita boleh, bukan sahaja hendak menjadikan sampai 50%, kalau kita fikirkan boleh daripada wang simpanan ini 100% pun boleh diberi, kalau sekiranya berupaya tetapi almaklum sahaja, Tuan Yang di-Pertua, sedangkan penambahan setakat yang kita cadangkan ini sahaja, seperti saya katakan tadi wang berjumlah sebanyak \$80 juta terpaksa ditambah lagi bagi keperluan ini. Itu hanya daripada 10% ke 40%. Yang dicadangkan tadi sampai ke 50%. Saya tidak nampak apa bezanya 40% dengan 50%. Kalau 40% pun sudah tambah \$80 ribu, kalau 50% pun bukan sahaja tambahannya lebih, tetapi tidak cukup juga untuk membeli rumah. Membeli rumah 50% tak cukup, kalau hendak cadang, cadangkan sampai 100% betul, barulah seseorang yang ada wang di dalam KWSP itu membayar kepada satu tempat pinjaman sahaja. Tetapi kalau hendak

cadangkan sampai 100% barangkali kita terpaksa mengeluarkan sebahagian besar daripada wang ini daripada KWSP. Jadi ini pun tak dapat juga kita pertimbangkan.

Perkara-perkara yang lain, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa tidak ada yang perlu saya perkatakan, cuma Yang Berhormat dari Kota Melaka tadi berpolitik sekejap, kononnya kita ini anti pekerja-pekerja.

Saya tak tahuhah anti pekerjakah atau apa yang dimaksudkannya, tetapi kita ini Kerajaan yang adil sebenarnya bukan sahaja kita meneliti dari segi pekerja, kita juga meneliti dari segi majikan, kita meneliti dari semua pihak, malahan kita meneliti dari pihak Pembangkang juga. Maka itutah sebabnya kita sanggup tunggu hari ini sampai tewat untuk membincangkan perkara ini dan membenarkan apa sahaja yang hendak dibincangkan oleh pihak Pembangkang. Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibaca kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri di sini di bawah perkara Peraturan Mesyuarat 54 (2) untuk mencadangkan bahawa Rang Undang-undang ini diserahkan kepada Jawatankuasa Pilihan supaya satu kajian yang lebih mendalam boleh dibuat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, satu usul di bawah Peraturan Mesyuarat 54 (2) iaitu Rang Undang-undang ini hendaklah diserahkan kepada sebuah Jawatankuasa Pilihan bagi disetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan tidak disetujukan.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua mempergerusikan Jawatankuasa)

Fasal 1 hingga 25 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## RANG UNDANG-UNDANG CUKAI PENDAPATAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.40ptg.

**Dato' Sabbaruddin Chik:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan, 1967 berkaitan dengan skop elau modal untuk sektor pertanian, galakan untuk penyelidikan dan pembangunan dan perkara-perkara lain dibaca kali yang kedua sekarang.

Di sini saya mohon memberi penjelasan mengenai beberapa perkara penting yang dikemukakan melalui Rang Undang-undang ini.

Fasal 1 Rang Undang-undang ini mengandungi peruntukan-peruntukan permulaan sahaja.

Fasal 2 (a) hingga (d) memperkenalkan takrif "agriculture" dan "farm" dan memansuhkan takrif "harvesting" dan "plantation" yang ada sekarang, sementara Fasal 8(a) bertujuan meminda perenggan 7 Jadual 3 kepada Akta. Pindaan-pindaan ini ialah untuk membolehkan skop elau-elau perladangan yang

sedia ada diubahsuaikan menjadi elaun-elaun pertanian dan diperluaskan untuk meliputi semua aktiviti pertanian. Ini adalah selaras dengan dasar Kerajaan untuk memberi galakan yang boleh memajukan industri pertanian.

Perbelanjaan menanam semula ke atas tanaman yang sama hasil atau tanaman yang berlainan hasil yang diluluskan dibenar di dalam mengira pendapatan larasan perniagaan. Fasal 2 (e) dan pindaan kepada seksyen 34(6)(d) seperti di dalam Fasal 3 (a) bertujuan memindah takrif "replanting". Dengan pindaan-pindaan ini, hanya perbelanjaan menanam semula bagi tanaman yang sama hasil sahaja dibenarkan di dalam mengira pendapatan larasan perniagaan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam ucapan Belanjawan 1986 Yang Berhormat Menteri Kewangan telah mengumumkan bahawa galakan cukai yang lebih menarik bagi penyelidikan dan pembangunan akan diberi kepada sektor swasta. Dengan itu Fasal 3 (b) memperkenalkan sub-seksyen baru (7) kepada Seksyen 34 bagi membolehkan seseorang menuntut potongan atas perbelanjaan yang ditanggung olehnya bagi maksud penyelidikan saintifik yang berkaitan dengan perniagaannya. Usaha penyelidikan ini boleh dijalankan olehnya atau bagi pihaknya. Fasal 4 pula bertujuan memindah Seksyen 34A bagi membolehkan potongan dua kali diberi dalam mengira pendapatan larasan sesuatu perniagaan berhubung dengan perbelanjaan bersifat hasil yang ditanggung atas penyelidikan yang diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 8 (1) memindah perenggan 37B Jadual 3 kepada Akta uatuk membolehkan seseorang yang menanggung perbelanjaan modal membina bangunan bagi maksud-maksud penyelidikan yang diluluskan

menuntut elaun-elaun bangunan industri walaupun penyelidikan yang dijalankan tidak berkaitan dengan perniagaannya. Fasal 8 (m) mewujudkan perenggan baru 37D untuk membolehkan perbelanjaan modal yang ditanggung atas jentera atau loji yang digunakan bagi penyelidikan yang diluluskan layak untuk mendapat elaun-elaun modal.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa kini, seseorang pemastautin individu yang memperolehi faedah dari Bank Simpanan Nasional untuk deposit simpanan, deposit tetap dua belas bulan atau lebih dan deposit tetap sehingga berjumlah \$100,000 untuk tempoh enam bulan adalah dikecualikan dari cukai. Pasal 7 memindah Seksyen 109C Akta supaya cukai tahanan 5% dikenakan atas faedah yang tidak dikecualikan dari cukai yang dibayar oleh Bank Simpanan Nasional kepada seseorang pemastautin individu.

Fasal 9 (a) bertujuan memperkenalkan satu proviso baru kepada perenggan 1 Jadual 7A Akta untuk menentukan bahawa elaun pelaburan semula tidak meliputi perbelanjaan modal yang ditanggung bagi pembelian jentera atau loji untuk kegunaan pengarah atau kakitangan pengurusan atau pentadbiran. Fasal 9 (b) pula memindah perenggan 7 kepada Jadual tersebut dengan memberi senarai keadaan dan kedudukan yang mana sesebuah syarikat tidak dapat menggunakan elaun pelaburan semula.

Pindaan-pindaan lain adalah merupakan pindaan-pindaan kecil yang dibuat untuk melengkapkan Rang Undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Puan Napsiah binti Omar); Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Rang Undang-undang yang bernama Akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan, 1967 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibaca kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangkan dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 9* diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## RANG UNDANG-UNDANG PENGGALAKAN PELABURAN

Bacaari Katt Yang Kedua dan Ketiga

**6.50 ptg.**

**Dato Sabbaruddin Chik:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bagi pihak Menteri Perdagangan dan Perindustrian untuk membentangkan suatu Rang Undang-undang bernama Rang Undang-undang Penggalakan Pelaburan 1986 untuk bacaan kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan utama Kerajaan mencadangkan Rang Undang-undang Penggalakan Pelaburan 1986 ialah merupakan

sebahagian daripada usaha-usaha Kerajaan untuk menjadikan negara ini lebih menarik kepada pelabur-pelabur.

Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum pada masa ini memang telah sedia ada berbagai-galakan cukai dan bukan cukai bagi menggalakan perkembangan sektor perkilangan. Tidaklah dapat dinafikan dengan galakan-galakan ini telah memainkan peranan yang besar mengerakkan sektor perkilangan sebagai sektor pertumbuhan yang utama di dalam ekonomi negara. Namun begitu kajian-kajian lalu yang telah dilakukan oleh pihak-pihak Bank Dunia dan IMF seperti kajian mengenai Dasar Perindustrian Malaysia yang telah diselesaikan tahun lalu menunjukkan bahawa terdapat beberapa kelemahan di dalam sistem serta aspek perlaksanaan galakan yang ada pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, skim galakan yang diliputi oleh Rang Undang-undang ini adalah hasil daripada ulangkaji yang telah dilakukan oleh pihak Kerajaan ke atas galakan-galakan yang ada sekarang. Galakan-galakan baru ini telah pun diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan di dalam Dewan yang mulia ini pada bulan Oktober tabun lalu sewaktu beliau membentangkan Rang Undang-undang Perbekalan 1986 sebagai salah satu strategi untuk mengerakkan lagi perkembangan aktiviti perniagaan di sektor swasta.

Tuan Yang di-Pertua, saya sukalah mengambil peluang ini untuk menghuraikan ciri-ciri utama yang dicadangkan di dalam Rang Undang-undang ini.

Pertama sesebuah syarikat yang bercadang untuk melibatkan diri di dalam mana-mana aktiviti yang digalakkan ataupun ingin mengeluarkan keluaran-keluaran yang digalakkan adalah layak untuk mendapatkan galakan taraf perintis dan eluan cukai pelaburan.

Tempoh pengecualian cukai ini di bawah taraf perintis ditetapkan untuk selama 5 tahun tanpa mengira jumlah pelaburan manakala syarikat-syarikat yang telah diluluskan dengan elauan cukai pelaburan pula layak mendapat elauan tidak melebihi dari 100% ke atas perbelanjaan-perbelanjaan modal yang dibuat di dalam tempoh lima tahun daripada tarikh kelulusan. Galakan-galakan yang disebutkan tadi bukanlah terhad kepada sektor perkilangan sahaja bahkan telah juga diperluaskan untuk meliputi aktiviti dan industri-industri pertanian yang digalakkan di bawah Dasar Pertanian Negara dan juga kepada industri-industri perlancongan termasuklah projek-projek hotel, motel, chalet dan hostel serta projek perlancongan seperti pusat rekreasi, taman permainan dan sebagainya. Ini adalah bertujuan untuk memperbaiki lagi galakan-galakan yang terbuka kepada kedua-dua sektor khususnya sektor pertanian agar setara dengan galakan-galakan yang diberi kepada sektor perkilangan.

Syarikat pengilangan yang bermastautin di Malaysia dan bukan merupakan sebuah syarikat perintis atau syarikat yang telah diberi taraf perintis serta bukan sebuah syarikat yang telah diberi elauan cukai pelaburan, Rang Undang-undang ini memperkenalkan satu galakan baru untuk pilihan di dalam bentuk pengurangan pendapatan larasan bergantung kepada prestasi eksport sesebuah syarikat itu dan juga sama ada syarikat berkenaan dapat memenuhi kriteria-kriteria yang tertentu. Pengurangan ini adalah sebanyak 10% dari nilai di tambah eksport dan bertujuan untuk membolehkan industri pengeksport perkilangan yang mempunyai paras pemerosesan yang tinggi mendapat pengecualian cukai lebih daripada industri-industri lain yang mempunyai nilai ditambah eksport yang rendah.

Skim ini telah juga diperluaskan untuk meliputi pengeksport secara langsung dan tidak langsung. Oleh itu pengilang yang menjual keluaran-keluaran mereka kepada syarikat-syarikat di zon perdagangan bebas dan kepada pengilang gudang berlesen juga layak untuk mendapatkan pengurangan 10% ini.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu pengilang eksport adalah juga layak untuk mendapat pengurangan pendapatan larasan bersamaan dengan 5% daripada nilai bahan-bahan tempatan yang digunakan di dalam pengeluaran eksport dan 5% lagi jika menggunakan bahan asli tempatan di dalam pengeluaran eksport. Syarikat pengilangan kecil pula layak untuk mendapatkan pengurangan pendapatan larasan sebanyak 5% dan 5% lagi jika berjaya mematuhi dasar Kerajaan mengenai penyertaan ekuiti di bidang perindustrian.

Kedua-dua pengurangan ini walau bagaimanapun diberi bagi tempoh lima tahun sahaja dan dengan syarat di dalam tahun asas berkenaan syarikat tersebut bermastautin di Malaysia.

Seterusnya bagi syarikat-syarikat yang mempunyai kilang yang beroperasi di kawasan yang diisyiharkan sebagai kawasan galakan perindustrian mereka adalah layak mendapat pengurangan sebanyak 5% daripada pendapatan larasan. Pengurangan ini diberi untuk sekurang-kurangnya lima tahun taksiran bermula daripada tarikh kelulusan dan akan berterusan sehingga kawasan tersebut tidak lagi menjadi kawasan galakan perindustrian. Bagi sektor pertanian pula selain daripada galakan taraf perintis dan elauan cukai pelaburan hasil eksport pertanian yang tertentu akan juga layak bagi mendapatkan elauan eksport bersamaan dengan 5% daripada pendapatan kasar yang diperolehi daripada eksport hasil pertanian bagi tahun asas. Ini

merupakan galakan yang khas bagi sektor pertanian bagi tujuan galakan, mempelbagaikan eksport pertanian dan terhad hanya kepada syarikat yang bermastautin di Malaysia sahaja. Skim ini tidak boleh dipohon oleh sesebuah syarikat yang sedang mendapat galakan seperti taraf perintis, eluan cukai pelaburan atau pengurangan pendapatan larasan.

Tuan Yang di-Pertua, sewaktu skim galakan ini masih lagi diperingkat kajian beberapa wakil daripada sektor swasta telah dipinta untuk memberi pandangan mereka mengenai cadangan galakan yang sedang dipertimbangkan. Secara keseluruhannya pihak swasta menyambut baik galakan baru ini terutama sekali berhubung dengan galakan pengurangan pendapatan larasan. Ini kerana dengan adanya skim galakan baru ini syarikat-syarikat yang sedia ada khususnya yang berorientasikan eksport yang telah tamat tempoh pengecualian cukainya pasti mendapat faedah yang besar daripada skim ini. Di antara ciri-ciri positif yang menarik kepada pelabur-pelabur adalah seperti berikut:

- (1) skim ini mudah dikuatkuasakan oleh kerana ia berdasarkan prestasi eksport sesebuah syarikat;
- (2) skim ini adalah lebih pasti kepada pelabur dari segi galakan yang layak diperolehi;
- (3) skim galakan ini tidak cenderung hanya kepada enterprais yang besar sahaja oleh kerana jumlah pelaburan tidak menjadi kriteria pemberian cukai;
- (4) syarikat-syarikat kecil tempatan juga diberi peluang yang sama untuk mendapatkan galakan;
- (5) tiada tempoh yang dihadkan bagi galakan pengurangan pendapatan larasan.

Namun begitu Kerajaan sedar bahawa tindakan-tindakan yang sewajarnya perlu terus diambil untuk mempastikan galakan-galakan yang ditawarkannya akan terus-menerus dapat menarik pelaburan-pelaburan baru. Jika perlu Kerajaan bersedia mengadakan ulangkajian Skim Galakan ini dari masa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya Ahli-ahli Yang Berhormat telah sedia maklum bahawa baru-baru ini Kerajaan telah juga mengumumkan Plan Induk Perindustrian Malaysia. Plan tersebut di antara lain telah memperakukan supaya galakan-galakan yang tertentu digubal untuk memperbaiki lagi sistem galakan di negara kita ini

Sukalah saya menjelaskan di Dewan yang mulia ini bahawa Skim Galakan yang dicadangkan oleh Rang Undang-undang ini adalah merupakan permulaan daripada ciri-ciri galakan yang ditawarkan oleh pihak Kerajaan untuk mengerakkan lagi aktiviti perniagaan dan telah mengambil kira hanya sebahagian sahaja daripada galakan-galakan yang diperakukan oleh plan induk. Lain-lain galakan yang diperakukan sedang dikaji untuk pelaksanaan dan jika didapati sesuai Kerajaan akan tidak teragak-agak untuk menambah galakan-galakan baru ataupun meminda Skim Galakan baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin mencadangkan supaya Rang Undang-undang Penggalakkan Pelaburan 1986 ini menggantikan Akta Galakan Pelaburan 1968 yang ada sekarang untuk membolehkan Skim Galakan baru diperkenalkan dan juga untuk menyelaraskan prosidur serta pentadbiran galakan ini. Walau bagaimanapun, untuk mempastikan agar Rang Undang-undang ini tidak menyusahkan pelabur-pelabur, maka peruntukan peralihan yang bersesuaian telah juga dimasukkan di dalam Rang Undang-undang ini.

Umpamanya Akta Galakan Pelaburan 1968 adalah berkuatkuasa bagi maksud berhubungan dengan tahun taksiran 1986 dan tahun-tahun taksiran sebelumnya. Bagi syarikat-syarikat yang telah diberi kelulusan taraf perintis dan juga galakan-galakan lain di bawah Akta yang dimansuhkan, peruntukan Akta tersebut masih lagi terpakai ke atas syarikat-syarikat ini bagi tahun taksiran 1987 dan tahun-tahun taksiran yang kemudiannya. Selanjutnya syarikat-syarikat ini juga diberi pilihan untuk memohon mendapatkan galakan-galakan di bawah Rang Undang-undang ini, akan tetapi galakan yang dipohon hendaklah dari jenis yang serupa dengan galakan yang telah diluluskan di bawah Akta yang dimansuhkan itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Puan Napsiah binti Omar:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah satu Rang Undang-undang yang bernama Suatu Akta untuk membuat peruntukan mengenai penggalakan dengan jalan dilepaskan daripada cukai pendapatan, penubuhan dan pembangunan enterprais industri pertanian dan lain-lain enterprais komersial di Malaysia, mengenai penggalakkan eksport dan bagi maksud-maksud yang bersampingan dengannya dengan berkaitan; dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

7.03 *mlm.*

**Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar):** Tuan Yang di-Pertua, saya bercadang untuk berucap secara ringkas mengenai Rang Undang-undang Penggalakkan Pelaburan yang telah dibentangkan itu tadi yang

bercadang untuk memberikan lebih banyak galakan kepada industri-industri di negara kita.

Yang pertamanya saya suka mengalru-alukan berbagai-bagai galakan yang telah dicadangkan dalam Rang Undang-undang ini dan di samping ini suka saya mengambil kesempatan untuk memberi sedikit ulasan terhadap dua tiga perkara yang terkandung dalam Rang Undang-undang ini.

Yang pertama, saya suka merujuk kepada Bab 1 Rang Undang-undang ini yang adalah berkaitan dengan taraf perintis (pioneer status).

Tuan Yang di-Pertua, tidak disangkal lagi bahawa taraf perintis ialah satu alat yang penting untuk menggalak pelaburan projek-projek baru dalam negara kita dan ia juga menggalak pengeluaran oleh syarikat-syarikat yang ada sekarang ke atas kegiatan-kegiatan perindustrian yang digalakan atau keluaran yang digalakkan.

Pemakaian berterusan taraf perintis sebagai satu galakan adalah disokong, tetapi apa yang lebih penting galakan taraf perintis hendaklah dijadikan, kalau boleh secara otomatis selagi para pelabur menyertai dalam kegiatan digalakan atau mengeluarkan barang-barang digalakan. Pelabur tidak perlu dikenakan syarat-syarat yang ketat selanjutnya dan ketidakpastikan (uncertainty) jika mereka membuat permohonan. Kelulusan hendaklah diberi dalam masa yang singkat supaya scenario perntagaan yang dilihat oleh pelabur tidak akan bertukar terlalu banyak.

Kelewatan dari kelulusan akan menambahkan kesusahan para pelabur dan ini mengakibatkan satu pertukaran ataupun satu pengubahan dalam keputusan pelabur untuk melabur dan seksyen 6(2) Rang Undang-undang ini yang mana pemberian taraf perintis hendaklah tertakluk kepada apa-apa

syarat sebagaimana yang difikirkan patut oleh Menteri mungkin akan menimbulkan banyak kebimbangan kepada para pelabur dan saya berharap bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan mungkin dapat memberi sedikit penjelasan tentang masalah ini.

Yang kedua, saya ingin menyebut mengenai Bab 2 Rang Undang-undang ini berkenaan dengan Elaun Cukai Pelaburan. Elaun Cukai Pelaburan disokong kerana ia menggalakkan peningkatan yang tetap bidang seni teknologi untuk syarikat-syarikat pengeluar yang wujud sekarang. Tetapi apa yang kurang menggalakkan di bawah seksyen 29 (1) amaun Elaun Cukai Pelaburan akan diputuskan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dan ini akan bermakna bahawa amaun akan berbeza menurut sesuatu kes tertentu dan boleh dirundingkan.

*(Timbalan Yang di-Pertua mempergerusikan Mesyuarat)*

Tuan Yang di-Pertua, adalah dikehendaki jika amaun elauan cukai pelaburan diberikan menurut satu sket yang diasaskan kepada beberapa kriteria, seperti input modal, tiada penetapan amaun; sekali lagi akan meletakkan para pelabur dalam keadaan ketidakpastian kepada viability projek mereka, ataupun kriteria yang digunakan oleh Yang Berhormat Menteri untuk menetapkan amaun hendaklah diumumkan kepada orang ramai memandangkan bahawa galakan lain seperti galakan pengurangan pendapatan larasan dan taraf perintis yang mana kadar ada ditetapkan maka ini adalah juga diharapkan bahawa amaun Elaun Cukai Pelaburan hendaklah ditetapkan untuk faedah para pelabur.

Cadangan Galakan Elaun Cukai Pelaburan mempunyai galakan yang kecil untuk pengeluar-pengeluar dalam negeri. Jika dasar Kerajaan ialah untuk menggalakkan eksport yang lebih besar, pengeluar-pengeluar dalam

negeri akan memerlukan satu asas dalam negeri ataupun, dengan izin, domestic base sebelum para pengeluar boleh melancarkan diri mereka ke dalam pasaran eksport yang bercomparative tinggi.

Beberapa bentuk galakan hendaklah diberikan kepada para pelabur dalam negeri bagi membantu meningkatkan mutu dan kecekapan mereka. Ini akan menjadikan keluarnya lebih comitative dan akan memberi pengeluar dalam negeri galakan untuk bergerak dalam pasaran eksport. Perlu dinyatakan di sini bahawa pasaran eksport ialah satu pasaran yang bercomparative tinggi dan hanya yang berlayak ataupun yang cekap boleh hidup.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun cadangan galakan ada juga untuk industri-industri kecil, pengurangan pendapatan larasan 5% nampaknya tidak mencukupi. Ini terdapat keperluan menambah pengurangan keparas 10%. Ini penting kerana industri kecil menjadi tulang belakang sektor pembuatan. Pengurangan pendapatan 10% akan membolehkan pengeluar-pengeluar kecil memasukkan wang modalnya dan mengembangkan operasi mereka dan ini akan membolehkan mereka berkembang dan membangun seterusnya menjadi satu industri bersaiz sederhana.

Tuan Yang di-Pertua, yang akhirnya, saya ingin menyentuh Bab 4 yang berkenaan dengan pengurangan pendapatan larasan untuk eksport.

Tuan Yang di-Pertua, pelan induk perindustrian sebagaimana maklum memberikan penekanan pertumbuhan perindustrian berorientasikan eksport dan ia meletakkan tempat tertinggi dalam sektor pembuatan dari segi kadar pertumbuhan dan eksport. Di bawah cadangan Rang Undang-undang ini galakan untuk eksport adalah berdasarkan kepada nilai ditambah keluaran eksport dan nilai

bahan-bahan asli Malaysia yang diadunkan dalam pembuatan keluaran eksport. Ini bermakna bahawa eksport ini mempunyai kandungan bahan tempatan bermutu tinggi dan nilai ditambah yang tinggi atau menggunakan lebih banyak bahan tempatan akan mendatangkan faedah. Bagaimanapun, mana-mana yang kekurangan nilai ditambah akan menerima galakan yang kurang juga.

Walau bagaimanapun, apabila dibandingkan dengan elaun eksport yang terdapat sekarang sebanyak 5% f.o.b., dengan izin, free on board, cadangan galakan nampaknya tidak memberikan satu daya atau tenaga kepada eksport dan mestilah ada satu galakan asas eksport. Dan dalam hal ini elaun eksport 5% f.o.b. hendaklah ditingkatkan. Jika cadangan galakan ini ialah untuk menggalakkan para pengeluar Malaysia mendapat nilai ditambah yang tinggi sekali dan menggunakan bahan-bahan tempatan yang tinggi, galakan untuk nilai ditambah boleh menjadi tambahan kepada galakan yang ada sekarang. Bagi pelan induk perindustrian mencapai pertumbuhan perindustrian berorientasikan eksport yang tinggi semua keluaran eksport sama ada bernilai ditambah yang kecil atau besar atau bahan tempatan mesti mendapat galakan eksport. Dengan cara ini ia akan menggalakkan lebih banyak pengeluar dan para pengekspor mengeksporkan keluaran mereka.

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah pandangan-pandangan saya terhadap Rang Undang-undang ini.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Seremban.

*7.14 mlm.*

**Dr Chen Man Hin (Seremban):** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya suka mengambil bahagian dalam perbahasan ini dan saya akan memberi dua, tiga pandangan saya.

Tuan Yang di-Pertua, pelan induk perindustrian ada memberi satu gambaran di mana Kerajaan sekarang meningkatkan berkenaan dengan pengilangan, manufacturing, industri pelancongan dan culture atau kebudayaan, tetapi saya rasa tempat ini kepada tiga sektor tidak cukup oleh sebab ada satu sektor yang sangat penting lagi. Kerajaan selalu kata mahukan satu perusahaan, construction, perumahan, housing, selalu berkata kita mahu lebih, rumah yang berharga kos rendah, tetapi galakan insentif tidak diberi kepada perindustrian perumahan itu dan itu sangat mustahak.

Saya berasa dukacita kerana tidak nampak ada galakan untuk perusahaan itu. Apa masalah yang kita menghadapi dalam negara kita sekarang. Yang pertama, kemelesetan ekonomi. Yang kedua, tidak mencukupi rumah kos rendah. Kalau Kerajaan hendak memberi galakan kepada ekonomi mestilah memberi satu galakan yang urgent atau segera, misalnya, dalam urusan perumahan itu boleh memberi pekerjaan kepada orang yang banyak menganggur sekarang ini. Kedua, boleh beri lebih rumah-rumah kepada rakyat-rakyat miskin.

Saya cadangkan Kerajaan mengambil perhatian dalam perkara ini dan memberi elaun cukai pelaburan kepada perusahaan perumahan. Elaun cukai pelaburan boleh memberi galakan kepada pemaju-pemaju yang hendak membina rumah murah, berimereka elaun cukai pelaburan. Orang-orang yang membina bangunan-bangunan tidak diambil kira, tetapi pemaju yang membina rumah murah kita beri cukai pelaburan.

Tuan Yang di-Pertua, lagi satu point yang saya hendak beri ialah tadi saya bercakap negara kita sekarang mengalami kemelesetan ekonomi yang kuat di mana semalam kita dengar

beberapa kompeni telah bankrap, lebih 3,000 dekat 4,000 kompeni telah bankrap jika dibandingkan dengan tahun-tahun yang sudah. Ini menunjukkan Kerajaan mesti memberi galakan kepada ekonomi di seluruh negara, khasnya kompeni-kompeni atau peniaga-peniaga. Tax structure sekarang bagi company ialah 40%, company tax, dan lagi 5% untuk development tax menjadi 45%. Ini dalam keadaan sekarang adalah satu pukulan yang hebat dan barangkali ini adatah sebabnya beberapa company yang sudah bankrap.

Saya harap kepada Kerajaan untuk menggalakkan ekonomi kita dan untuk mengelakkan lagi banyak bankrapsi potong company tax daripada 40% sampai 25% atau 20%.

Tuan Yang di-Pertua, yang akhirnya, sungguhpun saya menyokong galakan insentif ini untuk pelaburan dalam sektor perlancongan, pekilang-pekilang dan culture, saya rasa kalau Kerajaan tidak ada satu sistem di mana boleh mengelakkan red tape atau bureaucracy, ini sangat susah beri galakan kepada pelabur-pelabur, apa-apa halangan pelabur-pelabur mestilah dipotong.

Nombor satu ialah ICA (Industrial Co-ordination Act). Saya sendiri berasa itu satu halangan yang besar dan pelabur-pelabur tidak minat. Oleh itu adalah menjadi satu sekatan, satu halangan. Bolehkah saya minta Timbalan Menteri Kewangan memberi perhatian kepada hal ini dan memansuhkan Akta ini?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri hendak menjawab dan menggulung perbahasan? Dipersilakan.

7.20 *mlm.*

**Dato Sabbaruddin Chik:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, dan juga saya berterima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur

Bandar dan Seremban. Saya amat tertarik hati dengan dua perkara yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Seremban.

Pertamanya, Yang Berhormat dari Seremban mengatakan syarikat-syarikat telah bankrap oleh sebab cukai tinggi. Saya tidak nampak bagaimana syahkat-syarikat bankrap disebabkan oleh cukai, sebab syarikat-syarikat yang tidak membuat keuntungan tidak dikenakan cukai. Ertinya, kalau dia sudah bankrap, dia tidak untung bukan sebab dia kena bayar cukai, sebab dia tidak untung akhirnya dia bankrap dan dia tidak akan membayar cukai bila-bila pun. Begitu juga orang persendirian kalau dia tidak mendapat pendapatan yang lebih dia tidak akan kena bayar cukai. Orang yang membayar cukai ialah orang kaya. Jadi, tidak ada sebab mengapa sesebuah syarikat itu bankrap sebab cukai, itu satu.

Yang kedua, tadi Yang Berhormat dari Seremban masa membincangkan KWSP dia tidak ada. Dia kata Kerajaan tidak menggalakkan rumah kos rendah. Kita baru sahaja meluluskan pindaan kepada KWSP di mana kita telah menambah lagi wang yang boleh dikeluarkan daripada KWSP untuk membeli rumah-rumah kos rendah, itu satu. Yang kedua, Kerajaan telah mengurangkan kadar faedah daripada bank walaupun bank itu adalah bank swasta (private) tetapi kita telah membuat perundangan supaya membeli rumah-rumah kurang daripada \$60,000 10% sahaja faedahnya, tidak boleh lebih. Kalau daripada \$60,000 sampai kepada \$100,000 11%, kalau lebih daripada itu gasaklah hendak charge berapa pun. Kalau orang itu bersetuju pinjam, pinjamlah. Ini pun satu lagi cara Kerajaan menggatakan pembinaan rumah-rumah kos rendah. Jadi, saya agak hairan sedikit mengapa Yang Berhormat dari Seremban tidak mahu sedar perkara ini.

Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar telah membangkitkan tentang perkara-perkara berkaitan dengan taraf perintis, kemudian dia membangkitkan juga elaun cukai pelaburan, tentang pasaran eksport dan sebagainya. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat bahawa dari segi cadangan untuk mendapat taraf perintis diberi secara otomatis seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar tadi dan tidak pula dikenakan syarat-syarat kelulusan, ini sebenarnya sukarlah hendak dipertimbangkan. Oleh kerana, Tuan Yang di-Pertua, sesuatu projek itu perlu membuat pemilihan sama ada ianya viable ataupun tidak viable yang mana kita harus mengambil beberapa faktor-faktor seperti misalnya saiz pelaburan itu sendiri, paras teknologinya dan sebagainya. Kita tidak boleh memberi taraf ini sewenang-wenangnya oleh sebab ada beberapa bidang-bidang perindustrian yang kita tidak menganggap itu sebagai satu perindustrian baru. Ini kita perlu maka itu kita membuat perkiraan sewaktu kita memberikan taraf perintis ini.

Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar juga telah mencadangkan supaya taraf perintis ini diberi seumur hidup, erti kata dia jangan diberi tempoh tertentu. Dan dia juga berharap supaya kelulusan ini tidak mengambil masa yang lama untuk membuat kelulusan memberi taraf perintis ini. Sebenarnya, sukalah saya memaklumkan bahawa kita telah memberi arahan kepada pihak MIDA yang mana pada kebiasaannya syarikat-syarikat membuat permohonan untuk mendapat taraf perintis ini. Kita telah memberi arahan kepada MIDA supaya tidak lagi menolak sebarang permohonan tetapi mereka hanya boleh meluluskan ataupun kalau tidak dapat diluluskan permohonan itu hendaklah dipanjangkan terus kepada pihak

atasan lagi sehingga kepada pihak Menteri. Jadi, memanglah tujuan kita sebenarnya ini dibuat supaya seseorang yang memohon untuk mendapatkan kemudahan-kemudahan ini tidak tertunggu-tunggu dengan harapan supaya lebih ramai lagi orang yang datang melabur ke negeri ini.

Berhubung dengan cadangan supaya satu galakan khas diberi kepada pelabur-pelabur dalam negeri untuk memudahkan lagi atau menyenangkan lagi kita mengeksport barang-barang ke luar negeri oleh sebab pasaran luar negeri mengikut Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar amat compatible sebenarnya, tujuan kita mengadakan Rang Undang-undang ini adalah untuk memberi kemudahan kepada pelabur-pelabur sama ada pelabur-pelabur dalam negeri ataupun pelabur luar negeri. Dan sudah tentunya kalau kita membezakan ini agak sukar kita dapat menarik lebih ramai lagi pelabur-pelabur dari luar negeri. Kita sebenarnya memerlukan mereka ini maka sebab itu kita tidak membuat perbezaan. Kita tidak membuat perbezaan dari segi mempertimbangkan kemudahan-kemudahan ini termasuk taraf perintis dan sebagainya kepada pelabur-pelabur di luar negeri dan dalam negeri, malah juga kita tidak mengambil kira dari segi jumlah pelaburannya supaya dengan cara ini kita juga akan memberi kemudahan yang sama kepada pelabur-pelabur tempatan yang tidak mempunyai banyak modal.

Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar juga tadi telah menyebut tentang elaun cukai pelaburan. Elaun cukai pelaburan mengikut Ahli Yang Berhormat sukar, kerana sekarang ini mengikut seksyen tertentu yang disebutnya tadi hanya akan ditetapkan oleh Menteri Kewangan. Jadi, sebenarnya kalau sekiranya kita tetapkan cukai pelaburan ini dari segi peratusannya agak sukar tetapi

percayalah kita memberi elaun cukai pelaburan ini daripada 25% hingga ke 100%. Ini tertakluk kepada berbagai-bagi faktor, antaranya termasuklah sama ada penyertaan bumiputera, sama ada ia diletakkan di satu tempat berbanding dengan satu tempat yang lain lagi, dari segi bidang yang dilibatkan pembuatan itu dan sebagainya. Ini kalau sekiranya penglibatan dia di dalam bidang-bidang yang telah lama kita usahakan maka kuranglah peratusan yang diberi terhadap elaun cukai pelaburan ini.

Tujuan utamanya, ialah untuk menggalakkan lagi lebih ramai orang melabur, bukan sahaja setakat melabur tetapi dia melaburkan di dalam bidang-bidang yang kita kurang ramai yang melabur dan juga kalau boleh kita galakan juga mereka ini melaburkan ke tempat-tempat yang kurang maju. Jadi, kjta ambil kira ini semua sewaktu kita meluluskan satu-satu elaun termasuk elaun cukai pelaburan.

Saya rasa itu sahaja yang perlu saya sebutkan, Tuan Yang di-Pertua, dan kalau sekiranya ada yang lain barangkali kita akan mengambil ingatan dan kalau sekiranya untuk kebaikan walaupun dari pihak Pembangkang kita akan terima belaka untuk kebaikan negara kita. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 77* diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

*Fasal 18—*

**Dato Sabbaruddin Chik:** Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan bahawa Fasal 18 dipinda seperti berikut, iaitu:

Dengan memasukkan selepas sahaja subfasal (4), satu suhfasal baru (5) yang berbunyi seperti berikut, saya bacakan, Tuan Pengerusi:

"(5) Walau apapun peruntukan perenggan 75 Jadual 3 kepada Akta itu, jika aset digunakan bagi maksud-maksud perniagaan pra-perintis sesuatu syarikat perintis dan oleh sebab tidak cukup atau tidak ada pendapatan larasan daripada perniagaan pra-perintis itu bagi tahun taksiran sebelum sahaja tahun taksiran dalam tempoh asas dalam mana terjatuhnya hari permulaan perniagaan perintis itu, pelaksanaan tidak boleh dijalankan atau tidak boleh dijalankan sepenuhnya berkenaan dengan apa-apa elaun atau agregatnya apa-apa elaun berkenaan dengan aset itu yang kena diberi kepada syarikat bagi tahun itu berhubungan dengan perniagaan pra-perintis itu, elaun itu atau agregat amaun itu, mengikut mana yang berkenaan, hendaklah disifatkan sebagai elaun yang akan diberi kepada syarikat itu berhubungan dengan perniagaan selepas perintisnya bagi tahun taksiran dalam tempoh asas dalam mana terjatuhnya hari permulaan perniagaan selepas perintis itu."

Selepas itu, Tuan Pengerusi:

Menomborkan semula subfasal (5) sebagai subfasal (6).

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, baris kedua tadi, "3 kepada Akta itu" atau "Akta ibu"?

**Dato Sabbaruddin Chik:** Saya baca sekali lagi, Tuan Pengerusi, takut silap.

"(5) Walau apapun peruntukan perenggan 75 Jadual 3 kepada Akta ibu . . . . ."

Terima kasih, Tuan Pengerusi, sudah terazab sedikit.

**Tuan Pengerusi:** Masalahnya ialah pindaan seperti dicadangkan itu sekarang ini terbuka untuk dibahas.

Sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah pindaan seperti dicadangkan, iaitu:

"Dengan memasukkan selepas sahaja subfasal (4), subfasal baru (5) yang berikut:

"(5) Walau apapun peruntukan perenggan 75 Jadual 3 kepada Akta ibu, jika aset digunakan bagi maksud-maksud perniagaan pra-perintis sesuatu syarikat perintis dan oleh sebab tidak cukup atau tidak ada pendapatan larasan dahpada perniagaan pra-perintis itu bagi tahun taksiran sebelum sahaja tahun taksiran dalam tempoh asas dalam mana terjatuhnya hari permulaan perniagaan perintis itu, pelaksanaan tidak boleh dijalankan atau tidak boleh dijalankan sepenuhnya berkenaan dengan apa-apa elaun atau agregat apa-apa elaun berkenaan dengan aset itu yang kena diberi kepada syarikat bagi tahun itu berhubung dengan perniagaan pra-perintis itu, elaun itu atau agregat amaun itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah disifatkan sebagai elaun yang akan diberi kepada syarikat itu berhubungan dengan perniagaan selepas perintisnya bagi tahun taksiran dalam tempoh asas dalam mana terjatuhnya hari permulaan

perniagaan selepas perintis itu" dan dengan menomborkan semula subfasal (5) sebagai subfasal (6).

hendaklah disetujukan.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

*Fasal 18* sebagaimana dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang,

*Fasal 19 hingga 55* diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

*Jadual* diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## RANG UNDANG-UNDANG PATEN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

7.38mlm.

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Kee Yong Wee):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa satu Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Paten 1983 dibaca kali yang kedua sekarang.

Tujuan Rang Undang-undang ini ialah untuk meminda Akta Paten 1983 bagi mengadakan satu Akta Paten yang lebih kemas dan lengkap sejarah dengan keperluan semasa dan suasana perdagangan yang dinamik.

Seperti termaklum, satu sistem harta perindustrian yang kukuh dan kemaskini adalah penting untuk menggalakkan pengaliran pelaburan asing dan memindahkan teknologi ke Malaysia. Akta Paten 1983 telah digubal supaya membantu perkembangan yang lancar bagi sistem harta perindustrian di Malaysia serta

memberi laluan bagi meningkatkan pindahan dan perkembangan teknologi negara.

Dengan undang-undang yang lengkap rekacipta-rekacipta akan terjamin dan diberi perlindungan dari berlakunya penyalahgunaan paten. Perlindungan yang berbentuk sejagat ini adalah satu perkara yang perlu bagi negara ini kerana sebagai sebuah negara membangun banyak kajian berbentuk penyelidikan dan pembangunan telah dan akan dijalankan di negara ini. Bagi mempastikan supaya sesuatu yang dihasilkan di dalam Rancangan Penyelidikan dan Pembangunan dilindungi maka suatu Akta yang boleh melindungi rekacipta-rekacipta dengan berkesan perlulah diadakan.

Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini para pemohon yang ingin memohon paten perlulah mendaftarkan permohonan di United Kingdom terlebih dahulu. Adalah sedia maklum perbelanjaan yang tinggi diperlukan kerana para pemohon terpaksa pergi ke United Kingdom dan melantik seorang agen paten di sana untuk menguruskan permohonan beliau. Ini memerlukan perbelanjaan yang agak besar yang mana pencipta-pencipta yang tidak berkemampuan dari segi kewangan akan secara tidak langsung membataskan niatnya dan mungkin mengusahakanrekacipta-rekaciptanya tanpa perlindungan paten. Dengan ini ia mengalami risiko yang tinggi di mana ada kemungkinan ciptaan-ciptaannya ditiru atau dipaten oleh pihak-pihak lain. Risiko tersebut banyak ditanggung oleh pereka cipta yang kecil. Dengan itu . . . . .

**Dato Haji Mohamed Suhaimi bin  
Dato Haji Kamaruddin:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat.....

**Dato Haji Mohamed Suhaimi bin  
Dato Haji Kamaruddin:** Tuan Yang di-Pertua, mungkin agaknya Maghrib, back-benchers mungkin semua pergi sembahyang. Dengan itu kita tidak cukup korum sekarang. Ahli-ahli kita pergi sembahyang Maghrib. Mungkin tidak cukup korum kerana mereka sembahyang sekarang.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih, perkara tersebut sentiasa dalam pertimbangan saya dan oleh kerana saya memandangkan adalah bebas sesiapa yang hendak mengerjakan sembahyang boleh beransur-ansur keluar dan menuaikan fardhu Maghrib dan giliran saya pun akan tiba kelak, saya kira. Oleh itu, tidak menjadi masalah sekiranya mesyuarat diteruskan sambil boleh ahli-ahli beransur keluar dan menuaikan fardhu Maghrib secara bergiliran.

**Dato Haji Mohamed Suhaimi bin  
Dato Haji Kamaruddin:** Tuan Yang di-Pertua, korum tidak cukup sekarang ini.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Oh! Yang Berhormat bangkitkan korum, terima kasih.

**Dato Haji Mohamed Suhaimi bin  
Dato Haji Kamaruddin:** Sebabnya fasal kita sembahyang, bukan kerana apa, orangnya ada.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Adakah Yang Berhormat membangkitkan Peraturan Mesyuarat mengenai korum?

**Dato Haji Mohamed Suhaimi bin  
Dato Haji Kamaruddin:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya?

**Dato Haji Mohamed Suhaimi bin  
Dato Haji Kamaruddin:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya, Dato, sila kira!

*(Ahli-ahti dikira: 15 Ahli hadir)*

**Timbalan Yang di-Pertua:** 15 Ahli hadir, tidak cukup bilang.

Sila bunyikan loceng.

(Loceng dibunyikan: Ahli-ahli dikira, 30 Ahli hadir)

**Timbalan Yang di-Pertua:** sila teruskan Yang Berhormat.

**Tuan Kee Yong Wee:** Risiko tersebut banyak ditanggung oleh pencipta yang kecil, dengan izin, small inventors yang tidak mempunyai kemampuan dari segi kewangan atau contact mendapatkan paten mereka di United Kingdom. Dengan berkuatkuasanya Akta Paten ini di negara ini maka pemohon tidak perlu pergi ke United Kingdom untuk mendapatkan patennya. Permohonan-permohonan boleh dibuat terus di Malaysia dan perakuan paten akan dikeluarkan di Malaysia juga. Di samping itu pihak Kerajaan akan mendapat pulangan melalui yuran yang dibayar oleh pemohon untuk mendapatkan patennya di negara ini. Secara tidak langsung pihak Kerajaan dapat menyelamatkan pertukaran asing kerana para pemohon tidak lagi perlu memohon di United Kingdom dan seterusnya tidak perlu melantik agen paten asing untuk menguruskan permohonannya. Sudah tentu dengan penguatkuasaan Akta Paten 1983 kelak ianya boleh mengurangkan imbalan bayaran dan dapat menyelamatkan pertukaran asing.

Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini Akta Paten 1983 yang telah diluluskan pada tahun 1983 masih belum dikuatkuaskan kerana tidak adanya peruntukan-peruntukan peralihan mengenai permohonan-permohonan yang difailkan bahawa undang-undang yang dikuatkuaskan di Persekutuan Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak sebelum Akta Paten 1983 raula berkuatkuasa. Di samping itu beberapa pindaan lain juga dibuat yang merupakan kekurangan-kekurangan dan ketinggalan-ketinggalan tidak sengaja dalam undang-undang itu.

Kesempatan juga diambil untuk memasukkan dua peruntukan yang berhubungan dengan pindaan dan pembahagian permohonan, dengan izin, "amendment and division of applications" dan tarikh "priority" untuk pembaharuan "utiliti", dengan izin, "priority date for utility innovation" supaya menyelaraskan peruntukan-peruntukan Akta Paten 1983 dengan peruntukan-peruntukan "Konvensyen Paris" sebelum Malaysia mengambil tindakan menganggotai "Konvensyen Paris".

Dengan demikian, penguatkuasaan Akta 1983 dan penyertaan Malaysia kepada "Konvensyen Paris" terpaksa ditangguhkan sehingga pindaan-pindaan sewajarnya dibuat ke atas Akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha-usaha mengkaji semula Akta Paten 1983 beberapa pakar antarabangsa telah dirundingi dan pandangan dan ulasan Dewan Perniagaan Kebangsaan dan Dewan Perniagaan dan Perdagangan Antarabangsa Malaysia juga diambil kira. Pindaan-pindaan ke atas Akta Paten 1983 boleh dibahagikan kepada tiga kategori iaitu:

- (1) Pindaan substantive;
- (2) Pengukuhan peruntukan pemntukan yang sedia ada supaya lebih jelas;
- (3) Membetulkan kesilapan teknikal.

Beberapa peruntukan substantive dalam kategori (1) telah ketinggalan di dalam Akta 1983. Tanpa peruntukan-peruntukan tersebut penguatkuasaan Akta akan menghasilkan beberapa masalah dari segi pentadbiran dan perundangan, yang penting sekali ialah peruntukan peralihan yang telah tidak dinyatakan di dalam Akta tersebut dan juga peruntukan-peruntukan "Konvensyen Paris" mengenai tarikh "prioriti" untuk

pembaharuan "utiliti", dengan izin, "priority date for utility innovation", dan pindaan pembahagian permohonan, dengan izin, "amendment and division of applications"<sup>1</sup>. Peruntukan peralihan adalah perlu untuk memberi perlindungan kepada pihak pemohon-pemohon yang telah membuat permohonan-permohonan mereka di bawah ordinan-ordinan yang lama tetapi masih belum didaftarkan permohonan-permohonan tersebut.

Tempoh pertangguhan selama satu tahun bermula dari tarikh Akta ini berkuatkuasa akan diberikan kepada pemohon yang telah menfaiklan permohonan-permohonan di bawah akta-akta lama supaya menfaiklan semula permohonan-permohonan mereka di bawah Akta baru ini. Peruntukan-peruntukan mengenai tarikh "priority" untuk pembaharuan "utiliti", dengan izin, "priority date for utility innovation" dan pindaan dan pembahagian permohonan, dengan izin, "amendment and division of applications" perlu dimasukkan supaya selaras dengan peruntukan-peruntukan "Konvensyen Paris". Ini memandangkan bahawa Malaysia akan menjadi ahli "Konvensyen Paris" apabila Akta Paten 1983 berkuatkuasa kelak,

Tuan Yang di-Pertua, antara pindaan-pindaan substantive yang ingin saya menyentuh ialah;

- (i) peruntukan mengenai penubuhan pejabat cawangan;
- (ii) peruntukan mengenai pemfailan paten oleh pemastautin;
- (iii) peruntukan mengenai larangan terhadap penyiaran maklumat yang mungkin mudarat kepada negara;
- (iv) peruntukan mengenai paten saling berkait, dengan izin, inter-dependence of patent;

- (v) peruntukan mengenai pembaharuan utiliti, dengan izin, utility innovation.

Peruntukan substantive yang pertama mengenai penubuhan pejabat cawangan adalah penting untuk membolehkan pemfailan permohonan paten di peringkat negeri. Ia disebabkan tarikh pemfailan permohonan merupakan satu faktor penting bagi menentukan tarikh prioriti dan oleh itu kemudahan seperti ini patutlah diwujudkan bagi membolehkan permohonan-permohonan memfailkan permohonannya di negeri-negeri.

Peruntukan substantive yang kedua melarang seorang yang bermastautin di Malaysia daripada memfailkan permohonan paten di luar Malaysia melainkan jika permohonan paten tersebut telah difaiklan di Malaysia. Dengan peruntukan ini, Kerajaan akan dapat mengetahui dengan secara langsung rekacipta-rekacipta yang telah dimajukan di dalam negara dan mengikuti dengan rapatnya perkembangan teknologi di dalam negara kita.

Peruntukan substantive ketiga ialah peruntukan yang melarang penyiaran maklumat yang mungkin mudarat kepada negara. Dengan peruntukan ini jika penyiaran atau penyampaian apa-maklumat yang terkandung dalam sesuatu permohonan paten mungkin mudarat kepada kepentingan atau keselamatan negara, maka arahan-arahan boleh dikeluarkan untuk melarang atau menyekat penyiaran atau pencapaian maklumat tersebut. Peruntukan ini adalah mustahak bagi memelihara keselamatan negara kita.

Peruntukan substantive keempat ialah mengenai paten saling berkait, dengan izin, inter-dependence of patent. Seksyen ini membuat peruntukan bagi suatu alasan tambahan untuk memberi lesen wajib.

Jika satu rekacipta yang dipaten tidak boleh diusahakan tanpa melanggar hak-hak yang didapati daripada suatu paten yang terlalu dalam pemunya paten yang terkemudian boleh memohon kepada Lembaga Paten supaya diberikan kepadanya suatu lesen wajib untuk membolehkannya rekacipta-rekaciptanya diusahakan. Peruntukan ini akan menggalakkan penciptaan dari segi memajukan teknologi yang sedia ada dan memudahkan penggunaan teknologi tersebut.

Peruntukan substantive kelima yang perlu saya huraikan ialah pindaan mengenai perbaharuan utiliti, utility innovation, dengan izin.

Peruntukan-peruntukan dalam Seksyen 17 Akta asal yang berhubungan dengan pemerosesan permohonan-permohonan bagi perbaharuan utiliti dan pengeluaran perakuan, perbaharuan utiliti adalah tidak jelas dan tidak lengkap. Peruntukan perbaharuan utiliti adalah sangat penting terutama sekali untuk sebuah negara membangun seperti Malaysia yang mungkin lebih banyak menghasilkan perbaharuan utiliti dari beza pada paten. Pindaan sewajarnya adalah perlu untuk memberi perlindungan yang berkesan kepada perekacipta-perekacipta kecil, small inventors, dengan izin, dan juga menggalakkan penggunaan perbaharuan utiliti di Malaysia. Dengan pindaan yang dicadangkan, perbaharuan utiliti ditafsir semula supaya merangkumi keluaran. Peruntukan mengenai perbaharuan-perbaharuan utiliti, dengan izin, the renewal of utility innovation, bayaran untuk perbaharuan utiliti dan peruntukan mengenai pelanggaran perbaharuan utiliti dicadang, dipinda supaya melengkapkan peruntukan-peruntukan mengenai perbaharuan utiliti.

Selain daripada pindaan-pindaan di atas, adalah perlu untuk menyatakan

dengan jelas peruntukan-peruntukan yang terpakai atau tidak terpakai kepada Seksyen 17. Peruntukan-peruntukan yang terpakai bagi Seksyen 17 perlu diubahsuai supaya ianya merujuk kepada perbaharuan utiliti dan bukan paten. Ubahsuai itu terdapat dalam Jadual Kedua kepada Rang Undang-undang. .

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan di bawah kategori 2 adalah perlu untuk mengukuhkan peruntukan-peruntukan yang sedia ada supaya lebih jelas difahami dan juga bagi tujuan mengemas dan menyelaraskan peruntukan-peruntukan tersebut dengan amalan semasa. Dengan pindaan tersebut, petaksanaan peruntukan-peruntukan yang terlibat akan dimudahkan dan tidak tertakluk kepada tafsiran yang berbeza. Peruntukan-peruntukan yang terlibat di kategori ini termasuk peruntukan mengenai taraf Lembaga Paten, peruntukan mengenai tanggungjawab Lembaga Paten, peruntukan daftar paten dan peruntukan mengenai rekod dan permohonan kontrak lesen. Rasanya tidak perlu saya menghuraikan secara terperinci pindaan-pindaan tersebut memandangkan pindaan-pindaan itu telah diterangkan dengan jelas dalam huraian kepada Rang Undang-undang ini. Selain daripada pindaan substantive di bawah kategori 1 dan pindaan mengukuhkan sesuatu peruntukan di bawah kategori 2 juga didapati beberapa kesilapan teknikal kategori ketiga dan terakhir di dalam Akta ini yang perlu diperbetulkan.

Pada kesimpulannya, saya ingin maklumkan sekali lagi bahawa Rang Undang-undang yang dibentangkan di atas adalah perlu untuk menjadikan Akta Paten 1983 lebih lengkap dan teratur selaras dengan satu sistem harta perindustrian yang kemaskini dan dinamik.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Perusahaan Awam (Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha);** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang dt-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah satu Rang Undang-undang bernama Akta untuk meminda Akta Paten 1983 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ahli Yang Berhormat dari Padang Serai.

7.58 ptg.

**Tuan Tan Kok Hui (Padang Serai):** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang yang bernama Akta Paten (Pindaan 1986).

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang Paten yang dibentangkan sebentar tadi. Dengan Akta Paten tersebut, Malaysia tidak perlu bergantung kepada Undang-undang Paten di United Kingdom kerana Undang-undang Paten ini adalah undang-undang kita sendiri. Dengan Undang-undang tersebut imej negara akan menjadi tinggi di mata dunia dan juga ia akan menjadi pendorong dan menambahkan perekacipta-perekacipta yang dapat dibanggakan oleh negara. Selaras dengan perkembangan dunia sains dan teknologi hari ini, asas-asas sains dan teknologi akan menjadi asas perkembangan dan kemajuan ekonomi sesuatu negara.

Tuan Yang di-Pertua, dengan Akta Paten baru ini, permohonan dan perlindungan disatukan untuk keseluruhan Malaysia dan tidak lagi didapati undang-undang berasingan untuk tiap-tiap wilayah Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Dengan adanya undang-undang sendiri, adalah penting sebab Malaysia kini telah beralih daripada industri yang bersifat

import substitution, dengan izin, kepada industri yang bersifat export oriented, dengan izin. Juga Malaysia adalah terlibat di dalam bidang teknologi tinggi dan suatu undang-undang yang kemaskini dan berkesan untuk melindungi rekacipta-rekacipta sama ada di dalam atau di luar negeri adalah penting. Rang Undang-undang Paten akan juga menyokong industri berat di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada Lembaga Paten hendaklah terdiri daripada pegawai-pegawai yang berpengalaman dan berkelayakan. Pandangan daripada pihak swasta juga perlu diambil kira, sebab mereka adalah pihak yang terlibat secara langsung sebagai pengguna teknologi dan juga sebagai perekacipta.

Berkenaan perkembangan antarabangsa mengikuti dan juga terlibat di dalam perkembangan bidang harta perindustrian, secara antarabangsa supaya tidak tertinggal di dalam apa-apa kemajuan di bidang harta perindustrian.

Tuan Yang di-Pertua, yang penting sekali ialah memberitahu pihak-pihak awam akan penguatkuasaan Akta Paten kelak dan juga mengadakan kemudahan-kemudahan yang sewajar seperti carian awam, risalah-risalah yang menjelaskan bagaimana cara-cara membuat permohonan fee yang dikenakan dan bengkel-bengkel untuk mendidik pihak awam mengenai Akta baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, maka dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang yang bernama Akta Paten (Pindaan), 1986.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat dari Kepong, minta jangan panjang sangat.

8.02 mlm.

**Dr Tan Seng Giaw (Kepong):** Pendek sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

Untuk menggalakkan usaha-usaha serta kegiatan-kegiatan penyelidikan dan pembangunan, Kerajaan seharusnya memudahkan lagi cara permohonan paten dengan sebanyak yang mungkin. Undang-undang Paten yang dirangka mestilah jelas seperti yang ditegaskan oleh pihak Kerajaan.

Di bawah Rancangan Malaysia Kelima ini lebih perhatian akan ditumpu kepada kegiatan penyelidikan dan pembangunan. Paten ini adalah sebahagian daripada ganjaran kepada pihak perekacipta supaya berusaha dengan lebih giat lagi dalam usaha penyelidikan mereka. Jika dirangkakan Undang-undang Paten yang kurang jelas, seperti paten tidak akan diberi kepada pemohon jika didapati maklumat-maklumat yang mudarat kepada kepentingan dan keselamatan negara dalam kandungannya, jika tidak dijelaskan dengan terperinci dan terang-benderang, definisi maklumat yang mudarat ini dan juga disebabkan oleh kecurangan setengah-setengah daripada pegawai-pegawai yang bertanggungjawab mengeluarkan paten, maka alasan ini boleh digunakan dengan sewenang-wenangnya untuk menolak permohonan si pemohon.

Yang penting sekali, Tuan Yang di-Pertua, pegawai-pegawai dan Ahli-ahli Lembaga hendaklah bermutu tinggi, ikhlas, jujur dan berdedikasi, mempunyai taraf yang tinggi. Begitu juga dengan kes di mana pihak Pendaftar berkuasa untuk menentukan siapakah yang akan menerima sesuatu paten jika terdapat dua atau lebih permohonan dibuat oleh dua parti yang berlainan. Pihak yang curang boleh dengan senangnya memberi rasuah kepada Pendaftar untuk mendapatkan paten tersebut walaupun perekacipta atau pemohon yang asal adalah orang yang patut menerimanya. Oleh yang demikian, Rang Undang-undang yang samar-samar dan yang memberi kekuasaan yang terlalu banyak kepada

pihak Pendaftar tanpa sebarang garis-garis panduan yang mesti diikuti, tidak akan menggalakkan daya cipta rakyat bertumbuh ataupun wang dilaburkan ke dalam aktiviti-aktiviti penyelidikan dan pembangunan. Seterusnya segala harapan Kerajaan untuk meningkatkan aktiviti ini menjadi hampa dan impian sahaja.

Fasal 39, nampaknya perkataan-perkataan "paten", "rekacipta", dan ungkapan-ungkapan lain yang berkaitan, telah digantikan dengan "perakuan perbaharuan utiliti". Saya memanglah dengan bahasa-bahasa rekacipta ini yang sentiasa dinamik, maka perkataan-perkataan yang baru terpaksalah digunakan. Tetapi saya berharap pihak Lembaga dan pihak Kementerian sentiasa berwaspada dengan perkataan-perkataan seperti ini yang patutlah menggunakan perkataan-perkataan yang lebih tepat dan jelas.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 15 Rang Undang-undang Paten bertujuan meminda seksyen 30 Akta yang memboleh Pendaftar memberi paten ke atas satu permohonan sahaja apabila terdapat dua permohonan atau lebih yang mempunyai tarikh priority yang sama difaiklan oleh pemohon yang sama atau penggantinya dalam hakmilik bagi satu paten untuk rekacipta yang sama. Jika kedua-dua permohonan atau kesemua permohonan yang difaiklan oleh pemohon yang sama, masalah pemberian paten kepada orang yang berjaya tidak timbul, akan tetapi jika parti yang memohon adalah terdiri daripada dua orang iaitu pemohon serta penggantinya, bagaimanakah pihak Pendaftar akan menentukan siapa yang lebih berhak untuk mendapat paten ini. Demi memudahkan kerja pihak Pendaftar, Kerajaan hards menggariskan syarat-syarat yang mesti ditepati oleh seseorang pemohon paten dalam kes ini. Ini juga akan mengurangkan perbuatan rasuah di kalangan

kakitangan Kerajaan, sekurang-kurangnya parti yang telah gagal untuk mendapatkan patenya. Jika ianya parti yang berhak sekali dapat membongkarkan perbuatan rasuah dengan mengemukakan bukti-bukti yang permohonannya adalah selaras dengan garis-garis panduan yang ditentukan.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 16 memberi kuasa kepada Pendaftar untuk mengeluarkan arahan melarang atau menyekat penyiaran atau penyampaian apa-apa maklumat yang terkandung dalam sesuatu permohonan paten jika didapati olehnya penyiaran atau penyampaian itu mungkin mudarat kepada kepentingan atau keselamatan negara ini. Untuk memudahkan kerja kedua-dua belah pihak Kerajaan dan pemohon paten, garis-garis panduan juga mesti disediakan untuk mengenal-pastikan bidang-bidang yang dikatakan mudarat kepada kepentingan atau keselamatan negara.

Kerja merahsiakan maklumat dari disiar atau disampaikan sama ada secara am atau kepada seorang tertentu atau sesuatu golongan orang tertentu demi kepentingan dan keselamatan negara tidaklah jelas di sini. Adakah dengan pindaan yang dibuat para pengeluar akan juga dihalang dari mengeluarkan sesuatu keluaran tertentu kerana tidak mempunyai paten? Jika tidak, apakah gunanya untuk merahsiakan maklumat dari disiar atau disampaikan.

Bagaimanakah seksyen 30(a) ini dapat mempertahankan kepentingan dan keselamatan negara. Yang pentingnya ialah dengan kekurangan pengalaman dan pemilihan ahli-ahli untuk Lembaga berkuatkuasa, kita terpaksalah sentiasa berwaspada supaya kawalan dan penguatkuasaan ke atas Rang Undang-undang tersebut dapat dijalankan dengan berkesan, tepat dan wajar dan saya berpendapat kemampuan penguatkuasaan adalah

peri mustahak bagi melaksanakan Rang Undang-undang seperti ini apabila diluluskan kelak, Undang-undang yang sempurna seperti undang-undang paten adalah terpenting untuk menggalak dan mempertahankan orang-orang yang mempunyai daya rekaicia inisiatif dan pembaharuan atau inovasi. Kita patutlah sentiasa berusaha dengan sedaya-upaya untuk memelihara orang-orang seperti ini demi kepentingan masyarakat dan negara. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

8.10 *mlm.*

**Tuan Kee Yong Wee:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya adalah ditujukan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Padang Serai dan Yang Berhormat dari Kepong atas pandangan dan alasan-alasan yang telah disampaikan tadi di Dewan yang mulia ini.

Mengenai teguran Ahli Yang Berhormat dari Padang Serai supaya Lembaga Paten hendaklah terdiri daripada pegawai-pegawai yang berpengalaman dan berkelayakan seperti yang dibangkitkan tadi oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong, suka saya memberi tahu bahawa Kerajaan juga mengambil berat tentang perkara ini dan akan melantik orang-orang yang mempunyai pengetahuan dan pengalaman tertentu supaya dapat memberi perkhidmatan dan sumbangan yang bermakna terhadap kemajuan harta perindustrian.

Dalam pada ini, Seksyen 4 (2) Akta Paten 1983 telah menyenaraikan pihak-pihak yang akan menganggotai Lembaga Paten dan mereka terdiri daripada wakil-wakil Institut Pengajian Tinggi, Institut Penyelidikan, Majlis Sainsifik Kebangsaan bagi Penyelidikan dan

Pembangunan, SIRIM, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar dan Kementerian saya.

Ahli Yang Berhormat dari Padang Serai juga telah mengemukakan pandangan bahawa pihak swasta juga perlu dirundingi dalam usaha menggubal Undang-undang Paten memandangkan bahawa mereka adalah pihak yang terlibat secara langsung sebagai perekacipta ataupun sebagai pengguna teknologi.

Sukacita saya memaklumkan bahawa semasa menggubalkan Akta Paten ini, Kementerian saya telah meminta pandangan daripada Dewan Perniagaan Kebangsaan dan Dewan Perniagaan dan Perdagangan Antarabangsa Malaysia. Semua pandangan-pandangan mereka telah diberi pertimbangan sewajarnya. Walau bagaimanapun, tidak kesemua cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh Dewan-dewan tersebut dapat diterima oleh Kerajaan, kerana Kerajaan perlu mengambil kira kepentingan awam juga dan bukan sahaja kepentingan pihak swasta.

Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada teguran Ahli Yang Berhormat dari Padang Serai bahawa Malaysia perlu mengikuti perkembangan antarabangsa di dalam bidang harta perindustrian, suka saya memaklumkan bahawa memanglah dasar Kerajaan untuk mengikuti dengan rapatnya perkembangan dan kemajuan bidang harta perindustrian di peringkat antarabangsa.

Untuk memperkuuhkan lagi penglibatan Malaysia di bidang harta perindustrian, khususnya bidang paten di peringkat antarabangsa, Malaysia akan mengambil langkah untuk menjadi ahli Konvensyen Paris dan secara otomatis akan juga menjadi ahli kepada Pertubuhan Harta Perindustrian Antarabangsa, dengan izin, World Intellectual Property Organisation (WIPO). Ini akan mendedahkan Malaysia kepada setiap

pergerakan dan perkembangan yang berlaku di bidang harta perindustrian dan dengan demikian Malaysia tidak akan tertinggal dalam kemajuan teknologi yang sentiasa berubah dalam suasana ekonomi yang dinamik.

Ahli Yang Berhormat dari Padang Serai juga telah membangkitkan isu mengenai penyibaran maklumat mengenai sistem paten kepada pihak awam supaya faedah maksima dapat diperolehi daripada perlaksanaan Akta baru ini. Saya memang bersetuju sepenuhnya dengan pandangan yang dikemukakan itu. Dalam hal ini Kementerian saya bersama-sama dengan Pusat Penerangan dan Dokumentasi Paten, dengan izin, Patents Information and Documentation Centre (PIDC) di SIRIM akan menganjurkan beberapa taklimat, bengkel dan seminar untuk memberi pendidikan kepada orang awam mengenai Undang-undang Paten yang akan dikuatkuasakan kelak. Juga risalah-risalah tertentu menjelaskan cara-cara memohon perlindungan paten dan pembayaran-pembayaran yang dikenakan juga akan disediakan untuk kegunaan pihak awam.

Untuk menjawab perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong tadi, apa yang saya jelaskan tadi adalah separuhnya telah menjawab atas pandangan-pandangan Yang Berhormat dari Kepong. Tetapi untuk menjawab dengan ringkasnya pada pandangan dan soalan-soalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Kepong berkenaan dengan Fasal 30 (a), adanya maklumat yang mudarat kepada negara tidak akan digunakan untuk menolak permohonan Akta Paten. Paten akan terus diproses dengan sepatutnya dan hanya apabila maklumat itu sudah tidak lagi mudarat, bahawa paten akan diberikan. Hak pindaan tidak akan terjejas.

Dalam Fasal 39, apa yang dibuat bukan untuk mengganti perkataan, tetapi untuk mengubahsuai peruntukan yang ada supaya dapat digunakan juga untuk pembaharuan utiliti. Garis-garis panduan yang secukupnya memang akan disediakan untuk mempastikan kuasa-kuasa tidak akan disalahgunakan dalam apa-apa peruntukan dalam Akta, 1983 itu.

Tuan Yang di-Pertua, pihak Kerajaan juga akan mengambil ingatan tentang teguran-teguran lain Yang Berhormat Ahli dari Kepong membangkitkan dan saya yakin pandangan-pandangan yang saya sebutkan tadi adalah membantu pihak-pihak Kerajaan dan pegawai-pegawai saya menjalankan tugasnya dengan sepenuhnya dan dengan berkesan. Untuk itu saya sekali lagi ingin mengucapkan ribuan terima kasih ke atas pandangan dan alasan-alasan dari kedua-dua Ahli Yang Berhormat tadi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua memperkenan Jawatankuasa)

Fasal 1 hingga 39 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual diperintah jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan dituluskan.

## RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA PADI DAN BERAS NEGARA (PINDAAN)

### Bacaan Kali Kedua dan Ketiga

8.20 *mlm.*

**Timbalan Menteri Perusahaan Awam (Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama satu Akta Lembaga Padi dan Beras Negara (Pindaan) 1986 untuk meminda dan menambah beberapa peruntukan Akta Lembaga Padi dan Beras Negara, 1971, dibacakan kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN) telah ditubuhkan pada tahun 1971 dengan objektif untuk menjamin kestabilan industri padi dan beras negara demi untuk kebaikan petani dan pengguna-pengguna melalui penetapan harga yang berpatutan untuk kedua-dua golongan. Di samping itu LPN adalah bertanggungjawab untuk memastikan bekalan beras negara adalah mencukupi pada setiap masa ketika aman, mahupun semasa kecemasan, di samping memajukan industri ini secara keseluruhannya.

Peranan LPN adalah penting dalam hubungannya dengan pembangunan negara terutamanya yang berhubung dengan kebijakan petani-petani padi di negara ini.

Di negara kita ada lebih daripada 212,000 petani padi dan jika diambil kira tenggungan mereka kira-kira sejumlah 1.1 juta orang rakyat negara ini adalah bergantung secara tangsung kepada pertanian padi.

Di negara ini sekarang terdapat seluas 434,335 hektar sawah padi yang diusaha dan penghasilan padi tahunan adalah kira-kira 1.61 juta tan metrik. Pengeluaran ini dapat menampung keperluan semasa beras negara pada paras 85%.

Sejak ditubuhkan dalam tahun 1971 sehingga sekarang peranan LPN menjadi bertambah penting berikutan dari perkembangan industri dan perniagaan padi dan beras di negara ini. Beberapa peruntukan Akta LPN didapati perlu dipinda dan peruntukan-peruntukan baru diadakan supaya LPN dapat berhingsi dengan lebih berkesan dalam semua keadaan yang dialami oleh industri padi dan beras khususnya di bidang pemasaran.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan pindaan ke atas Akta LPN ini meliputi beberapa aspek utama iaitu penguatkuasaan, pentadbiran dan kewangan. Dengan pindaan-pindaan ini LPN akan mempunyai peruntukan undang-undang yang lebih sempurna untuk melaksanakan tugas-tugasnya.

Tuan Yang di-Pertua, untuk memberapa tahun lepas, perangkaan menunjukkan bahawa penyeludupan beras dan padi adalah merupakan satu masalah yang serius dan mengganggu pasaran negara di mana beras yang dihasilkan di negara ini sukar dijual. Bagi tahun 1981 jumlah beras rampasan tanpa tuan iaitu beras yang diseludup masuk ke negara ini adalah sebanyak 82,213 kg. Jumlah ini telah meningkat kepada 304,390 kg. pada tahun 1985.

Walaupun beberapa agensi Kerajaan telah ditugaskan untuk mencegah penyeludupan termasuk Unit Pencegahan Penyeludupan (UPP) yang ditubuhkan pada tahun 1977, beras masih diseludup masuk kerana keadaan sempadan yang begitu luas. Pihak LPN telah dapat mengurangkan penyibaran beras-beras tersebut melalui penguatkuasaan Peraturan 2, Peraturan-peraturan Lembaga Padi dan Beras Negara (Sekatan Pemindahan Antara Negara), 1973 yang memerlukan pemborong mendapat permit pemindahan beras dari Pejabat LPN Negeri. Di samping itu Pegawai-pegawai Penguatkuasa

LPN juga telah banyak membuat rampasan beras dan kenderaan, terutama sekali rampasan tanpa tuan.

Pindaan-pindaan dan tambahan-tambahan kepada peruntukan-peruntukan yang berljuuan untuk memperkemaskan lagi kuasa LPN untuk mengawasi dan mengambil tindakan berkait dengan penyeludupan termasuklah pindaan kepada Seksyen 42 (da) yang memperluaskan kuasa LPN untuk menghadkan amaun padi atau beras yang boleh disimpan atau dimiliki oleh semua orang.

Di bawah undang-undang sekarang, kuasa ini dihadkan kepada petani-petani, pengilang-pengilang dan peniaga-peniaga sahaja. Cadangan tambahan Seksyen 22A dan Seksyen 22B adalah peruntukan baru mengenai pelepasan barang rampasan.

Seksyen 22A memperuntukkan bahawa jika tiada pendakwaan berkenaan dengan padi, beras, bungkus, pengangutan, vesel dan barang-barang lain yang dirampas, maka hendaklah disifatkan dilucutah apabila habis tempoh tiga puluh dari tarikh notis.

Seksyen ini adalah untuk memberi kuasa kepada Ketua Pengarah untuk bertindak ke atas barang-barang yang dirampas yang tidak dituntut oleh tuan punya. Ini akan dapat mengatasi masalah yang dialami sekarang ini di mana perintah Mahkamah di bawah seksyen 4 (1) (iii) Kanun Aturcara Jenayah hendaklah dipohon supaya barang yang diambil milik tanpa tuan dijual melalui tender. Cara ini memakan masa dan akan mengakibatkan berlaku kerosakan kepada padi dan beras yang dirampas.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam mengemukakan cadangan pindaan ini kepentingan orang ramai tidak diketepikan. Satu seksyen baru iaitu Seksyen 22A (2) membolehkan seseorang menuntut barang-barang yang dirampas dengan mengemukakan

notis bertulis dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh notis mengenai rampasan disiarkan. Bagi barang-barang yang dilepaskan tetapi barang itu adalah barang kes atau evidence yang perlu dikemukakan kepada mahkamah apabila pembicaraan diadakan, maka orang yang menuntutnya mesti memberi jaminan mengemukakan semula kepada mahkamah barang tersebut.

Hukuman yang ditetapkan iaitu tidak lebih daripada 3 tahun penjara atau denda \$10,000 atau kedua-dua sekali kepada mereka yang gagal mengemukakan sesuatu barang itu kepada mahkamah untuk dijadikan barang kes perlu dikenakan kepada mereka kerana kes-kes seumpama ini adalah amat bergantung kepada barang kes.

Tuan Yang di-Pertua, kerjasama orang ramai amatlah diperlukan oleh LPN dalam usahanya untuk mengatasi sesuatu masalah. Pada masa ini tidak ada peruntukan dalam Akta LPN untuk melindungi penyampai-penyampai maklumat. Penyampai-penyampai maklumat tidak begitu bekerjasama dengan LPN walaupun mereka mempunyai maklumat-maklumat yang penting untuk disampaikan kepada LPN, terutamanya mengenai kegiatan-kegiatan penyeludupan beras dan lain-lain kesalahan dibawah Akta LPN.

Dengan peruntukan baru Seksyen 28A kerjasama orang ramai dengan pihak berkuasa LPN akan dapat memperkuuhkan dan menguatkuasakan lagi keberkesanan jentera penguatkuasa LPN untuk membanteras kegiatan-kegiatan yang menyalahi peraturan-peraturan Akta LPN. Walau bagaimanapun, perlindungan ini boleh ditarik balik oleh Mahkamah, jika Mahkamah mendapati bahawa aduan itu adalah palsu.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan-peruntukan mengenai pencegahan penyeludupan ini diperkemaskan lagi dengan cadangan pindaan Seksyen 29 dan tambahan Seksyen 29A. Pindaan seksyen 29 adalah untuk membolehkan Mahkamah merampas barang-barang yang tetah digunakan dalam melakukan kesalahan di bawah Akta walaupun barang-barang ini bukan kepunyaan tertuduh. Mengikut Seksyen 29 sekarang Mahkamah telah mempunyai kuasa, misalnya untuk merampas sebarang kenderaan yang terlibat dalam kesalahan jika tuan punya kenderaan itu tidak dituduh. Ada masanya didapati kenderaan yang sama telah digunakan beberapa kali untuk melakukan kesalahan-kesalahan di bawah Akta LPN. Dengan adanya cadangan pindaan ini, maka mahkamah bolehlah menggunakan budi bicaranya sama ada hendak merampas kenderaan itu ataupun tidak.

Tambahan Seksyen 29A adalah mengenai kesan lucuthak di mana barang yang telah dilucutkan hendaklah diserahkan kepada Pegawai Berkuasa dan hendaklah dilupuskan menurut arahan Ketua Pengarah.

Sebagai institusi Kerajaan yang bertanggungjawab untuk mewujudkan kestabilan di dalam industri padi dan beras negara, maka amatlah penting bagi pengurusan LPN untuk dapat bertindak ke atas sesuatu perkara dengan licin dan teratur. Bagi tujuan ini beberapa pindaan dan peruntukan tambahan adalah dicadangkan ke atas Akta LPN yang berkaitan dengan pentadbirannya.

Beberapa peruntukan dicadangkan untuk dipinda dan ditambah bagi memperkemaskan lagi peruntukan mengenai Jemaah Lembaga LPN. Seksyen tambahan 5 (2A) adalah mengenai tugas Ahli-ahli Lembaga Pengarah LPN. Pindaan kepada seksyen 8, tambahan seksyen 7 (3) dan tambahan beberapa perenggan kepada

Jadual (seksyen 5) adalah mengenai perwakilan dan penurunan kuasa Lembaga. Pindaan kepada seksyen 7 (2) pula adalah untuk menjelaskan keadaan-keadaan di mana dokumen perlu dimeterikan dengan meteri Lembaga. Tambahan seksyen 7 (3) adalah bagi dokumen-dokumen dan suratcara-suratcara lain yang tidak perlu dimeterai dan boleh disempurnakan oleh mana-mana pegawai yang telah diberi kuasa oleh Lembaga.

Pindaan kepada seksyen 8 adalah bertujuan untuk memberi kuasa kepada Lembaga mewakilkan kepada mana-mana orang atau badan, bukan sahaja tugas-tugasnya tetapi juga kuasa-kuasanya melainkan kuasa untuk membuat pinjaman di bawah seksyen 13 dan kuasanya untuk membuat peraturan-peraturan di bawah seksyen 32.

Bagi Jadual (seksyen 5), adalah dicadangkan tambahan perenggan 8 iaitu mengenai penzahiran kepentingan oleh anggota-anggota Lembaga dan perenggan 9 iaitu mengenai penerimaan sebagai keterangan tanpa bukti lanjut, tinjut mana-mana mesyuarat Lembaga yang telah ditandatangani dengan sempurnanya. Di samping itu adalah dicadangkan tambahan Bahagian II kepada Jadual (seksyen 5), iaitu perenggan 10 mengenai perlantikan Setiausaha Lembaga, perenggan 11 mengenai perlantikan jawatankuasa-jawatankuasa dan jawatankuasa-jawatankuasa kecil oleh Lembaga; perenggan 12 mengenai pembayaran saraan dan elauan-elaun kepada anggota jawatankuasa-jawatankuasa dan jawatankuasa-jawatankuasa kecil; perenggan 14 mengenai penzahiran kepentingan oleh anggota jawatankuasa dan jawatankuasa kecil dan perenggan 15 mengenai penerimaan sebagai keterangan tanpa bukti lanjut, minit mana-mana

mesyuarat sesuatu jawatankuasa atau jawatankuasa kecil yang telah ditandatangani dengan sempurna.

Pada masa ini Akta LPN tidak mempunyai peruntukan mengenai syarat-syarat perlantikan Ketua Pengarah. Oleh itu pindaan ke atas Seksyen 9 adalah dicadangkan.

Adalah dicadangkan pindaan dibuat juga kepada seksyen 32 untuk menyatakan secara khusus kuasa Lembaga membuat peraturan bagi menetapkan perkara-perkara yang berkaitan dengan rayuan oleh pegawai-pegawai dan pengkhidmat-pengkhidmat Lembaga yang terkilan dengan apa-apa keputusan Ketua Pengarah atau mana-mana orang atau badan yang telah diwakilkan kuasa untuk membuat keputusan itu.

Sebagai usaha untuk memperkemaskan Akta ini, adalah dicadangkan pindaan dibuat ke atas seksyen 12 (teks Bahasa Inggeris sahaja) bagi memasukkan sebelum perkataan "incidental" dalam perenggan kecil (v) perenggan (a) perkataan "matter" yang telah tertinggal dengan tidak sengaja.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa pindaan adalah juga dicadangkan ke atas peruntukan-peruntukan Akta ini yang mengenai kewangan. Adalah dicadangkan pindaan ke atas seksyen 15 (2) berkait dengan peruntukan mengenai kelulusan Yang Berhormat Menteri ke atas perbelanjaan LPN supaya belanjawan LPN dapat diselaraskan dengan belanjawan negara. Di samping itu, tambahan peruntukan seksyen 37A dicadangkan supaya peruntukan-peruntukan mengenai kewangan di dalam Akta LPN diselaraskan dengan peruntukan-peruntukan Akta Badan Berkunun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980.

Beberapa pindaan ke atas peruntukan mengenai kewangan adalah bagi tujuan pelaksanaan Peraturan Melesen Kilang Padi.

Adalah dicadangkan tambahan seksyen 12A, di mana seksyen ini membolehkan wang yang dipungut daripada pengeluaran lesen kilang padi diberi kepada Kerajaan Negeri di mana pemegang lesen mengendalikan kilang padinya.

Tuan Yang di-Pertua, padi adalah satu komiditi yang amat penting kepada negara kita. Kestabilan harga padi dan beras pula adalah menjadi antara unsur kestabilan yang utama bagi masyarakat keseluruhannya. Ini adalah kerana padi dan beras adatah sumber makanan asas rakyat negara ini. Oleh yang demikian, langkah mengemukakan cadangan pindaan Akta LPN ini adalah bertujuan untuk melindungi kepentingan semua pihak berhubung dengan padi dan beras.

Pindaan-pindaan yang dicadangkan di atas tidak membayangkan kekurangan yang dihadapi oleh LPN selama ini; tetapi adalah untuk mempertingkatkan prestasi Lembaga itu dengan mengadakan peruntukan undang-undang yang lebih lengkap; sesuai dengan perkembangan industri padi dan beras di negara ini. Dengan itu, cadangan pindaan ini adalah merupakan usaha untuk mempertingkatkan kebijakan semua pihak yang mempunyai kepentingan di dalam padi dan beras, di samping menjamin pembangunan industri itu seterusnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Pertahanan (Dato Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang yang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Padi dan Beras Negara, 1971 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

*8.36 mtm.*

**Tuan Othman bin Abdul (Ulu Muda):** Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil bahagian dalam perbahasan untuk membahaskan Akta bagi meminda Akta Padi dan Beras Negara, 1971 dalam masa yang cukup singkat sahaja.

Saya telah pun mendengar pembentangan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri dalam Akta ini yang menyatakan bahawa pindaan ini adalah untuk melihat kebijakan para petani-petani yang ramai di negara kita ini. Saya memberi sokongan saya terhadap pindaan-pindaan ini dengan tujuan untuk menghalang ataupun untuk mengurangkan penyeludupan untuk membaiki segala sesuatu yang kurang baik yang mungkin selama ini tidak terfikir oleh kita semua. Memanglah satu perkara yang mustahil untuk kita menghapuskan penyeludupan tetapi saya akui bahawa ini adalah satu perkara yang sukar untuk dihapuskan kerana kita mempunyai satu sempadan yang luas dan panjang.

Saya rasa pada pandangan saya mula-mulanya saya mengingatkan bahawa pindaan ini akan membawa kepada beberapa perubahan pentadbiran di dalam LPN itu sendiri. Dalam tahun 1984 dahulu saya pernah bercakap panjang lebar mengenai Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN) ini. Walaupun Yang Berhormat Timbalan Menteri menegaskan bahawa tujuan pindaan ini adalah untuk melindungi semua pihak, mungkin saya mengakui dan menyetujui bahawa kita akan melindungi semua pihak, termasuklah orang-orang yang cuba untuk melakukan penipuan di dalam LPN ini. Saya hendak menggesa Kerajaan, LPN supaya menyiasat beberapa kes yang saya akan tunjukkan satu persatu dalam perkara ini.

Pertama sekali bayaran yang berlebihan sebanyak \$100,000 yang dibayar kepada para pengangkut yang membawa beras dari Langkawi ke negeri Kedah dalam tahun 1984 dahulu yang tuntutannya hanya \$20,000 tetapi telah dibayar sebanyak \$120,000. Ini satu kes.

Kes yang kedua, iaitu untuk memendekkan, ini berlaku pada bulan November 1985, surat Lembaga Padi dan Beras Negara yang terdapat satu borang pesanan dikeluarkan atas nama Edar Raya dengan tujuan untuk membeli beras Siam Al, 1000 metrik tan tetapi surat pesanan ini telah dibawa, beras-beras itu telah dibeli oleh sebuah syarikat yang bernama Wakaf Al-Nur Sdn Berhad, No. 3, Jalan Enggang 27, Taman Keramat, 54200, Ampang, Hulu Kelang—surat LPN dikeluarkan oleh Ketua Pegawai LPN, Negeri Selangor Wilayah Persekutuan/Pahang pada 6hb November, 1985 kepada Edar Raya. Tujuannya adalah untuk membeli beras Siam Al. Tetapi mengikut satu surat yang ditulis bagi pihak Ketua Pengarah yang ditandatangani oleh Encik Zainuri Kurnain kepada Bank Bumiputra Malaysia Berhad—"Surat Sulit", membolehkan bahawa Syarikat Al-Wakaf ini membeli tanpa lesen pemborong yang sah yang berjumlah \$866,600—satu cubaan penipuan yang berlaku, yang mungkin berlaku.

Beras-beras itu, mengikut surat ini, adalah beras IRRI6 Punjab, Pakistan A2, 500 tan dan Beras Imalta, Burma A2, 500 tan menjadi jumlah 1,000 tan, sedangkan asal kepada pesanan itu ialah beras Siam Al.

Kemudian pegawai ini pula mengarahkan supaya bayaran ini dibuat oleh Wakaf Al-Nur. Ini menunjukkan bahawa suatu penipuan yang harus diselidiki oleh LPN. Dulu saya telah pun menyuarakan pandangan saya supaya perkara ini disiasat sampai ke akar umbi supaya tidak berlaku penyelewengan dan

penyalahgunaan kuasa di dalam LPN ini. Tetapi pada tahun ini berlaku lagi dan masih ada terutama di Bahagian Pemasaran yang mana seperti Yang Berhormat Timbalan Menteri sebutkan tadi hendak membaiki soal Marketing Division ini, Tuan Yang di-Pertua; tetapi ini berlaku lagi. Misalnya catatan kaki kepada surat ini menyatakan:

"Catatan,

Telah berbincang dengan KP (Ketua Pengarah) dan Pegawai Kerja Kewangan. Didapati peraturan pembelian tidak dipatuhi dari segi kewangan. Pembelian hanya boleh jika Syarikat Edar Raya sendiri yang membeli ataupun Wakaf sendiri beli menggunakan leseninya sendiri. Tidak boleh diluluskan".

Jadi, pembelian atas lesen Edar Raya. Ini catatan kaki yang dibuat oleh pegawai LPN sendiri.

Kemudian itu satu memo yang ditulis oleh Rahimah binti Abdul Jalil untuk Puan Hajjah Robi'ah binti Nordin menunjukkan bahawa tidak ada pun satu bank guarantee yang berjumlah \$860,600. Tidak ada pun bank guarantee yang membolehkan seseorang pelesen itu untuk membeli beras daripada LPN. Ini suatu perkara yang amat menyedihkan, wang Kerajaan, wang rakyat. Ini berlaku. Disamping itu pula bank guarantee yang dikeluarkan atau disediakan oleh Edar Raya hanya berjumlah \$270,000 bagi menampung pembelian yang berjumlah \$800,000 lebih. Yang tidak dituntut adalah sebanyak \$20,000. Saya tidak tahu mengapa baki bagi \$20,000 tidak dituntut oleh LPN, saya tidak tahu sebab-sebabnya.

Inilah saya rasa Kerajaan dan LPN patut bertindak sebab int adalah wang Kerajaan. Saya hendak mengusulkan supaya satu jawatankuasa khas dibentuk di peringkat Kementerian atau sebuah jawatankuasa Audit

peringkat Kementerian bagi menyelidiki semua pusat-pusat LPN ini sama ada di negeri atau di Persekutuan supaya kita dapat mengetahui keadaan yang sebenarnya; kerana memang banyak kes-kes semacam ini. Kerana saya ada di dalam kawasan LPN memang banyak pemberong-pemberong beras yang menceritakan penipuan-penipuan yang boleh dilakukan oleh mereka dengan kerjasama pegawai-pegawai LPN ini.

Saya suka jelaskan tetapi saya tidak mahulah sebab memakan masa tetapi setakat ini saya mempunyai bukti yang cukup lengkap kalau hendak diserahkan kepada BPR boleh untuk menyiasat kes ini. Ini terpulanglah kepada pihak LPN dan pihak Kerajaan. Saya rasa perkara ini perlulah diberhentikan dan Kementerian perlulah bertindak tegas mencari, mengkaji, menyelidik supaya penipuan-penipuan seperti ini tidak harus berlaku di dalam LPN kerana ia menjelaskan imej Kerajaan, imej parti iaitu parti yang memerintah negara ini. Sekian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Kepong.

8.44 *mlm.*

**Dr Tan Seng Giaw (Kepong):** Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri apa sahaja yang berlaku dengan LPN sama ada penipuan, penyelewengan atau rasuah akan menjelaskan semua rakyat tanpa mengira kaum di negara ini.

Pindaan kepada Rang Undang-undang ini membolehkan pihak Lembaga memperwakilkan tugas-tugas dan kuasa-kuasa tertentu kepada mana-mana badan atau orang. Pada tahun yang lepas, Tuan Yang di-Pertua, lebih kurang \$51 juta diperuntukkan kepada Lembaga ini sebagai pemberian dan kenaan bayaran tetap.

Pada tahun 1986 dianggarkan bahawa sebanyak \$53,187,300 pula di mana \$34 juta adalah sebagai modal tambahan untuk pembelian padi. Mengikut Anggaran Belanjawan, Program dan Prestasi 1986, tugas-tugasnya terdiri daripada menjamin petani-petani mendapat harga padi yang berpatutan, yang telah pun disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri dan skim subsidi harga padi melalui penyelenggaraan suatu bekalan padi dan beras di bawah program stockpile tempatan atau rancangan belian padi di samping membuat syor-syor kepada Kerajaan mengenai polisi bermaksud untuk menggalakkan kemajuan perusahaan padi dan beras dan menyelaraskan perlaksanaan dasar-dasar Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, tugas Lembaga ini bukanlah terlalu berbeza-beza sehingga kita memerlukan beberapa buah jawatankuasa dan jawatankuasa kecil untuk menguruskannya. Ini adalah satu-satunya cara di dalam sebarang perbadanan Kerajaan yang suka membentuk jawatankuasa-jawatankuasa-jawatankuasa kecil dengan sewenang-wenangnya sehingga mereka yang inginkan bantuan perlukan masa yang lama sebelum sempat mendapatkannya kerana terpaksa berulang alik di antara jawatankuasa-jawatankuasa kecil dengan jawatankuasa-jawatankuasa atau Lembaga sendiri.

Nampaknya pihak Kerajaan tidak puas hati dengan suasana birokrasi di dalam pentadbiran sekarang tetapi ini memindahkan ciri ini pula kepada satu Lembaga awam.

Birokrasi di dalam pentadbiran Kerajaan bukan sahaja membuat masa rakyat bahkan juga pihak pentadbiran. Pembahagian kerja tidak mendorong pengkhususan serta kecekapan pekerja di setengah-setengah kakitangan Kerajaan malah

ianya merendahkan produktiviti mereka. Ini seterusnya membawa kepada perbelanjaan berlebihan bukan kerana keperluan tetapi kerana pembaziran masa yang diluangkan, juga sia-sia sahaja ketika kita memerlukan tindakan yang tangkas.

Oleh yang demikian, saya berpendapat bahawa birokrasi Kerajaan adalah juga penuh dengan kecacatan dan akibat daripada jumlah kakitangan yang berlebihan tanpa keperluan untuk menyebar dan menggalakkan sifat sedemikian di dalam perbadanan Kerajaan yang lain. Sebab itulah saya berpendapat bahawa pihak Kementerian terpaksa lah mengkaji semula bilangan kakitangan di semua Pejabat LPN di seluruh negara untuk menentu dan memastikan sama ada bilangan itu cukup untuk menjalankan tugas yang sebenarnya ataupun terdapat, dengan izin, "blotted bureaucracy". Masanya sudah sampai untuk LPN bagi mengkaji semula fungsi dan tugasnya selepas tertubuhnya pada tahun 1971. Jadi, sekarang sudah 15 tahun. Kita hendak tahu sama ada prestasinya selaras dengan pembentukannya.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 6 meminda Seksyen 8 Akta Ibu membolehkan perwakilan tugas-tugas dan kuasa-kuasa kecuali kuasa untuk meminjam di bawah Seksyen 13, dan kuasa untuk membuat peraturan di bawah Seksyen 32 Lembaga kepada mana-mana badan atau orang, walaupun pindaan ini membebaskan beban kerja daripada pihak Lembaga adakah ianya juga membebaskan beban tanggungjawab Lembaga terhadap segala tindak-tanduk badan atau orang yang diberi kuasa untuk berbuat demikian. Jika tiada siapa pula yang akan bertanggungjawab apabila sebarang rancangan atau tindakan gagal. Tambahan pula apabila sesuatu perwakilan itu dibatalkan atau diubah dengan satu suratcara adakah ianya bermakna badan atau orang yang yang terlibat tidak lagi dapat

dipertanggungjawabkan bagi sebarang penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa yang telah berlaku semasa ianya atau orang itu masih mewakili Lembaga.

Di samping ini seksyen kecil (4) juga membenarkan Lembaga menggunakan kuasa atau melakukan sesuatu tugas walaupun tugas atau kuasa itu masing-masing telah diwakili kepada seseorang atau badan yang lain. Apakah gunanya mewakilkan kuasa serta tugas Lembaga jika pihak Lembaga juga berkuasa untuk menggunakan kuasa atau melakukan sesuatu tugas itu? Jika yang dimaksudkan di sini adalah pengawalan, ianya memang berpatutan akan tetapi yang dimaksudkan di sini bukanlah pengawalan, tetapi memberi implikasi yang Lembaga keberatan untuk mengalihkan kuasa serta tugasnya. Jika initah kesnya, mengapa pula mengadakan satu perwakilan pada mula-mulanya? Pihak Lembaga juga mesti mengesyorkan yang ianya akan mempunyai kawalan yang baik dan berkesan ke atas badan-badan dan orang-orang yang diperwakilkan untuk mengelakkan peristiwa penyelewengan kewangan dan penyalahgunaan kuasa.

Fasal 18 meminda Jadual Bahagian I Akta Ibu yang membabitkan perihal anggota mesyuarat dan penzahiran kepentingan. Selepas perenggan 7 Jadual ini, perenggan 8 dan 9 dimasukkan yang menghendaki seseorang anggota mezahirkan kepada Lembaga hal dan jenis kepentingannya, sama ada secara langsung atau tak langsung, dengan sendiri atau melalui perkongsinya dalam mana-mana syarikat atau pengusahaannya yang Lembaga bercadang untuk membuat apa-apa kontrak atau dalam apa-apa perkara yang sedang dibincangkan. Ini memanglah satu pindaan yang berpatutan, akan tetapi ianya kurang berkesan kerana tidak terdapat sebarang tindakan yang dapat

menghalang para anggota dari merahsiakan perhubungannya dengan syarikat atau pengusahaannya yang tertentu. Inilah satu perkara yang penting. Apakah pengesyoran yang dapat diberi oleh pihak Kerajaan dan setiap anggota Lembaga akan mengemukakan dengan penuh kejujuran dan sepenuhnya segala hal-hal dan jenis kepentingan mereka dalam syarikat atau pengusahaan tertentu.

Bagi kes-kes seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda itu telah membuktikan apa sahaja tindakan yang diambil oleh Kerajaan setakat ini belum lagi mencukupi untuk membanteraskan kegiatan rasuah dan penyelewengan. Oleh yang demikian, tindakan disiplin yang tegas harus diambil terhadap mereka yang telah merahsiakan maklumat-maktumat ini untuk mengesyorkan yang mereka ini tidak langsung akan memperolehi apa-apa bentuk kepentingan atau keuntungan daripada kontrak Lembaga terutama sekali melalui pertalian saudara yang sangat erat, anggota-anggota Lembaga mestilah mengisytiharkan segala harta-benda milikan dan kepentingan mereka dan juga yang dimiliki oleh saudara-mara yang rapat. Yang Berhormat Timbalan Menteri patutlah mempertimbangkan hal ini supaya ahli-ahli Lembaga, anggota-anggota Lembaga mengisytiharkan segala harta-benda milikannya.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya Jadual Bahagian II juga dipinda untuk membolehkan Lembaga meletak jawatankuasa-jawatankuasa yang seterusnya boleh meletak satu atau lebih jawatankuasa-jawatankuasa kecil. Lembaga, jawatankuasa dan jawatankuasa-jawatankuasa kecil boleh masing-masing mempelawa sesiapa yang pada pendapat saya memiliki pengetahuan asas yang berfaedah, umpamanya untuk menghadiri mana-mana mesyuarat

Lembaga, jawatankuasa atau jawatankuasa kecil. Mengapakah pihak Kerajaan membazirkan kedua-dua masa dan sumber seperti wang, tempat bekerja, jawatankuasa dan jawatankuasa kecil di samping melalui dua tahap orang tengah dan melaksanakan tugasnya. Sistern mengagihkan tugas-tugas dan kuasa kepada jawatankuasa-jawatankuasa dan jawatankuasa-jawatankuasa kecil ini hanya jika pihak Lembaga mempunyai kawalan yang ketat ke atas setiap peringkat projek-projek yang besar-besaran belaka.

Bagi tugas-tugas yang kecil ini, yang sememangnya dapat dikerjakan oleh sesuatu jawatankuasa sahaja, maka sistem ini hanya membazirkan dan sumber-sumber negara. Saya tidak mahu melihatkan dengan adanya Lembaga, jawatankuasa dan jawatankuasa kecil, jawatankuasa mini, jawatankuasa super-mini lagi, dapat mengatasi semua halangan dan rintangan dan penyelewengan yang ada dengan LPN.

Yang pentingnya, Tuan Yang di-Pertua, kita seharusnya menghapuskan, dengan izin, "blotted bureaucracy" dan "red-tape" di dalam Lembaga Padi dan Beras Negara supaya program-program untuk sasaran orang-orang yang benar-benar miskin dapat dilaksanakan dengan berkesan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri menjawab.

8.56 *mlm.*

**Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda dan Ahli Yang Berhormat dari Kepong kerana telah membangkitkan beberapa perkara yang saya percaya adalah berkaitan dengan Akta yang dibincang pada masa ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda, perkara-perkara yang ditimbulkan oleh beliau pada Parlimen yang lalu telah pun diambil tindakan dan telah pun dibuat siasatan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pegawai-pegawai yang terbabit telah pun diambil tindakan dan ditukar. Dengan sebab itulah kita telah mempunyai Ketua Pengarah yang baru dan pegawai-pegawai yang dilantik adalah telah menunjukkan keberkesanannya untuk mengambil peranan yang lebih cekap untuk mengawal keadaan yang telah berlaku di masa-masa yang lampau.

Mengenai kes yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini, saya hanya mengetahui semasa beliau membangkitkannya. Dengan sebab itu, saya tidak dapat memberi apa-apajawapan yang khusus kerana pihak Kementerian saya terpaksa membuat siasatan untuk mengambil tindakan yang sepatutnya. Saya suka juga mencadangkan kepada Ahli Yang Berhormat, jika sekiranya beliau yakin perkara ini boleh dibawa kepada pengetahuan BPR, saya mencadangkan beliau berbuat demikian kerana pihak LPN tidak bercadang untuk melindungi ataupun membuat perlindungan kepada sesiapa yang telah membuat kesalahan di dalam apa-apa semasa mereka memegang jawatan di dalam Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kepong, perkara-perkara yang diubahsuai di dalam Akta ini ialah untuk meningkatkan lagi kawalan serta perkhidmatan Lembaga Padi dan Beras Negara. Tujuan kita mengadakan jawatankuasa-jawatankuasa-kecil ataupun jawatankuasa yang pun telah wujud ialah untuk mempermaksa serta menyelaraskan tugas-tugas jawatankuasa-jawatankuasa tersebut. Kadangkala adalah satu perkara yang

sangat sulit untuk melaksanakan satu-satu tugas sekiranya keputusan itu hanya boleh dibuat melalui sebuah jawatankuasa yang besar.

Misalnya jawatankuasa-jawatankuasa kecil tender dan sebagainya perlu diwujudkan kerana ianya lebih sesuai, lebih menjimatkan masa dan kewangan sekiranya mereka boleh bermesyuarat di masa-masa yang tertentu, tetapi sekiranya jawatankuasa besar sahaja yang diperlukan, maka ini bukan sahaja memerlukan masa kerana ke semua ahli-ahli ataupun kouram yang cukup perlu diwujudkan, maka ini selain daripada memakan masa dan juga tenaga, tetapi juga akan menggunakan kewangan yang lebih kepada pihak LPN.

Mengenai perisyiharan ahli jawatankuasa mengenai muslihat diri, ini saya ingat adalah untuk kebaikan LPN kerana sekiranya perisyiharan telah dibuat oleh ahli Lembaga ataupun ahli jawatankuasa, maka sekiranya penyelewengan telah dilakukan oleh mereka tindakan boleh diambil melalui perisyiharan yang telah dibuat.

Adalah satu perkara yang tidak lojik sekiranya seorang ahli jawatankuasa Lembaga ataupun jawatankuasa kecil itu terpaksa mengisyiharkan harta-harta mereka untuk menjadi seorang ahli Lembaga. Kalau ini dilaksanakan, saya khawatir tak ada seorang pun yang berminat untuk menjadi ahli Lembaga. Oleh yang demikian, saya percaya apa yang kita usahakan di dalam pindaan Akta ini adalah mencukupi kerana sekiranya seseorang ita mengisyiharkan interest mereka kepada LPN, maka sekiranya beliau menyalahgunakan kuasa, maka tindakan yang perlu boleh diambil kepada mereka.

Saya akan mengambil perhatian ke atas semua kenyataan-kenyataan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, dan saya sukalah

memberikan pengakuan di sini iaitu tindakan-tindakan disiplin akan diambil kepada mereka yang terlibat sekiranya benar dan wajar perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat khususnya Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda. Tetapi kita tidak boleh membuat sesuatu dengan tidak membuat siasatan yang teliti dan yang adil kerana ini melibatkan pihak-pihak yang mungkin teraniaya. Tuan Yang di-Pertua, sekian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangkan dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua memperkenankan Jawatankuasa)

*Fasal 1 hingga 18* diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

### RANG UNDANG-UNDANG TABUNG ANGKATAN TENTERA (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

9.03 mlm,

**Timbalan Menteri Pertahanan (Dato Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan

iaitu suatu Akta untuk meminda peruntukan-peruntukan Akta Tabung Angkatan Tentera 1973 dan Akta Tabung Angkatan Tentera (Pindaan) 1980 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Akta Tabung Angkatan Tentera (Pindaan) 1986 adalah bertujuan untuk meminda beberapa peruntukan-peruntukan Akta Tabung Angkatan Tentera 1973 dan Akta Tabung Angkatan Tentera (Pindaan) 1980 dan memasukkan satu seksyen baru iaitu seksyen 15B dalam Akta Tabung Angkatan Tentera 1973 serta memansuhkan Pasal 15 (1) (b).

Perkara-perkara yang *melibatkan* pindaan termasuklah Seksyen-seksyen 3, 15A dan 22 bagi skim faedah-faedah kematian dan hilang upaya. Seksyen kecil 6 (2) (a) bagi perlantikan Pengerusi Panel Pelaburan, meninggikan jumlah pelaburan wang melalui seksyen-kecil 15 (1) (c) dan seksyen 1 bagi menetapkan tarikh penguatkuasakan Akta Tabung Angkatan Tentera (Pindaan) tahun 1980.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Undang-undang sekarang iaitu Akta Tabung Angkatan Tentera tahun 1973 yang telah dipinda pada tabun 1980 terdapat peruntukan bagi mewujudkan skim faedah-faedah kematian dan hilangupaya kepada pencarum-pencarum wajib sahaja iaitu askar-askar atau anggota-anggota lain-lain pangkat tetapi faedah skim tersebut telah tidak diberikan kepada pencarum-pencarum sukarela yang terdiri dari pegawai-pegawai angkatan tentera. Skim faedah kematian dan hilangupaya ini akan membuat pembayaran yang sewajarnya kepada orang tanggungan seseorang pencarum yang meninggal dunia dalam perkhidmatan sama ada semasa menjalankan tugasnya atau bukan bertugas dan juga kepada seseorang pencarum yang diberhentikan

daripada perkhidmatan atas sebab-sebab kecacatan fiziran atau tubuh badan. Untuk membolehkan pencarum sukarela menerima faedah dari skim tersebut, seksyen 3 Akta Tabung Angkatan Tentera 1973 dan seksyen 15A Akta Tabung Angkatan Tentera (Pindaan) 1980 perlulah dipinda,

Tuan Yang di-Pertua, skim faedah kematian ini seperti juga insurans adalah untuk keadaan biasa sahaja, dengan izin, peace time. Di dalam keadaan tertentu seperti peperangan atau wang tidak mencukupi, ia perlulah digantung atau diubahsuai. Bagi membolehkan skim faedah-faedah kematian dan hilangupaya ini digantung, diubah, diberhenti atau diwujudkan semula, maka satu seksyen baru iaitu seksyen 15e Akta Tabung Angkatan Tentera tahun 1973 perlu diwujudkan. Pengwujudan seksyen 15e adalah memberi kuasa kepada Menteri Pertahanan untuk menggantung, mengubah atau menghentikan dan membatalkan perintah penggantungan skim faedah-faedah kematian dan hilang upaya atas nasihat Lembaga. Pemakaian seksyen 15e adalah untuk keadaan-keadaan tertentu sahaja, sepertimana yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, seksyen-kecil 6 (2) (a) Akta Tabung Angkatan Tentera tahun 1973 memperuntukkan Pengerusi Panel Pelaburan hendaklah dilantik oleh Menteri dari amara ahli perkhidmatan awam. Dari pengalaman Kementerian saya ada kalanya perlantikan pengerusi di antara sektor swasta lebih sesuai untuk tugas pefaburan.

Pindaan kepada seksyen 6 (2) (a) akan membolehkan Menteri melantik sesiapa sahaja atas nasihat Lembaga sebagai pengerusi panel pelaburan.

Tuan Yang di-Pertua, seksyen 5 (1) memperuntukkan Kumpulanwang Tabung mestilah dilaburkan dalam tiga

jenis pelaburan iaitu seksyen 15 (1) (a) yang mensyaratkan pelaburan dibuat tidak kurang daripada 70% dalam pelaburan bertaraf amanah. Seksyen 15 (1) (b) mensyaratkan bahawa pelaburan tidak boleh melebihi 15% dalam syarikat tersiar harga, bukan amanah. Seksyen 15 (1) (c) menjelaskan bahawa pelaburan tidak boleh melebihi 15% di dalam enterprais perniagaan dan perdagangan. Pelaburan di dalam syarikat-syarikat tersiar harga bukan amanah iaitu pelaburan di bawah seksyen 15 (1) (b) didapati tidak memberi pulangan yang menarik dan saham bukan amanah di pasaran saham pada kebiasaannya tidak dapat dibeli secara banyak dan jarang dapat dibeli dengan belok yang besar.

Semenjak Tabung ditubuhkan didapati pelaburan di bawah seksyen-kecil 15 (1) (b) tidak dapat dilaksanakan dengan sebaik-baiknya. Daripada jumlah maksima 15% yang dibenarkan hanya 2% hingga 4% sahaja yang dapat dilaburkan. Maka pindaan adalah wajar untuk mentiadakan seksyen-kecil 15 (1) (b) dan meninggikan jumlah kumpulan wang untuk tujuan pelaburan di bawah seksyen-kecil 15 (1) (c) daripada 15% kepada 30%.

Tuan Yang di-Pertua, dengan meninggikan kumpulan wang di bawah seksyen-kecil 15 (1) (c) akan memberikan, dengan izin, flexibility dalam pelaburan Tabung di mana wang dalam kumpulan wang yang tidak dapat dilaburkan di dalam pelaburan jenis saham tersiar harga bukan amanah, seksyen 15 (1) (b) dapatlah digunakan untuk pelaburan di dalam enterprais perniagaan dan perdagangan yang memberikan pulangan yang lebih tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, untuk membolehkan penguatkuasaan peruntukan ke atas kelayakan pembayaran caruman penubuhan perbadanan dan perkara-perkara

berkenaan dengan skim faedah-faedah kematian dan hilangupaya secara kebelakangan pada tarikh-tarikh berlainan, maka seksyen 1 kepada Akta Tabung Angkatan Tentera (Pindaan) 1980 perlu dipinda.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban):** Tuan Yang Di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Tabung Angkatan Tentera 1973 dan Akta Tabung Angkatan Tentera (Pindaan) 1980 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangkan dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua memperengkuskan Jawatankuasa)

*Fasal 1 hingga 8 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.*

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya rasa tentang "bersetuju" tadi deras bukan main (*Ketawa*).

Ahli-ahli Yang Berhormat, berakhirlah persidangan kita yang telah pun kita adakan semenjak lebih kurang sebulan yang lepas. Jadi, saya mengucapkan selamat pulang dan saya harap kita boleh bertemu lagi jika tidak ada dalam Dewan ini barangkali di luar Dewan (*Ketawa*).

Saya mengambil peluang ini mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian yang telah pun memberi kerjasama kepada saya dan juga kepada Timbalan Yang di-Pertua dan juga semua pegawai-pegawai dalam Parlimen untuk mengendalikan mesyuarat yang telah pun berjalan dengan etok; pada fikiran saya elok, tak tahulah fikiran orang lain saya tidak tahu sama ada elok atau tidak elok. Jadi, jika lau sekiranya ada apa-apa kesilapan, saya minta maaf kepada pihak kita semua—pihak Tuan Yang di-Pertua, Timbalan Yang di-Pertua dan juga bagi pihak pegawai-pegawai sekalian.

Berbalik kepada usul kita tadi maka mesyuarat ini ditangguhkan kepada suatu masa yang tidak ditetapkan (*Tepuk*).

*Dewan ditangguhkan pada pukul 9.15 malam.*